ڤتيقن تيته

*PETIKAN TITAH*

"HUBUNGAN masyarakat belia kita juga dengan belia-belia ASEAN yang lain perlulah digalakkan untuk melahirkan rangkaian komunikasi persefahaman dan kerjasama demi kelanjutan ASEAN sebagai sebuah pertubuhan kerjasama yang mantap." Titah sempena Perayaan Hari Keputeraan Baginda Ke-56 Tahun pada 4 Jamadilawal 1423/15 Julai 2002.

# Pelita ڤليتا بروني BRUNEI

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

مانيسڽ ايمان

*MANISNYA IMAN*

"DARI Abi Hurairah Radiallahuanhu ia berkata: Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam: Sesiapa yang mengerjakan haji ke Baitullah dan tidak melakukan perkara-perkara keji dan tidak berbuat fasik, maka dia suci daripada dosa-dosanya seolah-olah ia kembali pada hari dia dilahirkan oleh ibunya." - Maksud hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

TAHUN 50 BILANGAN 50 | RABU 14 DISEMBER 2005/1426 رابو 12 ذوالقعده | DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU | PERCUMA




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Luar Biasa Ke-3 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). – Gambar oleh Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

## Brunei komited tingkat kerjasama Program Tindakan 10 Tahun OIC


LAPORAN
**HAJI DAYANG HAJI KASIM** dayang.kasim@information.gov.bn
**DAN SAHARI AKIM** sahari.akim@information.gov.bn


**MEKAH AL-MUKARRAMAH, 7 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah memberikan jaminan bahawa kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam akan sentiasa bekerjasama dengan anggota-anggota OIC yang lain dalam menghadapi cabaran-cabaran yang dikemukakan dalam Program Tindakan 10 Tahun OIC dengan jayanya.**

Baginda juga bertitah bahawa Negara Brunei Darussalam akan membuat apa saja yang terdaya bagi menjadikan dunia moden ini sebagai sebuah tempat orang-orang Islam memberikan sumbangan yang berguna berdasarkan pengalaman, bakat dan ajaran agama suci yang dianuti, bukannya tempat yang ditakuti dan 'luar biasa'.

Baginda menyifatkan Program Tindakan 10 Tahun OIC satu analisa yang cemerlang dan jelas, komprehensif, praktikal dan memberikan inspirasi yang mendalam kerana setiap cadangan yang dikemukakan menyentuh keperluan orang-orang Islam dan menawarkan harapan serta keyakinan kepada mereka di masa hadapan.

Menurut baginda lagi, setiap perkara yang dibangkitkan membuktikan bahawa Islam masih terus relevan sehingga kini yang mana dengan demikian ia telah menempatkan OIC di barisan hadapan daripada pertubuhan-pertubuhan lain di dunia ini dalam membentuk sikap toleransi, progresif dan hormat-menghormati sesama masyarakat dunia.

Seterusnya baginda menambah titah, bahawa Program Tindakan 10 Tahun OIC merupakan satu deklarasi yang menekankan komitmen semua negara untuk menjadi sebahagian daripada dunia moden dengan berkongsi sama rata dan memainkan peranan dalam membantu menerajui OIC.

Ia juga merupakan sumbangan kemanusiaan dan tanggungjawab 1/5 daripada penduduk dunia yang mana dalam visi dan inspirasi Program Tindakan 10 Tahun OIC merupakan satu sumbangan prinsip-prinsip Islam yang murni.

Dalam pada itu kepada masyarakat dunia, ia menawarkan cabaran yang bernilai setaraf dengan visi OIC dalam semangat, harapan, keyakinan dan perasaan muhibah sejagat.

**CINTAI KELUARGA, SAYANGI MEREKA**

## ANTARA YANG MENARIK


**Hasrat Negara:**
Pastikan umat Islam rakyat yang percaya diri, tidak berputus asa
*- Muka 2*

**Haluan:**
Pertingkat dan perkukuhkan tugas dan tanggungjawab
*- Muka 10*

**Pendidikan:**
Kesalahan Bahasa Yang Sering Berlaku Di Kalangan Murid Sekolah Rendah
*- Muka 14*

**Perpustakaan Muara:**
Dukung usaha kerajaan bentuk masyarakat bermaklumat
*- Muka 1 ANEKA*

**Fokus:**
Kenali Negara Sendiri - Galakkan pelancongan dalam negara
*- Muka 2 ANEKA*

**Seruan Suci:**
Banyakkan berdoa dan beristighfar semasa berada di Tanah Suci
*- Muka 3 ANEKA*

**Melirik Masa Silam:**
Musim Haji Dengan Perkembangan Yang Menguji
*- Muka 6 ANEKA*


Program Pertukaran ASEAN libatkan belia dan kebudayaan

## Boleh mencapai semangat kekitaan ASEAN


**LAPORAN ZABAIDAH HAJI SALAT** zabaidah.salat@information.gov.bn
**DAN ABU BAKAR HAJI ABD. RAHMAN** bakar.rahman@information.gov.bn


KUALA LUMPUR, Isnin, 12 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hasssanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan bahawa peningkatan kerjasama dalam perhubungan, pengangkutan dan Program Pertukaran ASEAN yang melibatkan belia dan kebudayaan negara-negara anggota boleh memberikan pencapaian semangat atau rasa kekitaan kepada komuniti ASEAN.

Dalam pada itu, baginda juga melahirkan rasa puas hati terhadap rantau ASEAN yang masih dalam keadaan yang aman dan stabil.

Walau bagaimanapun, titah baginda, 12 bulan yang lalu merupakan tempoh masa yang sukar terutama dengan masalah pengganasan, bencana alam dan penyakit-penyakit berjangkit.

Yang menjadi kerisauan baginda ialah berlakunya Selesema Burung dan merebaknya lain-lain penyakit yang berjangkit.

Perkara tersebut, titah baginda, merupakan ancaman bukan saja kepada ekonomi-ekonomi ASEAN tetapi juga mendatangkan kesan yang drastik ke atas kesejahteraan dan keselamatan rakyat serta negara-negara yang terbabit.

Baginda bertitah demikian di Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 yang berlangsung di Pusat Persidangan Kuala Lumpur (KLCC) di sini.

Sidang Kemuncak yang bertemakan 'Satu Visi, Satu Identiti dan Satu Komuniti' tersebut juga dihadiri oleh ketua-ketua kerajaan negara-negara ASEAN dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia.

Lain-lain pemimpin ASEAN yang menghadiri sidang kemuncak itu ialah Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Hun Sen; Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Bounnhang Vorachith; Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Gloria Macapagal Arroyo; Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong; Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Phan Van Kai; Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. Susilo Bambang Yudhono; Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Dr. Thaksin Shinawatra dan Perdana Menteri Myanmar, Tuan Yang Terutama Leftenan Jeneral Soe Win.

Di sidang itu baginda seterusnya bertitah menyatakan bahawa rakyat ASEAN mempunyai satu permintaan dari Sidang Kemuncak ASEAN iaitu ASEAN perlu bersedia dan mampu bekerjasama dengan baik.

Sidang-sidang Kemuncak yang diadakan setiap tahun ini, titah baginda, telah memberikan peluang untuk menunjukkan bahawa ASEAN boleh bekerjasama dengan baik bagi memastikan visi komuniti ASEAN dapat dicapai.

Selain itu baginda juga bertitah mengulangi seruan agar komuniti-komuniti perniagaan mestilah mendapat faedah dari dasar-dasar dan tindakan-tindakan ekonomi yang telah diperkenalkan oleh ASEAN.

Sejurus selepas berangkat di Majlis Perasmian Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menandatangani 'Deklarasi Kuala Lumpur Mengenai Pembentukan Piagam ASEAN' bersama ketua-ketua negara dan kerajaan ASEAN.

Deklarasi tersebut antara lain menjelaskan bahawa Piagam ASEAN akan berfungsi sebagai satu rangka perundangan dan institusi ASEAN untuk mendukung pencapaian matlamat-matlamat dan objektif-objektif ASEAN.

Piagam tersebut akan membawa ASEAN yang dianggotai 10 negara itu terus memilih pergantungan tidak agresif dan eksklusif dengan kaedah aman bagi menyelesaikan perbezaan atau pertikaian berlaku dalam negara masing-masing, di samping menggalakkan demokrasi, hak asasi manusia, ketelusan dan pentadbiran yang baik.

Sebelum itu, baginda juga berkenan berangkat ke Sesi Pembentangan Laporan oleh wakil Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ABAC) dan Sesi Pembentangan Laporan oleh wakil Perhubungan Awam ASEAN.

Berangkat sama di Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Di sebelah tengah hari, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia di KLCC.




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersalaman bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi selaku Pengerusi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11, sejurus berangkat tiba di Pusat Persidangan Kuala Lumpur (KLCC).

### TAHUKAH AWDA

**SIDANG Kemuncak Asia Timur (EAS) Pertama berlangsung hari ini 14 Disember 2005 di Kuala Lumpur, Malaysia. Matlamat utama sidang ini antara lain ialah untuk mewujudkan sebuah kumpulan serantau yang aman, makmur dan maju untuk pembangunan semua penduduk di rantau ini. Sidang EAS Pertama membabitkan penyertaan 16 buah negara iaitu 10 negara anggota ASEAN, Jepun, China, Republik Korea, India, Australia dan New Zealand. Idea EAS adalah terbit daripada ilham Malaysia yang mahukan kelompok masyarakat yang lebih besar untuk bergerak dan dihimpunkan dalam satu forum. -** ***Sumber dari pelbagai media luar negara.***

دڠن نام الله يغمها
ڤموره دان مها ڤڽايڠ

**Dari Sidang Pengarang**

14 DISEMBER 2005 BERSAMAAN 1426 12 ذوالقعده

# MEMPERKASA OIC

PERTEMUAN para pemimpin Islam di Sidang Kemuncak Luar Biasa Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Ke-3 di Kota Suci Mekah Al-Mukarramah pada 7 dan 8 Disember lalu memberikan semangat baru ke arah memperkasa dan membela nasib 1.4 bilion umat Islam sejagat. Tidak syak lagi, pertemuan itu menjadi pemangkin utama dalam membawa sinar baru kepada umat Islam. Pertemuan dua hari itu memberikan nafas yang lebih segar kepada pertubuhan itu bagi membolehkannya memainkan peranan lebih efektif di landasan dunia yang sebelum ini didakwa pasif dalam menangani hal-ehwal dunia Islam.

Lebih bermakna lagi pertemuan 57 pemimpin OIC itu telah berhasil meluluskan dua dokumen penting - Deklarasi Mekah dan Program Tindakan 10 Tahun OIC. Dua dokumen penting itu akan menjadi titik tolak dan menjadi 'kuasa baru' kepada pertubuhan itu, bukan sahaja dalam mewujudkan perpaduan utama umat Islam tetapi yang penting bagi menggerakkan ekonomi negara-negara Islam yang kini dilihat mundur.

Sebagai contoh, 17 daripada 57 negara anggota OIC adalah termiskin di dunia walhal negara Islam dikurniakan dengan 'emas hitam' yang banyak, tetapi apa yang terjadi negara-negara OIC adalah miskin dan tidak berupaya untuk bersaing dengan ekonomi-ekonomi lain. Pencapaian pembangunan sosioekonomi masih terbelakang. Lebih mendukacitakan lagi masih banyak bumi Islam terbabit dalam kancah konflik seperti di Iraq, Afghanistan dan Palestin yang belum ada kesudahan.

Justeru itu, pertemuan di Kota Suci itu pasti membuka lembaran baru dalam memperkasakan ekonomi negara-negara anggota serta meningkatkan keupayaan pendidikan termasuk dalam sains dan teknologi seperti yang termaktub dalam Deklarasi Mekah. Deklarasi itu juga menggesa anggota OIC supaya menyegerakan kerjasama ekonomi dan sosial, memaksimumkan peluang dalam era globalisasi, membasmi kemiskinan, buta huruf dan penyakit.

Negara Brunei Darussalam sebagai anggota OIC tetap berazam dengan penuh komitmen untuk menjadikan pertubuhan yang menduduki satu perlima penduduk dunia lebih dinamik, berwibawa dan disegani. Brunei akan berbuat apa saja yang terdaya dalam menyokong apa jua program dan tindakan yang diusahakan oleh OIC dalam merealisasikan Deklarasi Mekah dan Deklarasi Program Tindakan 10 Tahun OIC.

Perkara ini ditekankan oleh pemimpin kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di Sesi Perbahasan Umum Sidang Kemuncak Luar Biasa OIC.

Menurut baginda, Negara Brunei Darussalam akan sentiasa bekerjasama dengan anggota-anggota OIC dalam menghadapi cabaran-cabaran yang dikemukakan dalam program berkenaan. Negara Brunei Darussalam melihat Program Tindakan 10 Tahun OIC satu analisa yang cemerlang, komprehensif, praktikal dan memberikan inspirasi yang cukup mendalam. Misi Program Tindakan 10 Tahun OIC antara lain membentuk dana khas yang disalurkan daripada hasil dagangan negara anggota dalam masa 10 tahun akan datang.

Selepas 36 tahun OIC ditubuhkan, pertemuan bersejarah di Kota Suci Mekah Al -Mukarramah yang diadakan ketika jutaan umat Islam bersedia berkumpul untuk menunaikan fardu haji, diharap tidak akan menghampakan harapan dan impian lebih 1.4 bilion umat Islam. Deklarasi Mekah yang akan memberi harapan baru kepada pembaharuan OIC bagi membela nasib umat Islam sejagat perlu diterjemahkan dalam Program Tindakan 10 Tahun OIC.

Ini bermakna, segala persetujuan tidak sepatutnya hanya tinggal di meja persidangan seperti yang berlaku di forum OIC sebelum ini dan kekal sebagai bahan sejarah. Tetapi yang penting dapat menyumbang kepada kekuatan dan keupayaan OIC untuk membawa perubahan yang lebih dinamik bagi mencapai keamanan, kekuataan politik, ekonomi dan kesejahteraan sosial.

Dalam hal ini dan untuk merealisasikan impian yang dicita-citakan oleh para pemimpin Islam itu, setiap anggota OIC perlu memberikan komitmen untuk menjayakan bersungguh-sungguh dan menjadikannya kenyataan. Umat Islam perlu bergerak seirama. Memainkan peranan yang lebih aktif bagi meletakkan umat Islam setanding dengan umat lain dalam segenap bidang. Kesepakatan dan kesepaduan negara anggota OIC juga amat penting dalam menangani apa jua cabaran globalisasi dan bukannya bercakaran sesama sendiri serta membuat tindakan bersendirian. Apa pun, OIC masih relevan dalam memperjuangkan umat Islam sejagat.

## HASRAT NEGARA

# PASTIKAN UMAT ISLAM RAKYAT YANG PERCAYA DIRI, TIDAK BERPUTUS ASA



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Sesi Luar Biasa Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) Ke-3 pada 7 - 8 Disember 2005 di Mekah Al-

**Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Haji Dayang Haji Kasim**
dayang.kasim@information.gov.bn

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Bismillahir Rahmanir Rahim**

ALHAMDULILLAHI Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Peluang yang diberikan oleh persidangan bagi mewakili rakyat beta di sini di Kota Suci adalah satu peluang yang jarang dan menyentuh perasaan. Ia adalah satu penghormatan yang menerbitkan perasaan yang sangat istimewa dan rendah hati. Perutusan yang beta bawa dari rakyat beta adalah salah satunya penghargaan yang tertinggi.

Kita ingin merakamkan penghargaan yang amat tinggi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan rakyat Arab Saudi kerana telah melayani bukan sahaja kami pada ketika ini tetapi juga di masa yang lain ketika mengalu-alukan kedatangan kami ke negara ini. Kebawah Duli Yang Maha Mulia sering memberikan layanan yang mesra dan tulus yang serasi dan sesuai dengan Arab Saudi dan penduduknya. Kita mengucapkan terima kasih di atas kepimpinan baginda. Kita juga menghargai persahabatan dan kebaikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Dan di atas semuanya, kita sangat menghormati dedikasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menjaga apa yang kita anggap sangat suci.

Di majlis ini, beta ingin mengucapkan takziah kepada Presiden Mahmoud Ahmadinejad, kerajaan serta rakyat Republik Islam Iran berikutan terhempasnya pesawat yang tragik di Tehran.

Persidangan ini adalah dianggap luar biasa. Ini sememangnya kerana yang utama sekali ia menjelaskan perkara-perkara prosedur biasa. Dalam hal ini, beta mengucapkan tahniah kepada rakan sejawat dari Arab Saudi dan Setiausaha Agung kita dan kakitangannya terhadap susunan yang terbaik yang telah dibuat bagi permesyuaratan kita.

Perkataan 'luar biasa' bagaimanapun, mempunyai makna yang lain. Makna keduanya ialah apa yang beta akan fokuskan mengenai peristiwa ini. Kita telah datang ke persidangan luar biasa ini kerana kita hidup dalam waktu yang luar biasa. Tidak pernah sebelum ini, orang yang tinggal di dunia ini berminat untuk tinggal bersama dalam satu kesatuan.

Beta mengatakan 'berminat' kerana tidak ada pilihan, kita hidup dalam apa yang dipanggil sebagai 'perkampungan global'. Ini adalah fakta kehidupan. Tugas yang beta lihat untuk kita pikul dalam OIC untuk sedaya upaya ialah untuk menjadikan perkampungan global itu berfungsi dengan baik. Apa yang penting dari semuanya ialah untuk memastikan semua umat Islam akan menjadi rakyat yang percaya diri mengenainya. Kita mesti membantu mereka hidup di dalamnya dengan gembira dan berjaya serta berupaya untuk membuat sumbangan mereka sendiri. Ramai di antara kita percaya bahawa mereka tidak akan berdaya melakukannya. Ada juga yang mengatakan mereka tidak seharusnya menjadi sebahagian darinya. Apabila mereka memperkatakan itu, mereka akan mengatakan ketidakadilan, berat sebelah dan sehingga mengatakan kejam. Tidak ada sesiapa yang mempersoalkannya. Perkara sedemikian memang wujud. Mereka sentiasa wujud.

Bagaimanapun, beta melihat tidak ada sebab bagi umat Islam untuk berputus asa. Apabila beta melihat ketidakadilan hari ini, beta melihat kegagalan politik. Apabila beta melihat berat sebelah, beta melihat peraturan perdagangan antarabangsa yang tidak adil. Apabila beta melihat keganasan dan huru-hara, beta sememangnya kadang-kadang melihat jenayah. Tetapi sering beta melihat kegagalan sosial.

Seperti kita di sini, beta melihat putus asa, berang, kecewa dan perasaan hilang harapan. Beta melihat kegagalan kerajaan untuk menerima permintaan kekal orang-orang biasa dalam perkampungan global. Tetapi, dalam hal ini, beta tidak melihat 'umat Islam'. Beta hanya melihat orang-orang biasa yang menderita. Apabila beta melihat 'umat Islam', beta melihat persaudaraan Islam, yang ada di antara kita sukar untuk menyesuaikan diri dengan penghidupan cara Islam kita dengan dunia baru di sekeliling mereka. Dan kemudian beta melihat tanggungjawab kita dengan jelas.

Kita sebenarnya berada di sini bukan untuk memberikan pengecualian bagi mereka yang mempergunakan Islam sebagai manifesto politik bagi zaman baru. Beta percaya kita berada di sini untuk membantu saudara-saudara kita mendapatkan tiga unsur penting yang menjadi tambahan kepada keselamatan: Percaya diri, saling memahami dan saling mempercayai - Percaya pada diri mereka sendiri sebagai rakyat dunia hari ini, memahami bahawa tidak ada pertelingkahan antara dunia dan cara hidup Islam dan saling percaya bahawa kita sebagai kerajaan, sudah cukup bersedia untuk menangani dengan tuntas dan berkesan terhadap cabaran-cabaran yang diberikan oleh cabaran-cabaran moden.

Bagi semua sebab-sebab itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia, beta ingin mengucapkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada rakan sejawat beta yang telah bekerja keras untuk memenuhi mandat yang telah diberikan kepada mereka di Sidang Kemuncak Ke-10. Beta juga merasa amat sukacita dengan hasil-hasil usaha mereka dan juga sokongan-sokongan yang telah dibuat oleh cendekiawan dan intelek ternama.

Program Tindakan 10 Tahun menawarkan sebuah analisis yang luar biasa. Ia jelas, meluas, praktikal dan sangat menarik. Setiap saranan khusus membahaskan mengenai keperluan umat Islam. Setiap perkara menawarkan bagi mereka harapan dan keyakinan di masa hadapan. Setiap subjek yang ditangani adalah mengenai pengisytiharan perlunya Islam dalam dunia sekarang. Ia secara keseluruhan, menempatkan OIC di barisan hadapan pertubuhan dunia yang berhasrat untuk membina sebuah masyarakat yang bertoleransi, membangun dan saling menghormati.

Ia juga adalah satu deklarasi. Ia menggariskan komitmen kita sebagai sebahagian daripada dunia moden, untuk berkongsi secara adil dengan rakan kita dan untuk memainkan peranan kita dalam membantu memimpin. Ia adalah sumbangan kemanusiaan terkuat dari satu perlima dari kemanusiaan. Bagi seluruh dunia yang lain, ia menawarkan satu cabaran yang besar untuk menyesuaikan visinya dalam semangat, harapan, keyakinan dan muhibah sarwa jagat. Dalam visi dan inspirasinya, ia adalah satu penghormatan kepada prinsip-prinsip kukuh Islam.

Kita di Negara Brunei Darussalam menawarkan penghargaan kami yang tinggi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia terhadap sumbangan peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam mewujudkan dokumen yang penting ini. Beta ingin meyakinkan bahawa kerajaan dan rakyat beta akan bekerja dengan rakan-rakan OIC. Kita akan menanai cabaran-cabaran dengan jayanya dan akan terus menentangnya. Kita akan melakukan apa yang terdaya untuk menjadikan dunia sekarang bukan sebuah tempat yang menakutkan dan luar biasa, tetapi sebuah dunia di mana semua umat Islam berupaya untuk menawarkan kemanusiaan bagi kepentingan pengalaman, wawasan dan kepakaran serta kekayaan dalam kepercayaan kita yang suci.

Terima kasih.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

# Pusat Tingkatan Enam Berakas mulakan pengajian

**OLEH SUKRI HIDAYAT HAJI ABU BAKAR**

BERAKAS, Sabtu, 26 November. - Sebuah lagi Pusat Tingkatan Enam telah siap dibina bagi menampung jumlah pelajar yang semakin meningkat setiap tahun dengan terbinanya Pusat Tingkatan Enam Berakas.

Sejumlah 400 orang penuntut tingkatan enam daripada Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien (SOAS) dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (SPTPRI) telah dipindahkan ke Pusat Tingkatan Enam Berakas akan memulakan pengajian mereka awal tahun depan. Majlis Doa Selamat sempena pemindahan itu telah dilangsungkan hari ini di Pusat Tingkatan Enam yang baru itu.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Dayang Hajah Aisah binti Haji Mohd. Hussain, Penolong Pengarah Bahagian Sekolah-sekolah Menengah, Kementerian Pendidikan.

Majlis tersebut dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Dayang Lee Yen Tshin, Pengetua Pusat Tingkatan Enam Berakas.

Dalam ucapannya, beliau menyatakan bahawa pembinaan Pusat Tingkatan Enam itu telah menelan belanja sebanyak B$12 juta yang bermula pada tahun 2002 dan siap dua tahun kemudian. Pusat Tingkatan Enam yang baru itu juga mempunyai 14 buah makmal sains, 42 buah bilik darjah, tiga buah studio lukisan, dua buah makmal komputer, bilik persidangan, blok pentadbiran dan auditorium.

Pusat Tingkatan Enam itu terletak di Simpang 637-84, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampong Lambak Kiri, di sini.



SEBAHAGIAN penuntut Pusat Tingkatan Enam Berakas semasa menghadiri majlis berkenaan. - Gambar oleh Pg. Ibni Pg. Haji Hidup.

# Sentiasalah berwaspada semasa bertugas

**OLEH SITI SERI LEILA IMELDA FARRAH ZOHRE HAJI ABDULLAH**

BERAKAS, Sabtu, 26 November. - Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Md. Yussop bin Bakar, menasihati pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Brunei dan Muara agar sentiasa berwaspada dalam menjalankan tugas.

Di waktu yang sama juga beliau memohon agar Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung khususnya di kawasan pedalaman, agar akan turut sama membantu jabatannya dalam memantau mana-mana kegiatan perniagaan yang tidak berlesen akan dapat memaklumkan ke jabatan ini.

Dato Paduka Awang Haji Md. Yussop selaku tetamu kehormat, berucap demikian semasa Sambutan Hari Raya Aidilfitri Jabatan Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di Dewan Muhibbah, hari ini.

Menurutnya lagi jabatan tersebut tidak pernah menghalang mana-mana individu untuk berniaga di manapun mereka berada asalkan memenuhi peraturan yang telah ditetapkan.

"Perlu dijelaskan di sini bahawa atas sokongan akhir dalam Jabatan Kerja Melesen yang dianggotai oleh wakil-wakil daripada agensi kerjaan. Ertinya mana-mana lesen yang telah diluluskan oleh Pegawai Daerah adalah kebenaran daripada Jabatan Kerja Lembaga Melesen yang dibenarkan oleh Pegawai Daerah," jelasnya.

Oleh itu, tidak timbul Pegawai Daerah yang tidak memberikan kebenaran berniaga. Kalau pun ada lesen yang tidak diluluskan atau mana-mana permit perniagaan yang diarahkan untuk ditutup kerana tidak ada lesen ianya adalah atas bidang kerja Jabatan Kerja Lembaga Melesen.

Beliau menyentuh mengenai kecemerlangan dan kegemilangan pejabat, tidak dilupakan beberapa orang pekerja yang turut sama menyumbangkan khidmat bakti demi kebaikan pejabat sehingga kepada umur persaraan. Nilai kerja mereka itu patut disanjung dan hargai sebagai orang yang berjasa bekerja dengan jujur, bersih dan amanah.

Majlis kemudiannya diteruskan lagi dengan penyampaian hadiah kepada enam orang pesara dan tiga orang kakitangan cemerlang.

Seterusnya majlis diserikan lagi dengan persembahan dan cabutan tiket bertuah serta cabutan hadiah utama.



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Yussop bin Bakar menyaksikan persembahan para pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Brunei dan Muara. - Gambar oleh Pengiran Rafee Pengiran Dato Paduka Haji Metassim.



PENGHULU Mukim Lumapas, Yang Berhormat Haji Bakar menyampaikan hadiah kepada seorang pemenang. - Gambar ihsan Jawatankuasa Majlis Perundingan dan Takmir Masjid Kampong Kasat.

# Brunei Darussalam sertai Sukan Borneo kali pertama di Kota Kinabalu

**OLEH JAAFAR IBRAHIM**
jaafar.ibrahim@information.gov.bn

NEGARA Brunei Darussalam akan menyertai Sukan Borneo kali pertama yang akan dilangsungkan di Kota Kinabalu, Sabah dari 17 hingga 21 Disember depan.

Menurut Sekretariat Sukan Borneo Negara Brunei Darussalam, negara kita akan menghantar kontinjen seramai 212 orang terdiri dari 154 atlet ( 118 lelaki dan 36 wanita) dan 58 pegawai.

Atlet negara akan menyertai dalam 59 acara dari 10 jenis sukan yang dipertandingkan iaitu badminton, bola sepak, hoki, olahraga, ragbi, gasing, sepak takraw, tenis, tenpin bowling dan tinju.

Dalam acara badminton, atlet negara akan menyertai empat acara - berpasukan lelaki dan wanita, individu lelaki dan wanita.

Bola sepak (23 tahun ke bawah) - berpasukan lelaki, ragbi berpasukan lelaki, hoki berpasukan lelaki dan wanita.

Olahraga - atlet negara akan bertarung dalam 24 acara iaitu 12 acara lelaki dan 12 acara wanita menerusi 100m, 200m, 400m, 800m, 4X100m berganti, 4x400m berganti, 110m lari berpagar, 400m lari berpagar, lompat jauh, lontar peluru, lempar cekera dan merejam lembing.

Sementara itu, dalam acara sepak takraw, atlet negara akan menyertai dalam acara berpasukan dan antara regu.

13 acara dalam tenpin bowling menerusi perseorangan lelaki dan wanita, bergu lelaki dan wanita, berpasukan bertiga lelaki dan wanita, berpasukan berempat lelaki dan wanita, all events lelaki dan wanita, masters lelaki dan wanita dan regu campuran wanita.

Lima acara menerusi sukan tinju dalam kategori berat badan 54kg, 57kg, 64kg, 69kg dan 75kg.

Tenis - tiga acara menerusi berpasukan lelaki, berpasukan remaja lelaki dan berpasukan senior dan satu acara menerusi berpasukan wanita.

Dalam acara sukan tradisional, gasing, para atlet kita akan menyertai tiga acara lelaki perseorangan, double dan regu.

Temasya lima hari itu akan mempertandingkan 73 pingat emas, 73 perak dan 85 gangsa.

Olahraga mempertandingkan 28 pingat emas menerusi 14 acara lelaki dan 14 acara wanita iaitu dalam kategori 100m, 200m, 400m, 800m, 4x100m lari berganti, 4X400m lari berganti, 110m lari berpagar, 400m lari berpagar, lompat tinggi, lompat jauh, lompat kijang, lontar peluru, lempar cekera dan merejam lembing.

Badminton mempe-runtukkan 7 pingat emas melalui acara berpasukan lelaki dan wanita, perseorangan lelaki dan wanita, bergu lelaki dan wanita dan bergu campuran.

Bola sepak - 2 pingat emas berpasukan lelaki dan wanita, hoki 2 pingat emas berpasukkan lelaki dan wanita.

Ragbi 1emas menerusi berpasukan lelaki, sepak takraw 2 emas antara regu dan berpasukan lelaki.

Tenis mempertaruhkan 4 pingat emas melalui tiga acara lelaki iaitu berpasukan lelaki, berpasukan remaja dan berpasukan senior dan satu acara menerusi berpasukan wanita.

Tenpin bowling mempertandingkan 13 pingat emas - 6 emas dalam acara lelaki iaitu menerusi perseorangan, bergu, berpasukan trio, empat berpasukan, all events dan masters. Sementara 7 emas menerusi acara perseorangan wanita, bergu, berpasukan trio, empat berpasukan, all events, masters dan regu campuran.

Tinju pula mempertaruhkan 11 pingat emas menerusi acara lelaki dalam kategori 45kg, 48kg, 51kg, 54kg, 57kg, 60kg, 64kg, 69kg, 75kg, 81kg dan 91kg.

Enam acara iaitu badminton, bola sepak, hoki, olahraga, gasing dan tenis akan dilangsungkan di Kompleks Sukan Kota Kinabalu.

Sementara itu empat acara akan dipertandingkan di luar Kompeks Sukan Kota Kinabalu. Sepak takraw di Dewan Sa'adah MUIS, Kota Kinabalu, Ragbi di Padang Polis Kebayan, tenpin bowling di Centre Point Sabah (CPS) Kota Kinabalu dan tinju di Dewan Masyarakat Kota Kinabalu.

Pembukaan rasmi temasya sukan lima hari itu akan diadakan pada 18 Disember bertempat di Stadium Kompleks Sukan Kota Kinabalu. Sementara majlis penutupan rasmi akan berlangsung pada 21 Disember.

# Majlis Ramah Mesra pereratkan hubungan penduduk kampung

**OLEH SITI SERI LEILA IMELDA FARRAH ZOHRE HAJI ABDULLAH**

KASAT, Ahad, 27 November. - Kira-kira 300 penduduk Kampong Kasat hadir di Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri anjuran Jawatankuasa Majlis Perundingan dan Takmir Masjid Kampong Kasat yang berlangsung di Dewan Kecil Sekolah Rendah Kasat, pagi ini.

Acara tersebut salah satu rancangan aktiviti kampung itu yang bertujuan bagi membolehkan penduduk kampung bermaaf-maafan seterusnya mengeratkan lagi silatu-rahim.

Hadir selaku tetamu kehormat dan berkesudian menyampaikan hadiah kepada pemenang Peraduan Bercucul Lampu Minyak Tanah ialah Penghulu Mukim Lumapas, Yang Berhormat Haji Bakar bin Mansor.

Seramai 13 peserta telah mengambil bahagian dalam Peraduan Bercucul yang dimenangi oleh Ustaz Amran bin Haji Maidin dengan menerima piala pusingan dan hadiah iringan berserta sijil.

Sementara Mohd. Zaini bin Haji Moksin menduduki di tempat kedua manakala di tempat ketiga pula dimenangi oleh Awang Januddin bin Haji Moksin, masing-masing menerima hadiah iringan dan sijil.

Hadiah-hadiah tersebut disumbangkan oleh Penghulu Mukim Lumapas, Yang Berhormat Haji Bakar bin Mansor manakala hadiah saguhati tempat keempat dan kelima pula disumbangkan oleh Pengiran Haji Metussin bin Pengiran Haji Othman dan Awang Muhammad Zain bin Haji Raman.

Sijil-sijil penyertaan kepada mereka yang tidak berjaya juga diberikan.

Yang Berhormat Haji Bakar bin Mansor juga berkesudian bersalaman dan beramah mesra bersama penduduk-penduduk kampung tersebut.

Acara pagi itu dimeriahkan lagi dengan cabutan hadiah bertuah dan seterusnya menikmati jamuan.

**Ralat**

RALAT di muka 3 keluaran 7 Disember 2005 sepatutnya dibaca: Terdapat kesilapan keterangan gambar di muka 24 keluaran 30 November 2005. Manakala tajuk di ruangan ANALISIS pada muka yang sama ialah USAHA PROAKTIF KEMBANGKAN PASARAN MODAL NEGARA. - *Ketua Unit Produksi.*

# SIDANG KEMUNCAK ASEAN KE-11 DAN SIDANG KEMUNCAK ASIA TIMUR




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menandatangani Deklarasi Kuala Lumpur Mengenai Sidang Kemuncak ASEAN + 3. - Gambar oleh Masri Osman.

## ASEAN + 3 relevan dalam arkitektur Asia Timur

KUALA LUMPUR, Isnin, 12 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan kepentingan dialog dan konsultasi bagi keamanan dan kestabilan rantau ASEAN, China, Jepun dan Republik Korea (ASEAN + 3) bagi kerjasama dan pembangunan yang dicari oleh rakyat di seluruh Asia Timur.

Baginda juga bertitah menegaskan semula bahawa ASEAN + 3 adalah relevan dalam arkitektur serantau Asia Timur meskipun Sidang Kemuncak Asia Timur akan diadakan dalam beberapa hari lagi.

Dari itu baginda berpuas hati dengan kerjasama substantif yang telah berkembang selama lapan tahun yang lalu yang mana telah membantu dalam menanamkan persahabatan, kepercayaan bersama dan cara-cara praktikal dalam bekerjasama.

Baginda bertitah demikian semasa menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN + 3 Ke-9 di Pusat Persidangan Kuala Lumpur di sini.

Baginda seterusnya menyarankan bahawa dengan kedudukan geografi rakan-rakan ASEAN + 3 yang dekat bukan sahaja menjadikan mereka rakan-rakan perniagan secara semula jadi tetapi juga memberikan asas untuk mengeratkan hubungan ekonomi.

Ke arah itu baginda berpuas hati terhadap usaha-usaha untuk memperkuatkan kesemua aspek kerjasama budaya.

Dalam menanamkan rasa identiti rantau Asia Timur, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mencadangkan bagi peningkatan kerjasama dalam perhubungan, pengangkutan, hubungan udara serta teknologi perhubungan dan maklumat sebagai satu cara praktikal uuntuk mencapainya.

Baginda juga bertitah menggalakkan kerjasama yang komprehensif terutama sekali dalam menangani cabaran-cabaran yang dihadapi dan dalam hubungan ini baginda menyeru bagi penubuhan kerjasama dalam bidang pengurusan bencana dan juga dalam membendung penyakit-penyakit berjangkit.

Baginda seterusnya bertitah bahawa kerjasama ASEAN + 3 memainkan peranan yang penting sebagai 'prime mover' untuk merealisasikan komuniti Asia Timur. Ke arah itu baginda percaya bahawa ianya adalah penting bagi proses ASEAN + 3 untuk terus mendalami dialog dan kegiatan-kegiatan kerjasama dalam semua bidang untuk menetapkan arah dan 'pace' bagi pembinaan komuniti Asia Timur.

Sidang Kemuncak ASEAN + 3 menemukan ketua-ketua negara dan kerajaan negara-negara ASEAN dengan rakan sejawat mereka iaitu China, Jepun dan Republik Korea.

Dalam pertemuan ketua-ketua negara dan kerajaan negara ASEAN + 3 ini telah membincangkan isu-isu kepentingan bersama termasuk perkembangan kerjasama ASEAN + 3 tersebut.

Di akhir sidang, baginda berserta ketua-ketua negara dan kerajaan ASEAN + 3 telah menandatangani 'Deklarasi Kuala Lumpur Mengenai Sidang Kemuncak ASEAN + 3'.

Antara isi kandungan deklarasi tersebut menyatakan bahawa Sidang Kemuncak ASEAN + 3 akan terus memberi galakan dan membantu kerjasama proses-proses ASEAN + 1, mempercepatkan perlaksanaan tindakan pada jangka pendek, pertengahan dan panjang Laporan 'East Asia Study Group' dan mempertingkatkan pertukaran antara rakyat.

## China bantu pembangunan 'sub-region' ASEAN

LAPORAN ZABAIDAH HAJI SALAT
zabaidah.salat@information.gov.bn
DAN ABU BAKAR HAJI ABD. RAHMAN
bakar.rahman@information.gov.bn

11th ASEAN SUMMIT KUALA LUMPUR 12-14 DEC 2005

KUALA LUMPUR, Isnin, 12 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN - China Ke-9 sejurus selesainya Sidang Kemuncak ASEAN + 3 Ke-9.

Sidang tersebut berlangsung di Pusat Persidangan Kuala Lumpur (KLCC) di sini.

Semasa sidang kemuncak tersebut baginda telah melahirkan rasa puas hati di atas kemajuan dalam kerjasama ASEAN - China terutama dalam bidang prioriti seperti teknologi perhubungan dan maklumat serta pembangunan sumber manusia.

Baginda juga menyatakan harapan bahawa banyak lagi yang dapat dicapai dalam bidang ekonomi terutamanya dalam pelaburan dan perkhidmatan-perkhidmatan dengan tujuan untuk menubuhkan kerjasama ekonomi yang menyeluruh.

Baginda juga berpuas hati dengan peranan yang dimainkan oleh China dalam pembangunan 'sub-region' ASEAN yang mana ianya boleh mengurangkan jurang pembangunan dalam ASEAN terutama mengenai hasrat China untuk membantu Program Kerja Kawasan Pertumbuhan Asia Timur (Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Filipina) BIMP-EAGA.

Mengenai kerjasama menyeluruh bersama China itu, baginda menyokong cadangan untuk menubuhkan Pusat Perdagangan, Pelaburan dan Promosi Pelancongan ASEAN - China serta Persatuan Pengusaha-pengusaha Belia ASEAN - China yang mana boleh menemukan rakyat dari ASEAN dan China di bidang-bidang yang penting.

Dalam hubungan perdagangan, ASEAN merupakan pasaran eksport kelima terbesar China dan sumber importnya pula yang keempat terbesar.

Perdagangan antara ASEAN dan China bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini dicatatkan sebanyak AS$94.54 bilion dan dijangka mencecah AS$120 bilion menjelang akhir tahun ini.

Tahun lepas, perdagangan dua hala mencatatkan sebanyak AS$105.9 bilion yang melepasi sasaran AS$100 bilion yang ditetapkan oleh Sidang Kemuncak ASEAN - China 2003.




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bergambar ramai bersama para pemimpin ASEAN dan China sebelum Sidang Kemuncak ASEAN - China. - Gambar oleh Pengiran Rafee Pengiran Dato Paduka Haji Metassim.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersalaman bersama Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Junichiro Koizumi sejurus sebelum mengadakan perbincangan dua hala. - Gambar oleh Masri Osman.

## Perbincangan dua hala dengan PM Jepun

KUALA LUMPUR, Isnin, 12 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan mengadakan perbincangan dua hala bersama Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Junichiro Koizumi.

Majlis perbincangan tersebut berlangsung di Pusat Persidangan Kuala Lumpur (KLCC), Malaysia hari ini.

Semasa perjumpaan itu, baginda dan Tuan Yang Terutama Junichiro Koizumi telah bertukar-tukar pandangan bagi menggerakkan hubungan ekonomi di antara kedua-dua buah negara.

Dalam perjumpaan itu, kedua-dua pemimpin juga telah bersetuju untuk mengadakan konsultasi 'scoping' bagi memulakan perbincangan bagi Perjanjian Rakan Kongsi Ekonomi (EPA - Economic Partnership Agreement) dua hala pada awal tahun depan.

Di perjumpaan itu juga baginda dan Perdana Menteri Jepun telah meluahkan perasaan gembira terhadap hubungan dua hala yang baik di antara Negara Brunei Darussalam dan Jepun.

Berangkat sama bagi mengiringi baginda di majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Hubungan diplomatik yang terjalin antara Negara Brunei Darussalam dengan Jepun melambangkan hubungan yang baik bagi kedua-dua buah negara di mana ianya telah membuka ruang untuk mengimbas kembali pencapaian yang lalu, mengukuhkan kerjasama masa kini dan merancang kursus masa hadapan bagi hubungan yang lebih kukuh.

Sejak tahun 1984 hubungan kedua-dua buah negara telah berkembang sehingga menjadi sahabat dan rakan kongsi yang penting terutama dalam bidang perdagangan dan pelaburan.

Dalam sektor gas dan minyak Jepun merupakan sumber ekonomi dan strategik penting kepada kedua-dua buah negara di mana pada tahun 1972 merupakan detik penting apabila kedua-dua buah negara sepakat menandatangani kontrak 20 tahun antara Syarikat Gas Cecair Asli Brunei (BLNG) dan Tokyo Electric, Tokyo Gas dan Osaka Gas Companies.

Malah perjanjian tersebut telah diperbaharui pada tahun 1993 apabila penandatanganan perjanjian bagi melanjutkan penjualan dan pembelian telah dicapai dan penghantaran kapal yang mengandungi gas cecair asli ke Jepun meningkat kepada 200 setahun.

Jumlah eksport tersebut menunjukkan Negara Brunei Darussalam merupakan pembekal minyak mentah yang paling lama kepada Jepun.

Namun pada jumlah keseluruhan eksport Negara Brunei Darussalam kepada Jepun telah meningkat apabila pada tahun 2002 mencatatkan $2.7 milion kepada $3.15 bilion pada tahun 2003.

# SIDANG KEMUNCAK ASEAN KE-11 DAN SIDANG KEMUNCAK ASIA TIMUR

## Keberangkatan tiba di Kuala Lumpur

LAPORAN ZABAIDAH HAJI SALAT
zabaidah.salat@information.gov.bn
DAN ABU BAKAR HAJI ABD. RAHMAN
bakar.rahman@information.gov.bn

KUALA LUMPUR, Sabtu, 10 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berangkat tiba di Kuala Lumpur bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 dan beberapa Sidang Kemuncak Asia Timur Pertama.

Berangkat bersama baginda ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Yang Teramat Mulia Azrinaz Mazhar binti Hakim Mazhar.

Juga berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakillah Hayatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bulqiah.

Terdahulu dari itu, sebaik sahaja pesawat khas baginda mendarat di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia, Subang, baginda dan ahli kerabat yang lain telah di junjung dan dialu-alukan oleh Ketua Protokol Wisma Putra Duta, Tuan Yang Terutama Zakaria Sulong dan Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Dr. Haji Mohd. Amin serta pegawai-pegawai kanan Malaysia dan pegawai-pegawai dari Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di sini.

Sejurus selepas itu baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Yang Teramat Mulia Azrinaz Mazhar binti Hakim Mazhar disembahkenalkan kepada Menteri Pengiring, Yang Berhormat Dato Sri Dr. Jamaluddin bin Dato Mohd. Jarjis, Menteri Sains, Teknologi dan Innovasi, sebelum bertolak ke tempat persemayaman baginda di Hotel J. W. Marriott.

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 bermula pada hari Isnin ini dan diikuti oleh sidang-sidang kemuncak berkaitan iaitu ASEAN + 3 (ASEAN + China, Jepun dan Republik Korea) ASEAN + India dan ASEAN + Russia).

Dengan bertemakan 'Satu Visi, Satu Identiti dan Satu Komuniti'; Sidang Kemuncak ASEAN dijangka akan membincangkan isu-isu ekonomi, politik dan sosial yang dapat menyatu dan merapatkan hubungan seluruh penduduk ASEAN yang berjumlah lebih 350 juta orang di 10 negara anggota.

Sidang Kemuncak ASEAN merupakan mesyuarat tahunan yang diadakan secara bergilir-gilir oleh negara yang menjadi Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN. Sidang-sidang kemuncak berkaitan yang akan berlangsung pada sekitar masa yang sama ialah Sidang Kemuncak ASEAN + 3 Ke-9, Sidang Kemuncak ASEAN - China Ke-9, Sidang Kemuncak ASEAN - Jepun Ke-9, Sidang Kemuncak ASEAN - Korea Ke-9 dan Sidang Kemuncak ASEAN - India Ke-4.

Ketua-ketua negara dan kerajaan ASEAN dijangka akan menandatangani 'Deklarasi Kuala Lumpur Mengenai Penubuhan Piagam ASEAN'.

Baginda juga dijangka berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) Pertama di mana sidang tersebut juga dihadiri oleh ketua-ketua negara dan kerajaan negara-negara ASEAN, China, Jepun, Republik Korea, India, Australia dan New Zealand.

Di sidang itu para pemimpin EAS akan membincangkan isu-isu kepentingan bersama manakala di akhir sidang mereka akan menandatangani 'Deklarasi Kuala Lumpur Mengenai Sidang Kemuncak Asia Timur'.

Juga akan diadakan ialah Sidang Kemuncak Kawasan-kawasan Pertumbuhan Brunei-Indonesia - Malaysia - Filipina - ASEAN - Timur (BIMP-EAGA) Ke-2 setelah yang pertama diadakan di Bali, Republik Indonesia pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-9.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berangkat menghadiri Majlis Santap Bersama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN dengan Kumpulan Tokoh-Tokoh Terkemuka (EPG) Bagi Piagam ASEAN. - Gambar oleh Pengiran Rafee Pengiran Dato Paduka Haji Metassim.

## ASEAN - EPG bincang Piagam ASEAN

KUALA LUMPUR, Isnin, 12 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam malam ini berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap bersama Ketua-ketua negara dan Kerajaan ASEAN dengan Kumpulan Tokoh-tokoh Terkemuka (Eminent Person's Group - EPG) bagi Piagam ASEAN.

Majlis yang berlangsung di Pusat Persidangan Kuala Lumpur itu tertumpu kepada isu-isu perbincangan seperti peranan-peranan ASEAN, cara-cara untuk memperelokkan proses ASEAN dan peranan Piagam ASEAN.

Semasa majlis itu berlangsung, para ketua-ketua negara dan kerajaan juga telah diberikan taklimat yang disampaikan oleh Pengerusi EPG, Yang Berbahagia Dato Musa Hitam bagi Piagam ASEAN mengenai keputusan mesyuarat pertama EPG tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah sejurus berangkat tiba di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia, Subang.



BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah sambil beramah mesra sejurus berangkat tiba di hotel persemayaman semasa menghadiri sidang kemuncak berkenaan. - Gambar oleh Masri Osman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima sejambak bunga sejurus berangkat turun dari pesawat khas di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia, Subang (kiri).

YANG Teramat Mulia Azrinaz Mazhar binti Hakim Mazhar berkenan menerima sejambak bunga sejurus berangkat turun dari pesawat khas (kanan).





MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad menandatangani plak perasmian bangunan berkenaan. - Gambar oleh Pg. Ibni Pg. Haji Hidup.

# Galakkan anak-anak guna kemudahan yang disediakan

**OLEH SAMLE HAJI JAIT**
samle.jait@information.gov.bn

MUARA, Khamis, 8 Disember. - Bangsa yang menguasai peradaban dunia adalah bangsa yang berilmu atau bangsa yang sudah lama memiliki tradisi ilmu serta tidak dapat dipertikaikan lagi bahawa ilmu itu mempunyai suatu kuasa.

Dalam konteks masyarakat dan Negara Brunei Darussalam, ilmu adalah sebagai agenda peribadi, agenda masyarakat, agenda bangsa dan agenda negara yang semuanya selari dengan tuntutan sejagat yang melahirkan satu dinamik sosial yang baru.

Perkara itu telah dijelaskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad ketika merasmikan Perpustakaan Muara, Dewan Bahasa dan Pustaka, di sini.

Perancangan jangka panjang Dewan Bahasa dan Pustaka adalah untuk memastikan semua kawasan penempatan utama akan menikmati kemudahan perkhidmatan perpustakaan, jelas Yang Berhormat.

"Bagi kawasan-kawasan luar bandar, perkhidmatan-perkhidmatan yang sedia ada seperti perkhidmatan Perpustakaan Bergerak akan diteruskan dan dipertingkatkan dari masa ke semasa mengikut keperluan setempat.

Dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-8, empat buah perpustakaan berkonsepkan perpustakaan komuniti yang telah diluluskan termasuk di Pekan Muara, Mukim Sengkurong dan Kampong Lambak bagi Daerah Brunei-Muara sementara sebuah lagi perpustakaan dibina di kawasan perpindahan Kampong Pandan di Kuala Belait.

Yang Berhormat berharap pembinaan Perpustakaan Muara akan dapat memenuhi sebahagian keperluan sosial komuniti di sini dalam usaha untuk menjadikan sebuah masyarakat yang berilmu kerana perpustakaan adalah gedung yang menyimpan segala macam ilmu untuk disebarkan kepada masyarakat sekelilingnya.

Sehubungan itu, Yang Berhormat menyeru ibu bapa yang tinggal di persekitaran Muara, menggalakkan anak-anak untuk memanfaatkan segala kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan di sini.

Beliau menambah budaya memakmurkan perpustakaan perlu dipupuk dan dijadikan sebagai salah satu aktiviti keluarga dan dengan cara itulah akan dapat mempertingkatkan minat membaca di kalangan anak-anak, di samping mendorong mereka membudayakan minat membaca.

Perletakan Batu Asas Perpustakaan Muara telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain pada 13 Mei 2004 lalu dengan menelan belanja hampir $1 juta.

Bangunan perpustakaan yang dilengkapi dengan bilik bacaan dan rujukan yang selesa, bilik aktiviti dan bilik siber di samping beberapa kemudahan lain merupakan perpustakaan komuniti yang dihasratkan bagi melaksanakan fungsi sebagai perpustakaan jabatan dan awam dalam usaha memikul serta meningkatkan mutu perkhidmatannya kepada semua lapisan masyarakat di Negara Brunei Darussalam.



# Lawatan muhibah ke Wilayah Persekutuan Labuan

SEROMBONGAN 24 orang terdiri daripada guru dan bapa Sekolah Rendah Mabohai telah mengadakan lawatan muhibah ke Wilayah Persekutuan Labuan pada 3 - 4 Disember 2005 yang lalu. Semasa berada di sana rombongan yang diketuai oleh Cikgu Rosli bin Awang Damit sempat mengadakan perlawanan badminton dan bola sepak serta menjadi tetamu Ketua Kampong Patau-Patau, Wilayah Persekutuan Labuan. Tujuan lawatan adalah bagi mengisikan masa percutian sekolah, di samping mengeratkan tali silaturahim antara bapa dan guru (atas). - Gambar ihsan Cikgu Rosli bin Awang Damit.

# IDBB serah tajaan sempena perasmian Perpustakaan Muara

**OLEH SITI SERI LEILA IMELDA FARRAH ZOHRE HAJI ABDULLAH**

BERAKAS, Sabtu, 3 Disember. - Para penduduk dan rakyat di Pekan Muara sedikit masa lagi akan mempunyai kemudahan perpustakaan sendiri apabila ianya akan mula digunakan pada 8 Disember ini.

Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dr. Mataim bin Bakar menjelaskan demikian di Majlis Sidang Akhbar Perasmian Pembukaan Perpustakaan dan Penyampaian Barang-barang tajaan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) yang berlangsung di Bilik Pateh Barbai, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini.

Beliau menambah, Bangunan Perpustakaan Muara yang akan dirasmikan pada 8 Disember ini nanti menelan belanja hampir $1 juta dan sudah pun mempunyai 5,186 naskhah buku yang mana 3,660 darinya adalah buku berbahasa Melayu dan selebihnya berbahasa Inggeris.

Majlis Perasmian bagi bangunan itu nanti juga akan diselajurkan dengan pameran, jualan buku-buku terbitan DBP, Perkampungan Perpustakaan dan lain-lain aktiviti yang sudah pun dirancang.

"DBP juga akan mengadakan Pesta Buku bersempena Hari Kebangsaan Ke-22 Tahun, yang akan berlangsung pada 25 Februari hingga 6 Mac 2006. Setakat ini sebanyak 26 buah tokoh buku dari dalam dan luar negara telah mendaftar untuk menyertai Pesta Buku itu nanti," ujarnya.

Bagi tujuan tersebut IDBB telah menaja beg kertas dan Bendera Pisang-pisang yang diserahkan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif IDBB, Haji Minorhadi bin Haji Mirhasan kepada Pemangku Pengarah DBP, Dr. Mataim bin Bakar.

Menurut Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif IDBB, tajaan beg-beg kertas dan Bendera Pisang-pisang itu akan digunakan bagi pembukaan rasmi Perpustakaan Cawangan Muara nanti.

"Dengan pembukaan Perpustakaan Muara itu nanti akan tertubuh satu lagi pusat pembacaan dan pembelajaran untuk kawasan Muara. Ianya juga akan menjadi satu pusat perkembangan minda bagi mereka yang bermastautin di kawasan Muara, khususnya dengan adanya kemudahan dan aktiviti-aktiviti yang akan dianjurkan oleh perpustakaan itu nanti," tambahnya.

Masyarakat yang suka membaca dan menimba ilmu pengetahuan adalah sangat diseru oleh agama Islam dan menjadi kewajipan seseorang Islam itu untuk tidak putus-putus menimba ilmu pengetahuan buat dirinya dan juga keluarganya, seperti yang tersebut di dalam Surah Al-Aalaq, ayat 1 hingga 5, kata Dr. Mataim.

Di sini, jelas sekali betapa pentingnya membaca dan menimba ilmu pengetahuan buat semua lapisan masyarakat, tidak kira yang tua mahupun yang muda, ujarnya.

Budaya membaca hendaklah disemai di setiap individu bukan sahaja untuk kepentingan diri sendiri, bahkan juga untuk kepentingan keluarga kerana melalui membaca seseorang itu akan memperolehi ilmu yang bermanfaat dan berguna untuk kesempurnaan hidup bagi dirinya dan keluarganya, jelasnya.




PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dr. Mataim bin Bakar menerima barangan tajaan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB). - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

# 30 pelajar cemerlang terima hadiah, sijil

**OLEH SAMLE HAJI JAIT** samle.jait@information.gov.bn

JALAN MUARA, Rabu, 30 November. - Seramai 30 orang pelajar dari menengah 1, 2 dan 4 Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) yang cemerlang dalam bidang akademik pada tahun ini menerima hadiah dan sijil pada Majlis Penyampaian Hadiah di maktab berkenaan, di sini.

Penyampaian hadiah dan sijil kepada pelajar terbaik merupakan usaha berterusan maktab berkenaan dalam membentuk, melahir dan menampilkan pelajar-pelajar cerdik dan cerdas yang mempunyai wawasan.

Pengetua MSPSBS, Pengiran Hajah Sarah mengucapkan syabas kepada ibu bapa yang memberi sokongan dan kefahaman bagi membantu kejayaan anak-anak mereka.

Katanya, para pelajar merupakan aset paling berharga dan mereka diharap akan mengangkat martabat bangsa di masa hadapan.

Teknologis Makmal Kanan, Awang Haji Jasdi bin Haji Jamil menjadi tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah dan sijil kepada para pelajar terbaik berdasarkan kepada pencapaian markah purata tertinggi dalam peperiksaan akhir tahun 2005.

Di antara penerima hadiah pertama terbaik ialah Annabelle Leong Tze Ling (1I), Lim Wei Cheuan (2A), Lim Chiao Yin (4B).

MSPSBS terus berusaha mengekalkan purata tertinggi peratus lulus sekali gus memberikan peluang kepada para pelajarnya untuk bersaing dan bertanding sehingga dapat melahirkan pelajar yang berinovatif dan kreatif di samping mempunyai visi dan misi.

Maktab berkenaan juga giat mengadakan kegiatan dan aktiviti termasuk Pertandingan Lukisan, Kuiz Sains, Matematik, Keugamaan dan Sukan.

Sebelum ini, ahli-ahli Majlis Pelajar dan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) telah mengalu-alukan para pelawat dari Sekolah-sekolah ASEAN ke maktab berkenaan dalam rangka perkenalan dan bertukar-tukar pandangan mengenai akademik dan aktiviti.



TEKNOLOGIS Makmal Kanan, Awang Haji Jasdi menyampaikan hadiah kepada seorang pelajar. - Gambar oleh Pg. Ibni Pg. Haji Hidup.

# SIDANG KEMUNCAK ASEAN KE-11 DAN SIDANG KEMUNCAK ASIA TIMUR



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama para pemimpin ASEAN semasa di Sidang Kemuncak BIMP-EAGA Ke-2.




BAGINDA membincangkan sesuatu dengan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Paduka Lim Jock Seng sambil diperhatikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan semasa menghadiri Sidang kemuncak BIMP-EAGA Ke-2.




BAGINDA bersama ketua-ketua negara dan kerajaan ASEAN bergambar ramai selepas penandatanganan Deklarasi Kuala Lumpur Mengenai Pembentukan Piagam ASEAN.

11th ASEAN SUMMIT
KUALA LUMPUR
12-14 DEC 2005




BAGINDA semasa berkenan menandatangani Deklarasi Kuala Lumpur Mengenai Pembentukan Piagam ASEAN.

**GAMBAR-GAMBAR OLEH PENGIRAN RAFEE PENGIRAN DATO PADUKA HAJI METASSIM DAN MASRI OSMAN**



BAGINDA bersama Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Dr. Thaksin Shinawatra menggunakan kesempatan yang ada bertukar-tukar pandangan semasa berangkat menghadiri Majlis Penandatanganan Deklarasi Kuala Lumpur Mengenai Pembentukan Piagam ASEAN.




BAGINDA bersama para pemimpin ASEAN, Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea bergambar ramai sempena Sidang Kemuncak ASEAN + 3 Ke-9.

# SIDANG KEMUNCAK LUAR BIASA KETIGA PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM (OIC)

## Kebawah DYMM rakamkan penghargaan

MEKAH AL-MUKARRAMAH, 7 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kebijaksanaan dan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah bin Abdulaziz Al-Saud dan rakyat Arab Saudi atas layanan baik dan mesra yang telah diberikan, bukan saja semasa Persidangan Luar Biasa Pertubuhan Persidangan Islam Ke-3 dilangsungkan, tetapi juga dalam lawatan-lawatan baginda sebelum ini.

Baginda seterusnya bertitah mendoakan bagi Penjaga Dua Masjid Suci, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah bin Abdulaziz Al-Saud kebahagiaan dan kemakmuran yang berterusan.

Ketika bertitah baginda sangat menyanjung dedikasi dan jasa bakti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah bin Abdulaziz Al-Saud sebagai penjaga dua tempat paling suci bagi umat Islam.

Baginda juga bertitah melahirkan pandangan bahawa Persidangan Luar Biasa Pertubuhan Persidangan Islam Ke-3 di Kota Suci Mekah itu telah memberikan baginda pengalaman yang luar biasa yang membolehkan untuk meluahkan perasaan yang sangat istimewa dan rendah diri.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke sesi bergambar ramai bersama ketua-ketua kerajaan dan para pemimpin OIC.**

## Berangkat meninggalkan Kota Suci Mekah menuju Madinah Al-Munawarrah

MEKAH AL-MUKARAMAH, 8 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan Kota Suci Mekah Al-Mukarramah menuju Madinah Al-Munawarrah setelah selesai menghadiri Sesi Luar Biasa Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan (OIC) Ke-3 di sini.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Negara Brunei Darussalam.

Ketika berada di Mekah Al-Mukarramah, baginda juga berangkat menghadiri sesi penutup Sesi Luar Biasa Sidang Kemuncak OIC Ke-3 hari ini.

Sesi Luar Biasa Sidang Kemuncak OIC Ke-3 membincangkan keadaan umat Islam masa kini yang menumpukan kepada beberapa cabaran yang memerlukan visi baru dan komitmen serta keperluan bagi tindakan bersama untuk membolehkan umat Islam menghadapi cabaran-cabaran tersebut secara berkesan yang mana peranan OIC dalam hal ini adalah masih amat penting yang memungkinkan satu reformasi berkesan untuk memenuhi harapan umat Islam.

Sesi Luar Biasa kali ini tamat dengan menghasilkan Deklarasi Mekah Al-Mukarramah, Kenyataan Bersama dan Program Tindakan OIC 10 tahun yang menyediakan jalan bagi kerjasama dan integrasi Islam yang lebih meluas.

Penglulusan Program OIC 10 tahun menunjukkan bahawa negara-negara anggota OIC akhirnya telah menyedari betapa pentingnya strategi jangka panjang bagi mencapai sasaran bersama.

Antara isu-isu yang turut dibincangkan termasuklah usaha-usaha bersepadu bagi menentang keganasan dan juga ancaman-ancaman yang timbul daripada 'Islamphobia'.

Dalam hubungan itu, ketelusan, pengurusan sistem pemerintah yang lebih baik, hak asasi manusia dan peranan undang-undang adalah sangat perlu untuk ditekankan khususnya dalam meningkatkan nilai-nilai kemanusiaan dan moderasi.

Ketika sesi perbahasan umum, ramai pemimpin menimbulkan peranan penting yang telah dimainkan oleh Arab Saudi dalam menyatukan semua peringkat umat Islam, di samping memuji Arab Saudi sebagai sebuah negara yang berpengaruh dalam bidang politik bukan sahaja di dunia Arab tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Sementara itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan Kota Suci Mekah menuju Kota Madinah Al-Munawrrah pada sebelah petang selepas menyempurnakan Tawaf Wida'.

Ketika berada di Madinah Al-Munawarrah, baginda juga berangkat mengadakan ziarah ke Makam Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang terletak di Masjid Nabawi.

Sebelum berangkat balik, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Hadir di lapangan terbang King Abdulaziz, Jedah untuk menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis baginda ialah Tuan Yang Terutama Essam A. Abid Al-Thagafi, Duta Besar Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Jaberuddin bin Pengiran Haji Mohd. Salleh, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi.

**LAPORAN HAJI DAYANG HAJI KASIM**
dayang.kasim@information.gov.bn
**DAN SAHARI AKIM**
sahari.akim@information.gov.bn
**GAMBAR OLEH PG. HAJI BAHAR PG. HAJI OMAR DAN HALIM HAJI SULAIMAN**

## Keberangkatan tiba

JEDDAH, 6 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa King Abdulaziz di sini bagi menghadiri Sidang Kemuncak Luar Biasa Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Sejurus keberangkatan tiba, baginda dijunjung turun oleh Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Jaberuddin bin Pengiran Haji Mohd. Salleh dan wakil Ketua Protokol Diraja Arab Saudi.

Mengalu-alukan keberangkatan tiba baginda ialah Yang Teramat Mulia Putera Meshal bin Majid Al Saud, Gabenor Jeddah; Duta Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Essam A.Abid Al-Thagafi dan juga Setiausaha Agung OIC, Tuan Yang Terutama Professor Ekmeluddin Ihsanouglu.

Baginda kemudian dijunjung berangkat ke Royal Pavilion dengan melintasi perbarisan kehormatan statik untuk berehat sebentar dan disembahkan Kopi Arab.

Selepas itu, baginda kemudian dijunjung untuk menaiki kenderaan yang dikhaskan dan seterusnya berangkat ke Istana Tetamu Mekah (Makkah Guest House) di Mekah Al-Mukarramah, tempat persemayaman baginda di sepanjang keberangkatan baginda menghadiri Sidang Kemuncak Luar Biasa OIC Ke-3.

Sejurus tiba di Kota Suci Mekah Al-Mukarramah, baginda terus mengerjakan ibadat umrah.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Negara Brunei Darussalam.

Sidang Kemuncak Luar Biasa OIC dijangka bermula 7 sehingga 8 Disember.



**KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dialu-alukan oleh YTM Putera Meshal bin Majid Al Saud, Gabenor Jeddah.**

## Perjumpaan dua hala secara berasingan

MEKAH AL-MUKARAMAH, 7 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan perjumpaan dua hala secara berasingan dengan pemimpin-pemimpin Islam daripada Bangladesh dan Azerbaijan.

Baginda mengadakan perjumpaan dua hala berkenaan ketika berangkat menghadiri Sesi Luar Biasa Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam Ke-3 di sini.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Negara Brunei Darussalam.

Baginda mula-mula berkenan menerima mengadap Puan Yang Terutama Begum Khaleda Zia, Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, di mana baginda dan Perdana Menteri Bangladesh bertukar-tukar pandangan mengenai usaha-usaha untuk mengukuhkan hubungan kedua-dua negara.

Sejurus selepas itu, baginda berkenan menerima mengadap Presiden Azerbaijan, Tuan Yang Terutama Ilhem Aliyev di mana baginda bertitah mengucapkan penghargaan atas undangan Presiden bagi baginda mengadakan lawatan ke Azerbaijan.

Kedua-dua pemimpin juga bertukar-tukar pandangan mengenai usaha untuk mengukuhkan hubungan dalam bidang pelaburan dan pelancongan.

Turut hadir di Majlis Mengadap berkenaan ialah Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

## Mesyuarat Menteri Luar OIC kemukakan Pelan Tindakan 10 Tahun

JEDDAH, 6 Disember. - Para Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang bermesyuarat hari ini meluluskan cadangan dokumen Program Tindakan 10 Tahun OIC bagi menghadapi cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pertubuhan tersebut.

Program Tindakan 10 Tahun OIC berasaskan kepada cadangan perjumpaan para cendekiawan dan intelek Islam yang berlangsung di Mekah Al-Mukarramah pada bulan September lepas akan dihadapkan kepada ketua-ketua kerajaan OIC di Sidang Kemuncak Luar Biasa Ke-3 pada 7 dan 8 Disember.

Mesyuarat para Menteri Luar OIC di Conference Palace, Bandar Al-Hamara, Jeddah yang dipengerusikan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Arab Saudi, Putera Saud Al Faisal dihadiri oleh hampir 40 Menteri Luar dari 57 negara anggota OIC.

Menteri Hal Ehwal Luar Arab Saudi ketika merasmikan mesyuarat itu berharap agar resolusi yang dicapai pada Sidang Kemuncak Khas itu nanti akan menjadi permulaan kepada sejarah dunia Islam.

Sementara itu Setiausaha Agung OIC, Profesor Ekmelleddin Ihsanoglu dalam ucapan alu-aluanya pula menyatakan, Program Tindakan 10 Tahun yang akan diluluskan pada Sidang Kemuncak Luar Biasa OIC Ke-3 merupakan peta jalan ke arah pelan tindakan bersama.

Pelan Tindakan itu juga merupakan pernyataan ke arah menghadapi pelbagai cabaran yang dihadapi oleh umat Islam baik di bidang politik, ekonomi, kebudayaan dan sains.

Selain itu mesyuarat persiapan itu juga memokuskan kepada beberapa dokumen lain yang akan diluluskan oleh ketua-ketua kerajaan OIC pada Sidang Kemuncak Khas yang akan berlangsung di Kota Suci Mekah Al-Mukarramah itu nanti.

Jurucakap OIC, Atta Mannan menyatakan, program tindakan itu juga membincangkan cara menangani masalah 'Islamphobia', minoriti Islam dalam negara bukan Islam, cara-cara mengadakan dialog dengan dunia luar, kaedah meningkatkan imej Islam dan taktik dalam mengekang perpecahan umat Islam dan pengganasan.

Beliau percaya, minat yang tinggi di kalangan para delegasi kepada Program Tindakan 10 Tahun itu menunjukkan terdapatnya tumpuan dan kesungguhan dunia Islam kepada Sidang Kemuncak Khas itu.

Perbincangan di kalangan para perwakilan yang menghadiri mesyuarat tersebut menunjukkan mereka menyedari bahawa dunia Islam mempunyai pelbagai harapan terhadap Sidang Kemuncak itu nanti.



**BAGINDA ketika mengadakan perbincangan bersama Perdana Menteri Bangladesh, Puan Yang Terutama Begum Khaleda Zia pada perjumpaan dua hala antara kedua-dua pemimpin.**

## HALUAN

# PERTINGKAT DAN PERKUKUHKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB



**UCAPAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan bin BPSK Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, di Majlis Pembukaan Rasmi Seminar Peringkat Kebangsaan bagi Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Ketua-ketua Rumah Panjang Seluruh Negara Tahun 2005, pada hari Selasa 13 Syawal 1426 bersamaan 15 November 2005 di Ballroom, tingkat VII LR Asma Hotel, Jerudong, Negara Brunei Darussalam.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Bismillahir Rahmanir Rahim**

ALHAMDULILLAHI Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang bin Haji Ibrahim, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,

Yang Mulia Dato Seri Setia Haji Md. Yusoff bin Haji Ismail,

Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman,

Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi Bersama Seminar Peringkat Kebangsaan Bagi Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Ketua-ketua Rumah Panjang Seluruh Negara Tahun 2005,

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara,

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adnan bin Haji Hanafiah, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,

Yang Mulia Pegawai-pegawai Daerah, ketua-ketua jabatan, timbalan/penolong ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan kerajaan,

Yang Mulia penceramah-penceramah undangan dan pembetang-pembentang Kertas Kerja, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, Ketua-ketua Rumah Panjang serta hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan taufik, hidayah dan limpah kurnia-Nya jua membolehkan kita sama-sama hadir beramai-ramai di Majlis Pembukaan Rasmi Seminar Peringkat Kebangsaan Bagi Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Ketua-ketua Rumah Panjang Seluruh Negara Tahun 2005. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu saya sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pengerusi Bersama dan Ahli-ahli Jawatankuasa kerana berkesudian mengundang saya hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan perasmian seminar pada pagi ini.

Saya difahamkan bahawa Seminar Peringkat Kebangsaan Bagi Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Ketua-ketua Rumah Panjang Seluruh Negara Tahun 2005 yang berkebetulan diadakan pada bulan Syawal yang berkat dan penuh kegembiraan ini adalah merupakan yang julung-julung kalinya diadakan bagi Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Ketua-ketua Rumah Panjang seluruh negara sejak Negara Brunei Darussalam memasuki abad ke-21 dengan tema 'Menjana Kepimpinan Akar Umbi Berwibawa dan Pemedulian Ke Arah Kecemerlangan'.

Seminar ini diadakan setelah kita mengerjakan ibadah puasa selama sebulan lamanya dan berjaya menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran serta merayakan kejayaan tersebut dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri. Saya penuh berharap sempena dengan kejayaan dalam mengerjakan ibadah puasa dan oleh-oleh daripada seminar ini akan dapat menanamkan dan menyuntik semangat untuk lebih berdedikasi dan berwibawa dalam menerajui kepimpinan di peringkat akar umbi di mukim atau kampung masing-masing, di samping mengeratkukuhkan lagi keharmonian dan ikatan kemesraan di kalangan Penghulu/Ketua Kampung/Ketua Rumah Panjang selaku pemimpin akar umbi khususnya anak-anak buah mukim dan kampung dan masyarakat secara keseluruhannya.

### KEAMANAN DAN KESEJAHTERAAN

Seperti mana yang dimaklumi bersama, institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung adalah wadah kesempurnaan yang mana dengannya wujudlah keselamatan, keamanan, keharmonian, kestabilan, ketenteraman dan kesejahteraan. Berhubung dengan keamanan dan kesejahteraan yang kita nikmati ini telah juga dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda yang ke-59 tahun bertempat di Istana Nurul Iman pada 15 Julai 2005 yang lalu yang mana baginda antara lain menitahkan:

*"Alhamdulillah, negara kita Brunei Darussalam terus menikmati keamanan dan kesejahteraan. Tanpa keamanan dan kesejahteraan, sesebuah negara itu tidak akan mendapat menikmati kebahagiaan. Itulah dia harga keamanan dan kesejahteraan. Sebab itu, usaha-usaha ke arah menjaga, mempertahan dan meneruskan keamanan di negara ini adalah merupakan tanggungjawab besar kita bersama."*

Justeru itu, Penghulu-penghulu, Ketua-ketua Kampung dan Ketua-ketua Rumah Panjang selaku 'indung' kepada masyarakat setempat sewajarnyalah mempertingkatkan dan memperkukuhkan tugas dan tanggungjawab yang perlu dipikul bersama untuk membuktikan ketaatsetiaan yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda terutama sekali dalam bersama-sama menanai dan mengekalkan kedaulatan, keselamatan, keamanan, ketenteraman, kesejahteraan dan keharmonian negara yang sama-sama kita cintai ini. Segala undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan hendaklah sentiasa dipatuhi di samping mengelakkan serta menghindari dari apa jua kegiatan-kegiatan ataupun anasir-anasir yang tidak diingini, apatah lagi perkara-perkara yang bertentangan dengan undang-undang atau peraturan negara. Ke arah itu, biskita adalah sama-sama berperanan dan kewajipan dalam menjaga dan mengekalkan keselamatan, keamanan, kesejahteraan dan keharmonian negara yang sama-sama kita nikmati yang mana adalah terbit daripada usaha dan kerjasama, persepaduan, keharmonian, permuafakatan, persefahaman dan integrasi di kalangan anak-anak buah kampung yang berbilang kaum dan bangsa yang telah lama kita amalkan dan semestinyalah diperkukuhkan dan dipertahankan. Ikatan kemesraan dan kerjasama di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan penduduk-penduduk mukim dan kampung perlulah dijalin dengan erat dan kukuh agar semangat patriotisme, semangat kekitaan dan saling hormat-menghormati di antara satu sama lain akan terus dipupuk dan disemai.

### PERANAN SEBAGAI MATA, TELINGA DAN LIDAH KERAJAAN

Jika dilihat secara holistik, peranan, tugas dan tanggungjawab Penghulu/Ketua Kampung/Ketua Rumah Panjang adalah amat sinonim dengan ungkapan 'mata', 'telinga' dan 'lidah' kerajaan sebagaimana yang termaktub dalam Skim Perkhidmatan Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Ketua-ketua Rumah Panjang. Ini adalah diumpamakan seperti di dalam pepatah Melayu 'bagaikan isi dengan kuku' dan 'bagaikan aur dengan tebing'. Ini bermakna ketiga-tiga pancaindera (mata, telinga dan lidah) ini tidak dapat dipisahkan, iaitu umpama rangkaian yang saling bersangkut-paut di antara satu dengan yang lain. Ketiga-tiganya juga mencerminkan penghubung dua hala di antara kerajaan dan rakyat dan di antara rakyat dan kerajaan. Sebagai 'mata, telinga dan lidah' rasmi kerajaan sudah setentunya memerlukan sikap yang positif, proaktif dan komitmen yang tinggi terhadap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Amanah ini perlulah dijunjung dan diterjemahkan ke dalam sikap, naluri dan tindak-tanduk harian biskita selaku pemimpin masyarakat lebih-lebih lagi biskita adalah merupakan pemimpin barisan hadapan yang terdekat dengan rakyat dan penduduk di mukim-mukim dan kampung-kampung masing-masing. Sebagai 'mata' rasmi kerajaan, Penghulu/Ketua Kampung/Ketua Rumah Panjang haruslah memata-matai kesejahteraan dan permasalahannya serta melihat akan perkembangan, permasalahan, kemajuan mukim atau kampung di bawah jagaan masing-masing. Sebagai 'telinga' rasmi kerajaan, biskita haruslah sentiasa mendengar dan memerhatikan akan kegiatan-kegiatan anak-anak buah kampung sama ada yang berunsur positif apatah lagi yeng negatif yang semestinyalah dilaporkan kepada pihak berwajib jika sekiranya terdapat sebarang kemusykilan dan kecurigaan di kalangan anak-anak buah kampung di bawah jagaan masing-masing. Sebagai 'lidah' rasmi kerajaan, biskita haruslah sentiasa bermuzakarah dan berhubung dengan anak-anak buah kampung untuk mengetahui akan keperluan-keperluan serta menerangkan kepada mereka mengenai dengan sesuatu kemajuan atau kampung berkenaan. Di samping itu biskita juga hendaklah menyampaikan dan menghubungi pihak-pihak yang berwajib setelah mengenal pasti kesahihan masalah atau keperluan anak-anak buah kampung yang benar-benar memerlukan bantuan. Justeru itu, ketiga-tiga rangkaian pancaindera ini masing-masing memainkan peranan yang utama dan penting. Persoalan yang timbul ialah setakat manakah biskita selaku 'indung' di mukim atau kampung yang berkenaan telah benar-benar berjaya sepenuhnya dalam merealisasikan dan menjelmakan peranan, tugas dan tanggungjawab sebagai 'mata, telinga dan lidah' rasmi kerajaan demi bersama-sama bertanggungjawab memastikan Negara Brunei Darussalam akan terus mengecapi keselamatan, keamanan, kemakmuran, ketenteraman dan kesejahteraan.

### IMEJ PENGHULU/KETUA KAMPUNG/KETUA RUMAH PANJANG

Peranan Penghulu/Ketua Kampung/Ketua Rumah Panjang juga menyentuh mengenai dengan soal imej. Imej yang dibawa oleh Penghulu/Ketua Kampung/Ketua Rumah Panjang haruslah diterjemaahkan kepada nilai-nilai murni dan positif. Lantikan-lantikan Penghulu, Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang adalah atas limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan selaras dengan kehendak Skim Perkhidmatan Penghulu, Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang Negara Brunei Darussalam dalam mengetuai, memimpin dan memeduli hal-ehwal mukim/kampung dan masyarakatnya. Imej yang dibawa oleh seseorang Penghulu, Ketua Kampung atau Ketua Rumah Panjang juga mencerminkan keperibadian dan cara hidup yang mana dengannya akan memberikan contoh teladan kepada anak-anak buah kampung. Dalam erti kata lain, jika sekiranya seseorang Penghulu atau Ketua Kampung/Ketua Rumah Panjang itu mempunyai kepimpinan dan keperibadian serta ciri-ciri yang munrni, maka akan baiklah nama mukim atau kampung berkenaan. Manakala jika sebaliknya, maka akan 'puhar' dan pincanglah ia. Oleh yang demikian, adalah sangat mustahak bagi Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Ketua-ketua Rumah Panjang memainkan peranannya dalam menjalankan tugas-tugas yang dipertanggungjawab sepertiyang digariskan dalam Skim Perkhidmatan Penghulu, Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang di samping menjaga nama baik, imej, kredibiliti serta menjadi contoh teladan dan juga sebagai 'indung' kepada anak-anak buah kampung dengan penuh kesabaran, keikhlasan, kewibawaan, kejujuran serta sentiasa mengamalkan konsep 'syura'. Kebaikan konsep syura ini juga terdapat dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Al-Tabarani yang maksudnya:

*"Sesiapa yang hendak melakukan sesuatu urusan umat Islam hendaklah melakukan syura, nescaya Allah akan memberi taufik bagi memperelokkan urusan mereka."*

Natijah yang diperolehi dari hadis ini jelas membuktikan bahawa konsep syura atau permesyuaratan itu adalah amat penting dalam menyelesaikan apa jua permasalahan atau membincangkan apa-apa jua rancangan yang berfaedah dan bermanfaat, di samping menangani masalah-masalah yang dihadapi.

### SIKAP KEPIMPINAN

Pada hemat saya, seseorang Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang itu hendaklah memiliki ciri-ciri kepimpinan yang murni. Kepimpinan yang dimaksudkan merangkumi kepimpinan di peringkat akar umbi yang mana merupakan amanah yang besar dalam konteks mengepalai penduduk-penduduk kampung ke arah kehidupan yang sentiasa mengamalkan permuafakatan, persefahaman dan bersatu padu. Saya ingin mengimbas kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 12 November 2005 baru-baru ini yang mana antara lainnya baginda menitahkan:-

*"Kumpulan-kumpulan atau pertubuhan-pertubuhan akar umbi, tidak syak lagi, adalah komponen yang penting dalam struktur kepimpinan sesuatu masyarakat. Mereka boleh berperanan menciptakan kesejahteraan di kalangan rakyat dan penduduk, khasnya siapa-siapa yang sememangnya menjadi sasaran khidmat yang terdiri daripada orang-orang yang susah atau yang bermasalah."*

Lihat muka 17



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng semasa menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN-Jepun.

## Bertukar pandangan isu-isu serantau dan antarabangsa

KUALA LUMPUR, Jumaat, 9 Disember. - Para Menteri Luar Negeri dari keanggotaan ASEAN hari ini memulakan pertemuan secara rasmi dalam Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN sebagai persediaan bagi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11.

Menteri Luar dan Ekonomi ASEAN memulakan mesyuarat tidak rasmi mereka pada Khamis malam sejurus selesainya para pegawai kanan (SOM) menamatkan perbincangan mereka bagi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 dan sidang kemuncak berkaitan lain serta Sidang Kemuncak Asia Timur Pertama.

Mesyuarat itu di hadiri sama oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng.

Sejurus selepas mesyuarat tersebut para menteri berkenaan kemudiannya menghadiri mesyuarat dengan rakan dialog Republik Rakyat China, Jepun, Republik Korea dan India.

Mesyuarat berlangsung di Pusat Persidangan Kuala Lumpur di sini.

Dalam mesyuarat berkenaan para menteri telah bertukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa serta mengkaji perkembangan kerjasama di antara ASEAN dengan rakan-rakan dialog.

Sepanjang berlangsungnya mesyuarat itu sebanyak tiga dokumen telah ditandatangani oleh menteri-menteri ekonomi

# MESYUARAT MENTERI LUAR DAN MENTERI EKONOMI ASEAN MENJELANG SIDANG KEMUNCAK ASEAN KE-11

## ASEAN - Russia meterai perjanjian mengenai kerjasama ekonomi dan pembangunan

**LAPORAN ZABAIDAH HAJI SALAT** zabaidah.salat@information.gov.bn
**DAN ABU BAKAR HAJI ABDUL RAHMAN** zabaidah@information.gov.bn
**GAMBAR-GAMBAR OLEH PG. RAFEE PG. DATO PADUKA HAJI METASSIM DAN MASRI OSMAN**

KUALA LUMPUR, Sabtu, 10 Disember. - ASEAN dan Persekutuan Russia hari ini mencapai kata sepakat bagi kerjasama iaitu dengan terbentuknya Perjanjian Mengenai Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan.

Kesepakatan bagi penandatanganan tersebut dibuat sejurus selesainya

ASEAN, di samping dua perjanjian dipersetujui di antara ASEAN dengan Republik Korea.

mesyuarat persediaan peringkat menteri antara Menteri-menteri Luar ASEAN dan Persekutuan Russia yang diadakan di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Kuala Lumpur di sini.

Pemeteraian perjanjian berkenaan merupakan yang terkini dalam konteks hubungan ASEAN-Russia mendahului Sidang Kemuncak Asia Timur Pertama.

Perjanjian tersebut ialah bagi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan di samping dokumen bagi Peluasan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama (TAC) di Asia Tenggara.

Pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-10 di Vientiane, Laos tahun lalu Persekutuan Russia bersetuju dengan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama (TAC) dalam Asia Tenggara yang memerlukan pendekatan yang tidak agresif dan tidak campur tangan dalam hal-ehwal dalaman antara satu sama lain.

Hubungan ASEAN-Russia boleh dilihat dengan kehadiran Moscow pada mesyuarat perundingan peringkat menteri ASEAN dan mesyuarat pasca peringkat menteri sejak 1991.

Dalam mengiktiraf kepentingan strategiknya sebagai penggiat dunia, Russia dipelawa menjadi anggota Forum Serantau ASEAN (ARF), satu-satunya forum keselamatan pelbagai hala di rantau Asia Pasifik apabila ia ditubuhkan pada tahun 1994.

Persekutuan Russia dinaikkan status sebagai rakan dialog ASEAN sepenuhnya pada Julai 1997 di Mesyuarat Peringkat Menteri ASEAN Ke-29 di Jakarta.

Persekutuan Russia yang mempunyai 150 juta penduduk, menjadi rakan dialog ASEAN sejak 1996.

Manakala ASEAN terdiri daripada Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Republik Indonesia, Laos, Republik Filipina, Myanmar, Republik Singapura, Thailand, Malaysia dan Viet Nam mempunyai dagangan dengan Persekutuan Russia sebanyak US$3.5 bilion.




MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng bersama para Menteri Luar ASEAN dan Persekutuan Russia sejurus selepas menandantangani perjanjian berkenaan.

## Penandatanganan tiga perjanjian ekonomi melambangkan era baru dalam perdagangan ASEAN

KUALA LUMPUR, Jumaat, 9 Disember. - Menteri-menteri Ekonomi ASEAN hari ini sepakat menandatangani tiga perjanjian ekonomi yang melambangkan era baru dalam perdagangan antara ASEAN.

Penandatanganan tersebut disepakati semasa berlangsungnya Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (AEM) iaitu menjelangnya Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 yang akan bermula tiga hari lagi di Pusat Persidangan Kuala Lumpur di sini.

Mewakili Negara Brunei Darussalam di majlis itu ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng.

Dokumen pertama yang ditandatangani di majlis itu ialah Perjanjian ASEAN bagi mewujudkan dan melaksanakan Jendela Tunggal ASEAN (ASW).

Dengan penandatangani ini dijangka akan meningkatkan perdagangan negara-negara anggota ASEAN.

Perlaksanaan penuh bagi ASW ini dijangka pada tahun 2008 bagi enam buah negara ASEAN (Brunei, Malaysia, Singapura, Thailand, Filipina dan Indonesia manakala empat buah negara lainnya (Kemboja, Laos, Myanmar dan Viet Nam) menjelang 2012.

Manakala dua dokumen lain yang ditandatangani ialah Perjanjian Bagi Peraturan Regim Peralatan Elektrik dan Elektronik Terlaras dan Perjanjian Pengiktrifan Bersama ASEAN (MRA) Bagi Perkhidmatan Kejuruteraan.

Perjanjian Bagi Peraturan Regim Peralatan Elektrik dan Elektronik Terlaras antara lain bertujuan untuk menghapuskan batasan dalam perdagangan peralatan elektrik dan elektronik di ASEAN, di samping mempermudahkan pewujudan MRA antara ASEAN dan negara bukan anggota ASEAN.

Di bawah perjanjian ini negara-negara anggota perlu membangunkan regim kawal selia bersama.

Sementara Perjanjian Pengiktirafan Bersama ASEAN (MRA) bagi Perkhidmatan Kejuruteraan dilihat dapat memperkukuhkan lagi inisiatif perkhidmatan di negara-negara ASEAN, di samping membolehkan aliran bebas profesional kejuruteraan dan menggalakkan pertukaran maklumat untuk menggalakkan amalan terbaik dalam standard dan kelayakan profesional di rantau ini.

Di sebelah petang sebanyak dua perjanjian lagi telah ditandatangani antara ASEAN dengan Republik Korea mengenai Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan.

Perjanjian pertama yang mula ditandatangani ialah Perjanjian Bagi Barangan Dalam Perdagangan diikuti dengan Perjanjian Mekanisme Dalam Mempertikaikan Penyelesaian Dagangan.

## Menteri-menteri ekonomi adakan pertemuan

KUALA LUMPUR, Khamis, 8 Disember. - Menteri-menteri Luar dan Ekonomi ASEAN memulakan mesyuarat tidak rasmi mereka hari ini selepas para pegawai kanan menamatkan perbincangan mereka bagi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 dan sidang kemuncak berkaitan yang lain serta Sidang Kemuncak Asia Timur Pertama.

Menteri-menteri Ekonomi mengadakan pertemuan pertama mereka pada Majlis Minum Petang yang diberikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, Yang Berhoramt Datuk Seri Rafidah Aziz.

Manakala pertemuan Menteri-menteri Luar pula diadakan semasa Majlis Makan Malam yang diberikan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Dato Seri Syed Hamid Albar.

Sidang Kemuncak ASEAN merupakam mesyuarat tahun yang diadakan secara bergilir-gilir oleh negara yang menjadi Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN.

Hadir mewakili negara di majlis itu ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng.




MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng menandatangani dokumen perjanjian ekonomi.



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng bersama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Rafidah Aziz semasa Majlis Minum Petang.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat menghadiri mesyuarat hari pertama Sidang Kemuncak Luar Biasa OIC. Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

# SIDANG KEMUNCAK LUAR BIAS PERSIDANGAN ISLAM (OIC) DI ME

MEKAH AL-MUKARRAMAH, 7 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pagi ini berangkat bersama pemimpin-pemimpin negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke Majlis Pembukaan Rasmi Sesi Luar Biasa Sidang Kemuncak Ke-3 OIC di Dewan Persidangan Istana Al-Safa di sini.

Sebelum itu, majlis mengalu-alukan keberangkatan dan ketibaan pemimpin yang menghadiri Sesi Luar Biasa Sidang Kemuncak OIC Ke-3 telah diadakan di Dewan Resepsi, Istana Al-Safa.

Majlis tersebut disempurnakan oleh Penjaga Dua Masjid Suci, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah bin Abdulaziz Al-Saud dan Duli Yang Teramat Mulia Putera Mahkota Sultan bin Abdulaziz Al-Saud, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Inspektor Jeneral.

Sejurus selepas itu, baginda berserta pemimpin negara-negara anggota OIC dijunjung bagi sesi bergambar ramai yang turut dihadiri oleh lebih 40 Ketua-ketua Negara dan Kerajaan OIC.

OIC telah ditubuhkan di Rabat, Mag September 1969 dan mengumpulkan seb negara-negara Islam di Timur Tengah, Afrika, Asia Tengah, Asia Tenggara d India kecuali Albania, Guyana dan Surin

Berangkat sama ialah Duli Yang Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sa Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bo Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan

Penubuhan OIC dihasratkan bagi me ngan 1.4 bilion orang Islam dengan gabu Dalam Negara Kasar (KDNK) berju US$5,505,810 juta.

Persidangan dua hari itu diadakan meneliti semula keadaan umat Islam da ngi cabaran-cabaran terkini dan masa dijangka akan meluluskan dua dokumen Mekah Al-Mukarramah dan Program Tahun OIC yang merangkumi bidang po kebudayaan, sains dan teknikal selain kenyataan bersama di akhir persidangan



BAGINDA dan Duli Yang Teramat Mulia berangkat meninggalkan Dewan Persantapan.



BAGINDA berbual mesra bersama Putera Meshal bin Majid Al-Saud, Gabenor Jeddah sejurus berangkat tiba di Lapangan Terbang Anta Abdulaziz. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mo Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.



BAGINDA dan Duli Yang Teramat Mulia selepas menghadiri mesyuarat hari pertama Sidang Kemuncak Luar Biasa OIC.



BAGINDA berjabat mesra bersama seorang pemimpin OIC ketika berkenan menghadiri Majlis Santap Ma sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran M Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

# SA KE-3 PERTUBUHAN KAH AL-MUKARRAMAH

ribı pada 25
yak 57 buah
ra dan Barat
n sub-benua
n.

ramat Mulia
hul Himmah
sah, Menteri

aga kepenti-
can Keluaran
niah sekitar

rupaan bagi
n mengharu-
nadapan dan
atu Deklarasi
Tindakan 10
ik, ekonomi,
rengeluarkan

LAPORAN
HAJI DAYANG HAJI KASIM
dayang.kasim@information.gov.bn
DAN SAHARI AKIM
sahari.akim@information.gov.bn
GAMBAR-GAMBAR OLEH
PG. HAJI BAHAR PG. HAJI OMAR DAN
HALIM HAJI SULAIMAN



BAGINDA ketika berangkat bagi sesi bergambar ramai bersama ketua-ketua kerajaan dan para pemimpin OIC.



abangsa King
amed Bolkiah,



BAGINDA berbual mesra bersama Menteri Luar Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. N. Hassan Wira Juda dan seorang pemimpin OIC sejurus selepas Majlis Santap Malam.



BAGINDA dan Duli Yang Teramat Mulia ketika berkenan mengadakan perjumpaan dua hala bersama Presiden Azerbaijan, Tuan Yang Terutama Llhem Aliyev.



m. Berangkat
uda Mohamed



BAGINDA dan Duli Yang Teramat Mulia ketika berangkat meninggalkan Istana Tetamu.



BAGINDA menadah tangan semasa doa selamat dibacakan sebelum meninggalkan Kota Mekah.

PENDIDIKAN

# KESALAHAN BAHASA YANG SERING BERLAKU DI KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH

OLEH ABDUL SAMAT BANIN

SESUNGGUHNYA halangan dalam mempelajari sesuatu bahasa yang lain ialah keterikatan kepada penggunaan bahasa pertuturan seorang itu yang telah diwarisinya dalam kehidupannya. Keterikatan itu berlaku baik dari aspek sebutan mahupun aspek tatabahasa. Keterikatan kepada bahasa pertama yang bertindak mendominasi bahasa seseorang itu menyebabkan kebiasaan menggunakan bahasa itu sukar untuk dilepaskan apabila mempelajari sesuatu bahasa yang lain. Pengaruhnya begitu kuat sekali. Semakin rosak sesuatu bahasa pertama seseorang itu (terjadinya percampuran dengan pelbagai bahasa) maka semakin sukarlah membetul dan membezakan penggunaannya dalam mempelajari sesuatu bahasa yang lain.

### PENGARUH

Dalam mempelajari Bahasa Melayu Standard di sekolah rendah di Negara Brunei Darussalam, pengaruh Bahasa Melayu Brunei dilihat banyak muncul dalam pembelajaran bahasa murid terutamanya semasa membina ayat dan menulis karangan. Hal ini muncul bukan sahaja kerana pengaruh yang kuat tetapi juga disebabkan oleh Bahasa Melayu Standard dan Bahasa Melayu Brunei mempunyai banyak persamaan dari segi makna perkataan dan penggunaan tatabahasanya.

Atas alasan itulah percambahan seumpama itu menjadi sebagai satu penghalang dalam kelicinan pencerapan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Standard murid-murid. Kesukaran mengenal pasti antara persamaan dan perbezaan itu banyak menyumbang kepada terjadinya kesalahan bahasa murid-murid. Dalam kebiasaan murid-murid menggunakan persamaan itu di banyak tempat, ada penggunaan Bahasa Melayu Brunei yang belum diterima penggunaannya dalam Bahasa Melayu Standard. Dengan itu maka terjadilah kesalahan penggunaan bahasa murid. Ini juga boleh dianggap sebagai satu kekeliruan yang alami oleh murid-murid.

Jika hal ini kurang diberi perhatian dan lambat diambil tindakan oleh guru-guru Bahasa Melayu yang mengajar mereka, maka kesalahan itu akan terus berulang dan berulang. Malah kesalahan itu pasti akan dibawa oleh murid tersebut hingga mereka sampai ke sekolah menengah.

Tindakan awal dan kesedaran pada diri guru-guru yang mengajar pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah berhubung dengan senario ini, pasti akan dapat menghindarkan kesalahan tersebut dengan lebih berkesan. Pelbagai langkah awal dapat dirancang dalam memantau permasalahan ini dari terus dibiarkan begitu sahaja. Semakin awal tindakan diberikan kepada murid, semakin berkesanlah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu itu dilaksanakan.

### KESALAHAN

Sebagai seorang guru Bahasa Melayu di sekolah rendah, kepekaan kepada kesalahan bahasa ini akan memudahkan guru-guru membetulkan kesalahan itu dari awal dan dari peringkat usia yang lebih muda lagi. Guru-guru dengan mudah mengutara dan memberikan penekanan kepada perkataan-perkataan yang sering digunakan yang menyebabkan kesalahan dalam pembelajaran bahasa murid-murid. Guru-guru berusaha memaklumkan kepada murid-murid terhadap perkataan-perkataan yang tidak boleh digunakan dalam penggunaan Bahasa Melayu Standard. Guru-guru boleh membina senarai kata Bahasa Melayu yang dibenarkan dan tidak dibenarkan penggunaannya dalam Bahasa Melayu Standard. Dengan itu sedari awal lagi murid telah biasa menggunakan perkataan yang betul.

Banyak aspek dan perlakuan seharian yang menyebabkan terjadinya kesalahan ini. Yang terutamanya ialah kebiasaan dalam pertuturan yang membuatkan kanak-kanak sukar untuk mengelakkan diri mereka untuk tidak membuat kesalahan tersebut. Bagaimanapun, jika dari masa ke semasa tindakan pembaikan dan pemantauan dibuat, maka kelemahan murid kita itu dapat diatasi secara berperingkat. Dengan itu kesalahan tersebut adalah di bawah kawalan.

Kesalahan dari aspek ejaan juga timbul berikutan daripada persamaan makna perkataan antara Bahasa Melayu Brunei dengan Bahasa Melayu Standard tetapi berbeza dari aspek sebutannya. Banyak perkataan Melayu Standard yang digunakan dalam Bahasa Melayu Brunei tetapi cara dilafazkan adalah sedikit berbeza akibat dari tuntutan vokal. Bahasa Melayu Standard menggunakan vokal *e* sedangkan Bahasa Melayu Brunei berdasarkan kepada vokal *a*. Oleh sebab itulah dalam penggunaan ejaan, sering didapati kesalahan. Contohnya dapat dilihat pada beberapa perkataan di bawah:

sebenarnya dieja *sabanarnya*

sebab dieja *sabab*

dengan dieja *dangan*

telah dieja *talah*

berat dieja *barat*

selepas dieja *salapas*

Pertemuan vokal *u* dan *a* juga sering kali salah dieja oleh murid-murid. Ini juga adalah berikutan dari proses pengejaan yang mengikut bulat-bulat dari proses sebutan.

jual dieja *juwal*

jadual dieja *jaduwal*

berbual dieja *berbuwal*

buaian dieja *buyaian*

### VOKAL

Boleh dikatakan hampir semua perkataan Bahasa Melayu Standard yang menggunakan vokal *e* digunakan dengan vokal *a* dalam Bahasa Melayu Brunei. Oleh itu tidak hairan kenapa murid-murid secara alaminya menukar ejaan huruf 'e' kepada ejaan huruf 'a'. Oleh itu pendedahan yang meluas terhadap penggunaannya dan sebutan yang betul perlu dibuat dengan teliti, bukan sahaja dari segi pendedahan penggunaan dalam bentuk tulisan tetapi juga segi sebutan.

Apa yang penting dalam hal ini, ketrampilan bahasa guru Bahasa Melayu dalam pertuturan yang betul amat diperlukan. Memang diakui sebagai penutur Bahasa Melayu Brunei yang aktif, guru-guru Bahasa Melayu sukar untuk melepaskan diri mereka dengan pengaruh bahasa ibunda sendiri semasa proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Namun begitu usaha dan kesedaran perlu diambil perhatian. Bagi guru itu ia cuma kesalahan kecil, tetapi dalam dunia pendidikan ia merupakan satu kesalahan besar. Apa pun yang dibuat oleh guru baik dari kata-kata mahupun tindakan terutamanya dalam bilik darjah - ia sudah dianggap terkandung dalam pendidikan murid-murid tersebut.

Di bawah ini adalah antara contoh kesalahan bahasa yang sering berlaku dalam penulisan murid-murid semasa mereka mempelajari pelajaran Bahasa Melayu Standard. Contoh yang diberikan di bawah merupakan pengaruh pertuturan Bahasa Melayu Brunei yang penggunaannya dan bunyinya hampir sama dengan Bahasa Melayu Standard.

Aku *indakan* ke sana esok - yang sepatutnya ditulis - aku *tidak* akan ke sana esok.

Saya *nada* wang - yang sepatutnya ditulis - saya *tidak ada* wang.

*Lapas atu* emak pergi memasak - yang sepatutnya ditulis - *Selepas itu* emak pergi memasak.

Saya *menanang* kelmarin - yang sepatutnya ditulis - saya *berenang* kelmarin.

Sayalah *ampuan* kucing itu - yang sepatutnya ditulis - sayalah *tuan* kucing itu.

Cikgu *membagitahu* minggu depan cuti - yang sepatutnya ditulis - cikgu *memberitahu* minggu depan cuti.

### DOMINAN

Sementara itu, kesalahan bahasa di bawah pula adalah berikutan dari kuatnya pengaruh perbendaharaan kata Bahasa Melayu Brunei sehingga kewujudannya begitu dominan dalam penulisan Bahasa Melayu Standard di kalangan murid-murid. Kekuatan pengaruh ini sukar dielakkan oleh murid-murid jika mereka kurang diberikan pendedahan kepada penguasaan perbendaharaan Bahasa Melayu Standard.

Saya pun *kana* marahi - yang sepatutnya ditulis - saya pun dimarahi.

Kakak saya *memakai* komputer baru - yang sepatutnya ditulis - kakak saya *menggunakan* komputer baru.

Dia bermain arah semak - yang sepatutnya ditulis - dia bermain di *kawasan* semak.

Kucing itu *kan* mati - yang sepatutnya ditulis - kucing itu *hampir* mati.

Ayah saya sedang *mengusai* kereta - yang sepatutnya ditulis - ayah saya sedang *membaiki* kereta.

Saya tidak sekolah *pasal* saya demam - yang sepatutnya ditulis - saya tidak sekolah sebab/kerana saya demam.

*Tarus/sekali* kucing itu pun berlari - yang sepatutnya ditulis - *kemudian* kucing itu pun berlari.

Adik *betapuk* di belakang tabir - yang sepatutnya ditulis - adik *bersembunyi* di belakang tabir.

Nenek merasa *ngalih* lalu tidur - yang sepatutnya ditulis - nenek merasa *letih* lalu tidur.

Ibu *memanyap* pinggan mangkuk itu - yang sepatutnya ditulis - ibu *mengemas* pinggan mangkuk itu.

Anjing itu *membubut* abang saya - yang sepatutnya ditulis - anjing itu *mengejar* abang saya.

*Mun* boleh saya mahu jadi doktor - yang sepatutnya ditulis - *jika* boleh saya mahu jadi doktor.

Cerita itu sangat *siuk* - yang sepatutnya ditulis - cerita itu sangat *seronok*.

Dia *menyubuk* perbuatan pencuri itu - yang sepatutnya ditulis - dia *mengintip* perbuatan pencuri itu.

Lembaga itu pun *mengaga* saya - yang sepatutnya ditulis - lembaga itu pun *menghampiri* saya.

*Rumah itu punya atap* terbang dituip angin - yang sepatutnya ditulis - *atap rumah itu* terbang ditiup angin.

Nenek merasa *karing leher* - yang sepatutnya ditulis - nenek merasa *haus/dahaga*.

Kucing itu *bekamih* di dapur - yang sepatutnya ditulis - kucing itu *kencing* di dapur.

Cicak itu *beria* di atas buku saya - yang sepatutnya ditulis - cicak itu *berak* di atas buku saya.

Pengaruh Bahasa Inggeris yang diguna pakai dalam Bahasa Melayu Brunei juga sering didapati muncul semasa murid-murid cuba menggunakan Bahasa Melayu Standard dalam penulisan mereka. Masalah ini terutamanya sering berlaku di sekolah-sekolah bukan kerajaan kerana latar belakang murid-murid tersebut. Kebanyakan mereka dari golongan menengah dan elit yang sering menggunakan dwibahasa - Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Akibatnya kanak-kanak itu terdidik dengan percampuran kedua-dua bahasa tersebut yang tidak begitu dominan dalam diri mereka. Oleh itu apabila mereka berbahasa, bahasa mereka bercampur aduk. Antara perkataan Bahasa Inggeris yang selalu digunakan oleh murid-murid ialah:

Ayah *mendrive* kereta baru - yang sepatutnya ditulis - ayah *memandu* kereta baru.

Ayah *mencek* keretanya - yang sepatutnya ditulis - ayah *memeriksa* keretanya.

*Anti/uncle* yang menjaga adik saya - yang sepatutnya ditulis - *makcik/pakcik* yang menjaga adik saya.

Saya pergi melihat *movie* - yang sepatutnya ditulis - saya pergi menonton *wayang/filem*.

Fatimah suka ke *swimming pool* - yang sepatutnya ditulis - Fatimah suka ke *kolam renang*.

### LANGKAH-LANGKAH PEMBAIKAN

Dengan adanya kesedaran kepada punca kesalahan tersebut, maka tindakan awal memantau dan mencegah dapat dilakukan. Guru-guru dapatlah merangka satu proses pembelajaran penguasaan perbendaharaan kata dan penyusunan ayat dan ejaan yang menjurus kepada usaha mengurang/menghilangkan pengaruh Bahasa Melayu Brunei dalam penulisan Bahasa Melayu Standard.

Banyak langkah yang boleh dibuat untuk mengurangkan pengaruh tersebut. Semasa merangka pengajaran ejaan, guru-guru bolehlah menyenaraikan perkataan yang sepatutnya digunakan dalam penulisan Bahasa Melayu Standard. Setiap kali sesuatu perkataan itu disebutkan, guru hendaklah menjelaskan kepada murid hubungan perkataan itu dengan perkataan Bahasa Melayu Brunei yang sering mereka gunakan. Dengan itu murid-murid akan mengetahui kesalahan mereka sekali gus mengetahui perkataan yang sepatutnya mereka gunakan bagi menggantikan perkataan Bahasa Melayu Brunei yang selalu mereka gunakan.

Selain itu kaedah mengisi tempat kosong (close passage) juga berkesan digunakan dalam usaha ini. Guru boleh menyediakan satu karangan pendek dengan mengambil kira perkataan yang sering menjadi kekeliruan antara Bahasa Melayu Standard dengan Bahasa Melayu Brunei. Kemudian guru menghilangkan perkataan-perkataan tersebut yang difikirkan penting mesti dikuasai oleh murid sama ada untuk mengurangkan kesalahan atau untuk meluaskan lagi perbendaharaan kata mereka.

Proses pengajaran seperti ini bukan sekali dua sahaja, tetapi ia merupakan proses yang berulang-ulang selagi guru mendapati kesalahan penggunaan perkataan masih terjadi dalam penulisan murid-murid.

### KESIMPULAN

Dengan adanya kajian yang ringkas ini, dapat menjadi titik tolak dan panduan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang lebih berkesan. Keberkesanan sesuatu pengajaran itu bukan terletak sepenuhnya kepada kuantiti atau banyak kerja yang diberikan kepada murid, tetapi ia terletak kepada kualiti dan kaedah penyampaian pengajaran. Semakin sesuatu pengajaran itu dirangka dan disediakan dengan rapi dengan mengambil kira kelemahan dan kebolehan murid, maka semakin hampir pengajaran dan pembelajaran itu mencapai objektif yang diharapkan.

Proses kesalahan bahasa yang diutarakan di atas juga berlaku pada setiap latar belakang murid. Ia bukan sahaja berlaku pada murid yang berlatarbelakangkan Bahasa Melayu Brunei, tetapi juga kepada murid yang berlatarbelakangkan bahasa dan dialek yang mereka miliki dalam kehidupan mereka.

MENJANA KESIHATAN BISKITA

# KENCING MANIS DAN PENJAGAAN KAKI

OLEH RUGAYAH ARUN
JURURAWAT PENGAJAR KENCING MANIS
HOSPITAL SURI SERI BEGAWAN, KUALA BELAIT

KENCING Manis ialah penyakit kronik, yang akan dihidapi sepanjang hayat yang sentiasa memerlukan pemerhatian dan kawalan. Tanpa pengurusan yang betul akan menyebabkan paras gula meningkat di dalam darah (hiperglisemia). Hiperglisemia yang berpanjangan boleh merosakkan organ-organ badan seperti jantung, buah pinggang, mata, urat saraf dan termasuk juga masalah kaki yang akhirnya boleh menyebabkan kudung.

Ulser pada kaki penghidap kencing manis adalah selalu terjadi. Penghidap kencing manis adalah 25 kali ganda berkemungkinan mendapat kudung daripada mereka yang tidak menghidap kencing manis dan masalah kaki adalah sebab utama kemasukan mereka ke hospital. Kesan daripada masalah tersebut sedikit sebanyak mengakibatkan kemusnahan pada kehidupan seharian mereka.

Kencing manis menyebabkan kudung kaki terjadi setiap 30 saat tidak kira di mana saja di merata dunia. Pada mereka yang sudah kudung kaki, kehidupan mereka tidak dapat kembali kepada kehidupan mereka yang biasa, mereka akan sentiasa mengharapkan pertolongan seseorang pada setiap masa, tidak dapat bekerja dengan baik dan mereka hidup di dalam kesedihan dan kesengsaraan.

Kaki yang bermasalah mestilah dikendalikan dengan tegas untuk mengelakkan kudung kaki pada kebanyakan kes. Walaupun pengudungan kaki berlaku, sebelah kaki lagi dapat diselamatkan dengan penjagaan dan pengurusan yang baik dari pelbagai pihak yang bertanggungjawab seperti para doktor, podiatri atau jururawat penasihat bagi pesakit kencing manis.

**SEBAB-SEBAB UTAMA ULSER PADA KAKI**

Ulser pada kaki adalah disebabkan:

1. Kerosakan urat saraf
2. Kecacatan
3. Kurang peredaran darah
4. Kecederaan
5. Jangkitan kuman akan menyebabkan ulser dan kecederaan kaki bertambah teruk.

**Kerosakan urat saraf**

Kerosakan urat saraf atau Neuropati terjadi apabila seseorang tidak berupaya merasa kesakitan terutama pada kaki. Kaki akan merasa kebas dan kecederaan akan terjadi tanpa disedari kerana ianya tidak menyakitkan. Kaki mereka menjadi terlalu kering dan kemudian merekah, ini akan menyebabkan jangkitan kuman dan ulser. Jika mereka yang mempunyai masalah urat saraf tidak memakai kasut yang sesuai, ulser akan mudah terjadi.

**Kecacatan**

Setiap orang mempunyai bentuk kaki yang berbeza. Perubahan bentuk kaki adalah kerana kecacatan sejak lahir, kasut yang tidak sesuai atau kerana pembedahan. Neuropati akan menyebabkan perubahan yang lebih lagi pada kaki. Ini mengubah cara berjalan dan boleh meningkatkan tekanan pada bahagian tertentu pada tapak kaki. Tekanan yang berpanjangan akan menimbulkan kalus (belulang) pada bahagian yang terlalu banyak menerima tekanan. Apabila belulang terjadi, ia akan menyebabkan lebih banyak tekanan, sehingga ulser akan terjadi di dalam belulang tersebut.

**Kekurangan peredaran darah**

Kaki yang sihat memerlukan oksigen dan nutrien (zat makanan) yang diedarkan di dalam darah. Apabila peredaran darah di kaki berkurangan, situasi akan menjadi lebih buruk. Bagi penghidap kencing manis, peredaran darah ada kalanya tidak mencukupi dan ini menyebabkan penyembuhan luka yang lambat. Jika masalah ini terlalu serius, kerosakan tisu akan terjadi. Tisu pada kaki akan mati dan kaki bertukar menjadi hitam dan berbau. Ini dinamakan 'Gangren'.

**Kecederaan**

Kecederaan sering berlaku pada mereka yang mengalami kerosakan urat saraf pada kaki kerana mereka kurang atau tidak mendapat sensasi kesakitan. Kecederaan biasanya terjadi kerana melecur akibat pemakaian kasut yang sempit, terpijak benda tajam dan sebagainya. Tidak memakai kasut atau berkaki ayam akan meningkatkan peluang untuk mendapat kecederaan.

**Jangkitan kuman**

Jika kulit rosak, kuman akan menjangkiti kaki dengan cepat. Penghidap kencing manis yang mempunyai masalah kekurangan peredaran darah di kaki atau kurang sensasi kesakitan akan menyebabkan penyembuhan luka yang lambat dan keupayaan badan untuk melawan jangkitan juga menurun. Tanda-tanda jangkitan selalunya susah untuk dikesan sehinggalah jangkitan menjadi terlalu serius.

**RAWATAN**

Berikut adalah perkara-perkara yang perlu dilakukan dalam merawat mereka yang menghadapi luka pada kaki:

1. Mengurangkan tekanan pada kaki.
2. Meningkatkan peredaran darah
3. Merawat jangkitan kuman.
4. Mengawal paras gula, tekanan darah dan kolesterol.
5. Menyuci luka, membuang kalus dan tisu mati.
6. Memberikan pengetahuan tentang kencing manis kepada penghidapnya dan ahli keluarga mereka.
7. Mengenalpasti punca ulser dan menolong mereka untuk mengelakkan luka berulang.

Jika terdapat saraf yang rosak kerana kencing manis, sensasi tidak dapat dikembalikan. Kebas pada kaki mereka memerlukan perlindungan dari tekanan yang tidak normal. Ulser akan berulang sekiranya tekanan tidak dapat dikurangkan.

Kekurangan bekalan darah di kaki dapat diperbaiki dengan rawatan yang sewajarnya. Jangkitan akan dirawat menggunakan antibiotik. Kadangkala pembuangan tisu yang sudah dijangkiti juga terpaksa dilakukan.

Untuk meningkatkan peluang penyembuhan, paras gula hendaklah dikawal dengan ketat dan sebarang komplikasi lain hendaklah dirawat. Ulser dan luka mestilah ditutup dan dibersihkan setiap hari. Pengetahuan tentang penyakit kencing manis dan penjagaan kaki adalah penting untuk penghidapnya dan ahli keluarga mereka supaya mereka tahu untuk menangani dan mengelak sebarang masalah kaki. Dengan mengenal pasti punca ulser dan mengambil tindakan sewajarnya, perulangan akan dapat dielakkan.

**JIKA TERDAPAT SEBARANG LUKA ATAU LECUR PADA KAKI, HENDAKLAH BERJUMPA DOKTOR DENGAN SEGERA**

## PERKARA YANG DAPAT AWDA LAKUKAN UNTUK MENCEGAH LUKA PADA KAKI AWDA

| PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN | PERKARA YANG MESTI DIELAKKAN |
|---|---|
| Periksa kaki anda setiap hari. Pastikan tidak ada sebarang luka, ulser, bengkak, lebam atau lecur pada kaki anda. Anda boleh meminta pertolongan seseorang atau menggunakan cermin untuk memeriksa kaki anda. | Jangan berjalan berkaki ayam. |
| Sentiasa melindungi kaki anda. Pakai kasut yang selesa, tidak keras atau terlalu longgar/sempit. Elakkan kasut yang keras, sempit di hadapan dan yang bertumit tinggi. | Jangan memakai stokin yang ketat. |
| Cuci kaki anda setiap hari dengan menggunakan air bersih dan sabun. Jangan menggunakan air yang terlalu panas. Keringkan dengan sempurna. Sapukan pelembab atau losen akan tetapi bukan di celah-celah jari kaki. | Jika terdapat belulang atau kalus pada kaki anda, jangan sekali-kali menggunakan pisau cukur untuk memotongnya. Rujuklah pada podiatri jika ada masalah. |
| Potong kuku kaki dengan cara melintang sahaja dan tidak terlalu dalam. Gunakan emeri untuk mengikir kuku. | Elakkan dari menjadi terlalu gemuk. |
| Elakkan dari menjadi terlalu gemuk. | Jangan merokok. Merokok akan merosakkan saluran darah pada kaki. |
| Paras gula, tekanan darah dan paras kolesterol anda hendaklah sentiasa berada di tahap yang terkawal. | Jangan menggunakan alat pemanas untuk menghangatkan kaki. |



KAKI yang bermasalah mestilah dikendalikan dengan tegas untuk mengelakkan kudung kaki pada kebanyakan kes.

# RANCANGAN KAPAL BELIA ASIA TENGGARA (SSEAYP) KE-32

## Pasukan Tindakan Khas Kecemasan tangani perkara yang tidak diingini

**LIPUTAN AZRIN MOHD. HASSAN**
**GAMBAR OLEH PG. IBNI PG. HAJI HIDUP**

BERAKAS, Isnin, 28 November. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad berkata, sebagai komitmen bagi persiapan Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara (SSEAYP) pada tahun ini, satu Komiti Kebangsaan telah ditubuhkan yang terdiri dari beberapa buah agensi bagi memastikan keselamatan para peserta akan sentiasa terjamin sewaktu berada di negara ini.

Oleh yang demikian, satu Pasukan Tindakan Khas Kecemasan telah ditubuhkan bagi menangani berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini, yang mana ia jelas menunjukkan sebagai satu komitmen dan usaha Negara Brunei Darussalam sebagai tuan rumah bagi rancangan ini.

Penglibatan Negara Brunei Darussalam sejak tahun 1985, tambahnya, adalah sesuatu yang bermanfaat bagi belia Negara Brunei Darussalamn di mana seramai 600 peserta yang pernah mengikutinya pada masa ini memegang jawatan kanan dalam sektor kerajaan mahupun di sektor swasta.

Pengalaman yang mereka perolehi dari program ini merupakan sesuatu yang amat berharga dan bermanfaat kepada mereka secara peribadi mahupun bagi perkembangan kerjaya profesional mereka.

Sehubungan itu, Yang Berhormat mengucapkan penghargaan kepada Kerajaan Jepun kerana menaruh kepercayaan dan keyakinan dalam menawarkan Negara Brunei Darussalam sebagai satu destinasi persinggahan bagi SSEAYP pada tahun ini, yang mencerminkan satu perhubungan yang terjalin erat di antara ASEAN dan Jepun.

Yang Berhormat berkata demikian dalam ucapan alu-aluannya di Majlis Menyambut Kedatangan Peserta-peserta SSEAYP di Stadium Tertutup Hassanal Bolkiah di sini.

Lebih 300 peserta belia dari 10 buah negara ASEAN dan Jepun iaitu Republik Filipina, Malaysia, Thailand, Viet Nam, Republik Indonesia, Laos, Myanmar, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam menyertai SSEAYP Ke-32. Seramai 30 orang termasuk ketua rombongan dari Negara Brunei Darussalam menyertainya.

Di antara negara-negara yang telah dilawati ialah Malaysia, Thailand, Viet Nam, Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina dijangka berakhir di Jepun pada 16 Disember.

Lawatan kontinjen SSEAYP selama tiga hari di negara ini dipenuhi pelbagai aktiviti termasuk lawatan ke institusi-institusi kerajaan, tempat-tempat bersejarah, sekolah-sekolah dan maktab-maktab serta berkesempatan berinteraksi bersama belia-belia tempatan, di samping berpeluang menjadi anak angkat.

Program Kapal Belia Asia Tenggara telah ditubuhkan pada tahun 1975 melalui kenyataan bersama Republik Indonesia, Malaysia, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand dan Jepun. Negara Brunei Darussalam mula menyertai program ini pada tahun 1985.

Program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Jepun melalui Pejabat Kabinet dan beberapa penglibatan serta kerjasama negara-negara Asia Tenggara ini bertujuan mengeratkan persahabatan dan kesepakatan di kalangan belia-belia di negara-negara Asia Tenggara dan Jepun bagi meluaskan perspektif mereka, di samping memupuk semangat kerjasama antarabangsa.



PARA keluarga angkat mengucapkan selamat belayar kepada anak-anak angkat mereka sewaktu berlepas ke Manila.

## Interaksi, aktiviti aset berharga untuk masa depan

MUARA, Khamis, 1 Disember. - Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub berkata, pengalaman dan pengetahuan yang ditimba sepanjang perjalanan serta melalui interaksi dan aktiviti-aktiviti yang diberikan oleh mana-mana tuan rumah negara-negara ASEAN merupakan satu aset yang berharga yang boleh membantu masa hadapan belia-belia yang menyertai rancangan pertukaran seperti Kapal Belia Asia Tenggara.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad ketika bersalaman dengan ketua rombongan Republik Filipina.



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub ketika memberikan ucapan semasa Majlis Perpisahan Program Kapal Belia Asia Tenggara Ke-32.

Melalui interaksi dan aktiviti-aktiviti ini di harapkan para peserta akan menyedari terhadap peranan utama mereka dalam menghormati identiti kebangsaan dan juga kebudayaan adat resam yang lain.

Ianya juga diharapkan supaya peserta-peserta akan dapat menjelajahi peluang-peluang ini yang mana telah menawarkan satu rangkaian persahabatan di kalangan negara-negara Asia Tenggara.

Beliau berkata demikian dalam ucapan di Majlis Perpisahan Peserta-peserta Program Kapal Belia Asia Tenggara Ke-32 yang berlangsung di Pelabuhan Muara di sini.

Hadir sama bagi memeriahkan upacara yang penuh kegemilangan dan bersejarah para pegawai kanan kerajaan, keluarga angkat, Ahli-ahli Persatuan Alumni Bersatu dan bekas peserta Kapal Belia Asia Tenggara.

Atur cara di Majlis Perpisahan tersebut dimulakan dengan ucapan seorang peserta dari Republik Filipina diikuti ucapan oleh tetamu kehormat, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub. Yang Mulia juga menyampaikan cenderamata kepada ketua kontinjen.

Rombongan peserta-peserta Program Kapal Belia Asia Tenggara Ke-32 yang berada di negara ini berlepas ke Manila bagi perjalanan seterusnya dan dijangka tiba di Pelabuhan Manila pada 4 Disember dan meneruskan serta mengakhiri pelayaran mereka dengan menggunakan Kapal Nippon Maru di Tokyo, Jepun pada 16 Disember ini.

## Program bersama keluarga angkat luaskan perspektif

BERAKAS, Selasa, 29 November. - Dalam menyemarakkan perpaduan bagi bertujuan untuk mengeratkan persahabatan dan kesepakatan di kalangan peserta-peserta bagi Program Kapal Belia Asia Tenggara Ke-32, program seperti 'Homestay' merupakan satu perkara yang dapat meluaskan perspektif serta memberi banyak peluang bagi belia-belia untuk mengetahui penghidupan sehari-hari dalam masyarakat yang tertentu.

Seramai 300 orang peserta program berkenaan pada hari ini akan diserahkan kepada keluarga-keluarga angkat yang berlangsung di Stadium Tertutup Hassanal Bolkiah di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat semasa Majlis Penyerahan Anak Angkat tersebut ialah Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Abdul Haris bin Othman.

Majlis Penyerahan Anak Angkat selama sehari yang dianjurkan oleh Persatuan Alumni Bersatu dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada peserta-peserta untuk mengalami dan mengetahui adat resam serta budaya di negara ini.

Persatuan Alumni Bersatu telah secara rasminya ditubuhkan pada 28 Jun 1987 yang mana terdiri dari bekas peserta-peserta Kapal Belia Asia Tenggara yang bertujuan bagi memperkukuhkan persahabatan yang sedia ada di kalangan bekas peserta-peserta di kesembilan negara ASEAN dan Jepun.

Persatuan ini juga memainkan peranan dalam menyumbang ke arah perkembangan sosial dan pembangunan di negara ini.



KAPAL Nippon Maru meninggalkan Pelabuhan Muara bagi meneruskan pelayaran ke Pelabuhan Manila, Republik Filipina.



PARA peserta ketika mencuba bakat mereka dalam permainan guling tangan.

## Peserta SSEAYP lawat pelbagai institusi setempat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 November. - Sebanyak 30 orang dari Kumpulan Perpaduan 'E' dari peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara Ke-32 telah mengadakan lawatan ke Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan di sini.



JOEBETH Michael Marti M. Ocao dari Republik Filipina berkata, lawatan beliau ke Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan amatlah mengagumkan.

Ketibaan mereka di pusat berkenaan dialu-alukan oleh Ketua pusat tersebut, Awang Zainal Arshad bin Haji Abdul Rahman yang juga memberikan penerangan sepanjang lawatan tersebut.

Awang Joebeth Michael Marti M. Ocao dari Republik Filipina berkata lawatan beliau ke pusat itu amatlah mengagumkan.

Beliau menambah belia-belia di negara ini amatlah beruntung kerana diberi peluang untuk belajar dan menambah kemahiran untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi di negara ini.

"Saya mendapati bahawa Negara Brunei Darussalam sebenarnya mempunyai banyak budaya-budaya yang hampir sama di Malaysia yang mana secara tidak langsung saya banyak mengetahui secara lebih mendalam mengenai kebudayaan yang ada di Negara Brunei terutamanya budaya Melayu negara ini," jelas Fadhilah binti Ahmad dari Malaysia.

"Saya sangat kagum dan tertarik apabila mendapati persamaan di negara kami dari segi kaedah dan juga peralatan yang digunakan dalam tenunan kain walaupun coraknya berbeza. Ini sudah jelas menunjukkan bahawa persamaan dari segi budaya cuma ada di rantau Asia Tenggara sahaja," kata Ponapat Khidbanjong dari Thailand.



PONAPAT Khidbanjong.

Sebanyak tujuh kumpulan perpaduan dari peserta-peserta Program Kapal Belia Asia Tenggara Ke-32 melawat ke beberapa tempat di negara ini.

Antara yang dikunjungi ialah Institut Teknologi Brunei (ITB), Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA), Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Pusat Ehsan Bengkurong dan Radio Televisyen Brunei (RTB).

Lawatan dan berinteraksi bersama belia-belia tempatan merupakan salah satu acara yang tersenarai dalam program itu sejak penubuhannya pada tahun 1985 yang bertujuan untuk bertukar-tukar pendapat dan pandangan di kalangan peserta dan belia-belia tempatan dengan objektif peserta-peserta akan dapat mempelajari adat dan budaya yang berbeza dalam kehidupan masyarakat negara yang dilawati.

# Mesyuarat Ke-5 AMMTC, Mesyuarat Ke-2 AMMTC + 3

## Para menteri setuju benteras 4 bidang jenayah

**OLEH SAMLE HAJI JAIT**
samle.jait@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Disember. - Mesyuarat Ke-5 Menteri-menteri ASEAN Mengenai Jenayah Merentas Sempadan (AMMTC) telah bersetuju untuk memberikan keutamaan di dalam kerjasama membanteras empat bidang jenayah yang terdapat di dalam Pelan Kerja bagi melaksanakan Pelan Tindakan ASEAN.

Bidang yang menjadi tumpuan termasuklah pengganasan, pengedaran dadah haram, pengedaran dan penyeludupan manusia dan pembersihan wang hasil jenayah.

Perkara itu telah dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan kepada pemberita PELITA BRUNEI sekembalinya dari menghadiri Mesyuarat Ke-5 AMMTC dan Mesyuarat Ke-2 AMMTC + 3 (China, Jepun dan Republik Korea) di Viet Nam dan berakhir 1 Disember lalu.

Mesyuarat itu telah bersetuju bagi memberi kerjasama dalam membenteras jenayah-jenayah penyeludupan senjata api, lanun, jenayah ekonomi antarabangsa dan jenayah siber.

Para Menteri ASEAN telah membincangkan dengan menekankan keperluan bagi peningkatan di dalam koordinasi dan kerjasama di antara badan-badan berkenaan dalam ASEAN yang menangani jenayah merentas sempadan, di samping keperluan mengadakan pelan tindakan yang terperinci berhubung pembenterasan pengganasan.

"Badan-badan berkenaan termasuk di antara pegawai-pegawai kanan dan undang-undang ASEAN, pegawai-pegawai kanan dalam hal-ehwal dadah, Ketua-ketua Polis di peringkat ASEAN di negara masing-masing, di samping Pengarah-pengarah Imigresen dan Kastam ASEAN dan Ketua-ketua Hal Ehwal Kaunsel ASEAN," jelasnya.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa mesyuarat juga menekankan keperluan untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran awam dalam membantu memerangi pengganasan dan pentingnya mengadakan mekanisme yang berkesan dan cepat bagi pertukaran maklumat dan perkongsian perisikan.

Dalam Mesyuarat Ke-2 AMMTC + 3 (China, Jepun dan Republik Korea) yang berhubung dengan jenayah merentas sempadan pula telah menekankan keperluan untuk mengadakan rangka kerja undang-undang di antara ASEAN dan rakan-rakan dialog bagi mengukuhkan kerjasama yang sedia wujud di antara ASEAN dan negara-negara dialog berkenaan.

Para menteri juga telah memahami mustahaknya bagi sumber kewangan aktiviti-aktiviti pengganasan disekat dan harta benda pengganas dirampas.

"Apa yang mustahak ialah keperluan untuk meningkatkan pembangunan kapasiti (capacity biulding) dan latihan kepada pegawai-pegawai berkenaan dalam meningkatkan lagi profesionalisme mereka dalam menjalankan tugas yang bersangkut-paut dengan bidang kuasa masing-masing," ujarnya.

Sementara itu, Negara Brunei Darussalam dijangka akan menjadi tuan rumah dan bagi Mesyuarat Ke-6 AMMTC yang akan disusuli oleh Mesyuarat Ke-3 AMMTC + 3 (China, Jepun dan Republik Korea) mengenai jenayah merentas sempadan pada tahun 2007.

# Tabung SMS Brunei Prihatin kumpul lebih $183 ribu

**OLEH SAMLE HAJI JAIT** samle.jait@information.gov.bn

BERAKAS, Rabu, 7 Disember. - Tabung SMS Brunei Prihatin Untuk Anak-anak Yatim Kebangsaan melalui perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) telah berjaya mengutip $183,517.00.



YANG Berhormat semasa melancarkan SMS Brunei Prihatin Untuk Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Pakistan. – Gambar oleh Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Sehubungan dengan itu, cek berkenaan telah diserahkan oleh Ketua Pegawai Operasi DST Group, Haji Marsad bin Haji Ismail kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad pada majlis penyerahan di Airport Restaurant di sini.

Yang Berhormat berkata, perkhidmatan SMS yang ditutup pada 20 November lalu, telah berjaya mengumpulkan satu jumlah yang di luar jangkaan sekali gus membuktikan masyarakat di negara ini adalah masyarakat yang sangat prihatin dan penyayang terhadap kebajikan anak-anak yatim.

Penubuhan SMS Brunei Prihatin Untuk Anak-anak Yatim Kebangsaan itu bertujuan untuk memberi peluang kepada orang ramai untuk menderma kepada Tabung Anak Yatim Kebangsaan.

Ia dilancarkan pada 8 Oktober lalu dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Radio Televisyen Brunei dan DST Group Sendirian Berhad.

Semantara itu, Yang Berhormat juga melancarkan SMS Brunei Prihatin Untuk Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Pakistan bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk menderma seangkat-angkat hati dan diharap akan membantu meringkankan bebanan, kesengsaraan dan penderitaan yang dihadapi oleh mangsa-mangsa gempa bumi Pakistan.

Pakistan telah dilanda gempa bumi dasyhat pada 8 Oktober lalu dengan mengorbankan lebih 73,000 jiwa dan disifatkan malapetaka paling buruk di Pakistan sejak 100 tahun yang lalu.

Pengguna-pengguna telepon bimbit DSTCom, Prima dan Easi berpeluang membuat sumbangan dengan menghantarkan SMS dengan menaip PKT dan jumlah yang dikehendaki iaitu 1, 5, 10, 15 dan 20 melalui talian 8885555.

Pelancaran SMS Brunei Prihatin Untuk Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Pakistan akan berjalan selama tiga bulan yang akan berakhir pada 28 Febuari 2006 dan kesemua penghantaran SMS adalah seratus peratus didermakan ke tabung berkenaan.

Derma melalui SMS dikendalikan bersama JAPEM di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, DST dan Radio Televisyen Brunei.

# Perintah Bantuan Undang-undang Dalam Perkara Jenayah dikuatkuasakan 1 Januari 2006

**OLEH SAMLE HAJI JAIT**
samle.jait@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan Perintah Bantuan Bersama Undang-undang Di Dalam Perkara Jenayah (Mutual Legal Assistance Order) untuk dikuatkuasakan pada 1 Januari 2006.

"Pembentukan perintah berkenaan membuktikan bahawa Negara Brunei Darussalam adalah komited dalam membantu mana-mana negara dalam penyiasatan dan pendakwaan jenayah-jenayah," jelas Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan ketika ditemu bual pemberita PELITA BRUNEI.

Yang Berhormat juga menjelaskan, negara juga telah memberikan sokongan dan komited dalam sama-sama memerangi jenayah merentas sempadan di mana Perintah Pengedaran dan Penyeludupan Manusia telah dikuatkuasakan pada tahun 2004 dengan memperuntukkan hukuman yang berat terhadap penjenayah yang terlibat dalam penyeludupan dan pengedaran manusia.

"Seperti kita ketahui, agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang di negara itu telah mengadakan secara bersepadu dengan mengadakan operasi dan pemeriksaan yang berterusan dari masa ke semasa dalam mengesan dalam apa juga bentuk jenayah yang dilakukan di negara ini," jelasnya sejurus pulang dari menghadiri Mesyuarat Ke-5 Menteri-menteri ASEAN Mengenai Jenayah Merentas Sempadan dan Mesyuarat Ke-2 Menteri-Menteri ASEAN + 3 (China, Jepun dan Republik Korea) di Vietnam.

Menyentuh mengenai mesyuarat berkenaan, Yang Berhormat menjelaskan, Negara Brunei Darussalam telah menekankan kepentingan bagi ASEAN untuk meneruskan usaha yang lebih efektif dalam perlaksanaan Pelan Tindakan ASEAN bagi membenteras jenayah merentas sempadan.

"Negara-negara ASEAN perlulah berusaha untuk sama-sama menangani punca-punca pengganasan seperti ketidakadilan dan kemiskinan, sebagai salah satu jalan yang terbaik untuk diambil, di samping mengambil tindakan penguatkuasaan undang-undang," tegasnya.

Mesyuarat juga menekankan betapa pentingnya Bantuan Bersama Undang-undang (Mutual Legal Assistance) sebagai satu mekanisme yang penting di dalam membenteras jenayah-jenayah merentas sempadan dengan lebih berkesan.

Sebelum ini Negara Brunei Darussalam juga telah menyertai dan memainkan peranan aktif pelbagai forum yang berhubung-kait dengan pengganasan, pengedaran dadah haram, pengedaran dan penyeludupan manusia.

Pada awal tahun 2005, Negara Brunei Darussalam juga telah menandatangani memorandum persefahaman dengan Australia bagi memberi kerjasama pembenterasan jenayah dan pengganasan antarabangsa.

"Kejayaan bersama dalam membasmi apa jua bentuk jenayah di negara ini adalah juga datangnya dari kesedaran dan kerjasama orang awam dengan pihak kerajaan melalui agensi-agensi yang berkenaan," jelas Yang Berhormat.




MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad menerima cek kutipan Tabung SMS Brunei Prihatin. – Gambar oleh Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

## PERTANDINGAN MEMBACA AL-QURAN BAHAGIAN DEWASA PERINGKAT MASJID

BAHAGIAN Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) akan menganjurkan Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Masjid pada pertengahan bulan Disember 2005 hingga Januari 2006.

Pertandingan ini terbuka kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memegang Kad Pintar berwarna kuning, beragama Islam dan bermazhab Syafi'ee serta mengikut aliran Ahli Sunah Waljamaah. Para peserta qari dan qariah hendaklah berusia 18 tahun pada 1 Januari 2006.

Di antara tujuan pertandingan ini diadakan untuk memilih seorang qari dan seorang qariah bagi mewakili masjid berkenaan ke Pertandingan Peringkat Zon dan Daerah.

Borang-borang penyertaan bolehlah didapati daripada imam-imam masjid seluruh negara bermula 26 November 2005 dan hendaklah dikembalikan selewat-lewatnya 18 Disember 2005 ini.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai syarat-syarat pertandingan bolehlah diperolehi melalui imam-imam masjid yang berdekatan.

Seminar Ibadat Korban

Jabatan Mufti Kerajaan,
Jabatan Perdana Menteri
akan mengadakan Seminar Ibadat Korban
pada hari ISNIN 19 Disember, 2005
bersamaan 17 Zulkaedah, 1426
bertempat di Pusat Persidangan
Antarabangsa Berakas.

Seminar antara lain bertujuan
untuk memberikan pengetahuan yang
secukupnya mengenai hukum-hakam
yang berkaitan dengan ibadat korban,
bermula dari niat hendak berkorban,
sehinggalah kepada pembahagian
daging-daging korban.

Seminar selama sehari
dibukakan kepada pihak-pihak yang
berkaitan di sektor kerajaan.
dan swasta, imam-imam, Penghulu
dan Ketua Kampung, wakil pusat
penyembelihan dan orang
perseorangan

Untuk keterangan lanjut
bolehlah berhubung terus
ke Jabatan Mufti Kerajaan,
Jabatan Perdana Menteri
melalui talian telefon :
2237697
2224955 atau 224748 Fax : 2235120 / 2237699

# Rukun damai walau berbeza agama

BERITA DAN GAMBAR-GAMBAR OLEH
DK. HJH. SAIDAH PG. HJ. OMARALLI
saidah.omaralli@information.gov.bn

KUALA BELAIT, Jumaat, 2 Disember. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Md. Zain menyatakan suasana perayaan bagi sesuatu bangsa dan kaum di negara ini menyumbang ke arah pengukuhan hubungan dan pengertian tidak mencacatkan kepercayaan dan kebudayaan masing-masing.

Yang Berhormat berkata, mereka hidup dalam suasana aman tenteram, berusaha mencari rezeki yang halal dan menyumbang kepada kemajuan dan perkembangan serta keamanan negara. Yang Berhormat berucap demikian di Majlis Ramah Mesra Bersama Masyarakat Tionghoa daerah ini yang diadakan di Dewan Bandaran di sini.

Ini terbukti melalui majlis perjumpaan seumpama itu yang diharap boleh menyumbang ke arah mengukuhkan lagi hubungan baik antara mereka, menyuburkan kefahaman, saling mengerti dan hormat-menghormati di antara rakyat dan penduduk negara ini, ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, sebagai manusia yang hidup bermasyarakat, tinggal bersama dalam sebuah negara perlu ada kerjasama, bantu-membantu dengan ikhlas bagi mewujudkan suasana aman damai, hidup berbaik-baik, saling mengerti dan hormat-menghormati.

"Perbezaan kepercayaan dan kebudayaan janganlah dijadikan penghalang untuk mencapai tujuan tersebut," kata Yang Berhormat.

Majlis dikendalikan bersama Pejabat Hal Ehwal Ugama dan Unit Dakwah Belait merupakan salah satu acara sempena sambutan 20 tahun penubuhan Pusat Da'wah Islamiah. Ianya juga bagi mengeratkan lagi persahabatan dengan kesemua jawatankuasa persatuan masyarakat Tionghoa serta salah satu strategi Pusat Da'wah Islamiah dalam usaha menjalin hubungan baik masyarakat yang beragama Islam dengan masyarakat bukan Islam.

Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Pengiran Haji Yunus bin Pengiran Haji Mohd. Salleh selaku pengerusi majlis berkata, agama Islam sentiasa menggalakkan umat manusia ke arah mewujudkan masyarakat yang harmoni kerana manusia dijadikan dari keturunan yang sama namun perbezaannya bergantung kepada amal salih dan kebajikan yang dilaksanakannya.

"Kehormatan manusia tidak akan wujud sekiranya tidak wujud kesamaan bagi semua manusia tanpa mengira warna kulit, pangkat dan kedudukan, kepercayaan, bangsa dan seumpamanya," kata beliau.

Beliau menjelaskan prinsip kesamaan membawa pengertian bahawa individu yang menganggotai sesebuah masyarakat sama dan setaraf dalam hak kebebasan, tanggungjawab dan tugas awam yang mesti dinikmati oleh semua tanpa diskriminasi bangsa, asal usul, bahasa atau kepercayaan.

Sementara Yang Dimuliakan Pehin Bendahari Cina Dato Paduka Onn Siew Siong pula sebagai wakil masyarakat Cina menyatakan bahawa mereka menganggap agama Islam bukanlah kepunyaan oleh bangsa-bangsa tertentu tetapi agama Islam adalah kepunyaan universal atau manusia sejagat tanpa memilih bangsa, kedudukan dan warna kulit.

"Jika ajaran Islam itu diamalkan dengan sepenuhnya oleh semua pihak, semua bangsa sejagat, sudah pasti dunia ini akan aman dan bahagia," kata Yang Dimuliakan.

Menurut catatan Unit Dakwah Belait, jumlah bangsa Cina di daerah ini memeluk agama Islam seramai 12,000 orang manakala jumlah saudara baru tahun lepas 401 orang.

Antara yang hadir di majlis itu Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin.



MENTERI Hal Ehwal Ugama ketika menghadiri Majlis Ramah Mesra bersama masyarakat Tionghoa Daerah Belait.



MAJLIS Ramah Mesra seumpama ini mengukuhkan lagi hubungan baik masyarakat beragama Islam dengan masyarakat bukan Islam.

# Laksanakan tugas dengan jujur

KUALA BELAIT, Khamis, 1 Disember. - Pemangku Pengarah Saliran dan Pembetungan, Jabatan Kerja Raya, Awang Abu Hanipah bin Haji Talip menyeru setiap warga Jabatan Kerja Raya supaya menjalankan tugas dengan bersungguh-sungguh, komited, jujur dan berkualiti sebagai kewajipan melaksanakan amanah Allah, bukan semata-mata untuk menerima gaji.

Hasil pekerjaan akan kurang bernilai jika tidak dapat disiapkan dalam jangka waktu yang ditetapkan. Beliau berucap demikian di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi jabatan berkenaan yang diadakan di Dewan Serbaguna Kampong Pandan di sini.

Sehubungan itu beliau menyeru mereka supaya melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, sama ada melalui proses rajin bertanya kepada rakan-rakan sekerja, pihak atasan, melalui pembacaan buku-buku rujukan atau melalui mesyuarat dan perbincangan.

Sebagai pihak atasan pula harus menerima pertanyaan dengan terbuka, senang hati dan tidak kedekut dalam memberikan tunjuk ajar dan bimbingan kepada yang memerlukan.

"Sebagai ketua kita harus menyediakan suasana yang kondusif atau memberangsangkan kepada orang bawahan untuk membuat pertanyaan dan cara menjawab hendaklah lebih profesional," katanya.

Beliau seterusnya mengingatkan pekerja-pekerja yang mempunyai keinginan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi supaya membuat permohonan secepatnya kerana masa sangat berharga.

Majlis bertujuan bagi mengeratkan silaturahim di kalangan semua warga jabatan berkenaan. Majlis didahului dengan menepung tawar dan doa kesyukuran bagi lima buah kenderaan baru milik jabatan tersebut yang bernilai $134,000.00 bagi kegunaan logistik. Di majlis itu juga tetamu kehormat telah menyerahkan derma kepada dua orang anak yatim kakitangan jabatan itu.



PEMANGKU Pengarah Saliran dan Pembetungan, Jabatan Kerja Raya, Awang Abu Hanipah bin Haji Talip menepung tawar kenderaan baru milik jabatan tersebut bagi kegunaan logistik.

# Pelihara hubungan baik sesama insan

KUALA BELAIT, Sabtu, 26 November. - Ketua Kampong Lumut I, Awang Haji Mohd. Shapiee bin Ahmad berharap saudara-saudara baru akan dapat mematuhi dan mengamalkan ajaran agama Islam dengan sebaiknya demi kesejahteraan hidup di dunia dan juga di akhirat.

Dengan demikian mereka akan menjadi contoh yang baik dan menjadi ikutan serta teladan kepada saudara-saudara mereka yang belum memeluk agama islam, katanya selaku tetamu kehormat di Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Bagi Saudara-saudara Baru dan Warga Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait yang diadakan di Pejabat Unit Dakwah di sini.

Beliau juga mengingatkan mereka supaya mencari rezeki yang halal, di samping berdoa dan berusaha dengan semangat yang tinggi untuk berdikari, membantu diri sendiri dan keluarga tanpa bergantung simpati kepada bantuan orang lain. Menurut catatan Pejabat Unit Dawah Daerah Belait seramai 109 orang telah memeluk agama Islam di daerah ini dari bulan Januari hingga ke hari ini.

Sementara itu Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Pengiran Haji Yunus dalam ucapan alu-aluannya berkata, hubungan silaturahim merupakan perkara yang amat penting dalam menjalani kehidupan seharian di mana peranan mental dan fizikal, hati dan perasaan sangat memerlukan antara satu sama lain dalam usaha bagi mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan hidup di dunia mahupun di akhirat.

Oleh itu beliau menyeru di samping sibuk dengan kehidupan seharian bekerja dan mencari rezeki, peranan akhlak jangan sekali-kali diketepikan kerana melalui akhlak yang baik dan mulia akan mencapai kehidupan yang baik dan sempurna sebagaimana akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam.

Di majlis itu seramai 33 orang ketua keluarga saudara-saudara baru yang memeluk agama Islam tahun ini menerima hamper Hari Raya yang disampaikan oleh tetamu kehormat dan Ketua Pejabat Unit Dakwah Daerah Belait, Dayang Hajah Hanisah binti Abdullah, sementara Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait menyampaikan sijil penghargaan kepada pewakaf-pewakaf dan penyampaian kunci tempat penyimpanan peralatan janakuasa serta lampu mudah alih bagi Masjid Mohammad Jamalul Alam, Masjid Kampong Pandan, Masjid Pekan Seria, Masjid Zainab dan Masjid Kampong Sungai Liang.

Pewakaf pertama daripada hamba-hamba Allah di daerah ini yang mewakafkan sebuah model janakuasa dan lampu mudah alih bagi kemudahan orang ramai dalam pengurusan pengebumian jenazah di waktu malam khusus bagi Tanah Perkuburan Pusara An Naeem, Anduki.

Sementara pewakaf kedua daripada Badan Agama Islam, Pasukan Polis Diraja Brunei Daerah Belait yang mewakafkan sebuah pam air dan peralatannya bagi kegunaan orang ramai dalam pengurusan pengebumian jenazah khusus bagi Tanah Perkuburan Batu Tiga. Kedua-dua penyerahan wakaf tersebut telah diadakan pada 29 Ogos dan 20 September lalu.

Penyerahan kunci tersebut bertujuan bagi keselamatan, perhubungan dan kemudahan orang ramai menggunakan peralatan tersebut bagi pengurusan pengebumian jenazah di waktu malam.



TETAMU kehormat, Ketua Kampong Lumut I, Awang Haji Mohd. Shapiee bin Ahmad menyampaikan hamper Hari Raya kepada seorang ketua keluarga saudara baru yang baru memeluk agama Islam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menyaksikan pameran.



MAJLIS bergambar ramai bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berserta kerabat diraja dan Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perhimpunan Pemimpin 2005 Negara Brunei Darussalam. - Gambar ihsan Haji Mohd Said.



GAMBAR-GAMBAR OLEH PG. RAFEE PG. DATO PADUKA HAJI METASSIM DAN MASRI OSMAN

JUNJUNG ZIARAH... Baginda berkenan menerima junjung ziarah Ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri (kiri).

BAGINDA semasa bertitah di Majlis Perasmian Perhimpunan Pemimpin 2005 Negara Brunei Darussalam (kanan). - Gambar ihsan oleh Hj Mohd. Said.





BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah sebahagian Ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri.



BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perhimpunan Pemimpin 2005.

# MAJLIS PERASMIAN PERHIMPUNAN PEMIMPIN 2005 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

GADONG, Isnin, 5 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan merasmikan Majlis Perhimpunan Pemimpin 2005 Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Rizquin International Hotel, The Mall di sini.

Keberangkatan tiba baginda berserta kerabat diraja yang lain dijunjung oleh Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam, Dayang Hajah Siti Hafsah binti Haji Abdul Halim.

Berangkat sama ke majlis itu Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bulqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah yang diketuai oleh Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani yang juga membaca Doa Selamat di akhir majlis.

Perhimpunan tersebut juga disertai oleh ahli-ahli dari Australia, Mesir, Malaysia, Jepun, New Zealand dan Thailand. Majlis dianjurkan oleh Persatuan Sedunia Pandu Puteri dan Pengakap Puteri (WAGGGS) bagi rantau Asia Pasifik.



YAM Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah dan YAM Pengiran Anak Hariisah Widadul Bolqiah berkenan menyaksikan bahan pameran.



YANG Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bulqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam berkenan menyaksikan pameran.

**SUKAN**

# YTM Pg. Anak Isteri berkenan lancar larian Maraton Brunei Pertama

**OLEH HAJI AHAT HAJI ISMAIL** ahat.ismail@information.gov.bn

JERUDONG. Ahad, 11 Disember. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahaman berkenan melancarkan Larian Maraton Brunei Pertama 2005 di Empire Hotel & Country Club.

Sebelum pelancaran bermula, keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Penaung berserta Ahli-ahli Jawatankuasa Penganjur yang diketuai oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad.

Yang Teramat Mulia kemudian melancarkan kategori larian terbuka sejauh 42 km yang disertai oleh 136 peserta dan larian terbuka sejauh 21 km pula yang disertai oleh 202 peserta.

Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Haji Hamdilah melancarkan kategori larian bagi peserta veteran sejauh 18 km yang disertai oleh 203 peserta.

Pengarah Promosi, Industri dan Pelancongan Brunei, Sheikh Jamaluddin bin Sheikh Mohammad melancarkan kategori larian bagi pelajar-pelajar sejauh 13 km yang disertai seramai 147 peserta, manakala Pengarah Belia dan Sukan, Awang Japar bin Bangkol melancarkan larian bagi fun runner sejauh 5.5 km yang disertai oleh 1,658 peserta.

Larian yang dibahagikan kepada lima kategori keseluruhannya disertai oleh hampir 3,000 orang peserta dari negara Kenya, Nigeria, Australia, Jepun, Jerman, Kanada, Indonesia, Thailand, Malaysia dan peserta-peserta tempatan.

Larian maraton yang keseluruhannya menawarkan hadiah wang B$500,000.00 bertujuan untuk mempromosi amalan kesihatan melalui bersukan dan antara lainnya bertujuan bagi menggalakkan orang ramai aktif bersukan, selain memperkenalkan pelancongan melalui sukan dengan melalui beberapa tempat yang menarik pandangan.



MELANCARKAN.... Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan melancarkan perasmian larian kategori terbuka 42 km Marathon Brunei Pertama 2005 di Empire Hotel & Country Club, Jerudong.




TIMBALAN Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah melancarkan larian kategori bagi veteran 18 km.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan hadiah kepada pemenang kategori pelajar bagi larian 13 km yang dijuarai oleh Hj. Mohd. Syahahmi Mohd. Issrah.



PELARI Kenya, Matolo Benjamin Mutua merangkul hadiah $50,700.00 yang disampaikan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad, selepas menjuarai larian Maraton terbuka sejauh 42 km.

# Pelari Kenya kuasai Maraton Brunei

BERAKAS, Ahad, 11 Disember. - Pelari-pelari dari Kenya menguasai perlumbaan Larian Maraton Brunei Terbuka 2005 kali pertama sejauh 42 km yang bermula dan berakhir di Empire Hotel & Country Club Jerudong.

Matolo Benjamin Mutua menjuarai acara tersebut dan merangkul hadiah $50,700.00 yang disampaikan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat, di Pusat Persidangan Antarbangsa.

Rakan senegaranya, Simon Kibiwott Maiyo dan Wilson Kipsongok Chep Kaony menduduki tempat kedua dan ketiga.

Dalam bahagian wanita juga dimenangi oleh pelari Kenya, Ann Jelaqal dengan merangkul hadiah $50,700.00; kedua, May Akor dan ketiga, Sharla May Hall.

Sementara itu bagi terbuka tempatan 42 km pula dijuarai oleh Sefli Anak Ahar yang merangkul hadiah $10,000.00; kedua, Zulkifli Liman dan ketiga, Chung Kwei Ming dan bahagian wanita dijuarai oleh Jenny Tan dengan menerima hadiah $10,000.00; kedua, Dk. Siti Khatamazzariah dan ketiga, Tan Siew King.

Selain menguasai perlumbaan 42 km, pelari Kenya juga menguasai larian 21 km terbuka dengan dijuarai oleh Geoffrey Kiplagat Terer dengan merangkul hadiah $16,900.00; kedua, Geoffrey S. Kipngeno dan ketiga, Michael Kiprop Karonei.

Wakil Benua Afrika juga menguasai bahagian wanita melalui Triyaningsih yang merangkul hadiah $16,900.00; kedua, Lenajemutai Chemiyot dan ketiga, Susan Kurui.

Kategori terbuka Brunei 21 km lelaki disandang oleh Enderow Pagun dengan merangkul hadiah $5,000.00; kedua, Harman Shah Awang Tapa dan ketiga, Mohd. Sofian Serudin manakala bahagian wanita pula dimenangi oleh Mariam Agong, menerima hadiah $5,000.00; kedua, Nuriyenny Muslim dan ketiga Normaswani Singok.

Larian 13 km bagi penuntut dijuarai oleh Hj. Mohd. Syahahmi Mohd Issrah; kedua, Ak. Mohd. Aizuddin Pg. Abdul Razak dan ketiga, Dharam Bahadur Gurung dan bahagian wanita dijuarai oleh Nursyairah Ali; kedua, Noorussa'adah Muhamad dan ketiga, Nurzaidah Mazlan.

Sementara itu bagi perlumbaan 18 km terbuka veteran dijuarai oleh Jirattigarn Boonme; kedua, Kevin Hill dan ketiga, Wah Kwai, manakala bahagian wanita dijuarai oleh Marie Therese Juliette Danielle; kedua, Kan Kusuwan dan ketiga, Hasny Salazan.




MENARIK... Sebahagian peserta yang menyertai kategori fun runner memperlihatkan aksi masing-masing bagi larian 5.5 km.

**GAMBAR OLEH ABDULLAH HAJI AWANG DAMIT**



SAMPAI KE PENAMAT... Ann Jelaqal menjuarai bahagian wanita larian sejauh 42 km terbuka.




SEKALIPUN kurang penglihatan, peserta tempatan ini mempunyai keazaman yang tinggi untuk memeriahkan larian Maraton Brunei Pertama 2005.



LETIH ... Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad membantu pelari tempatan Sefli Ahar sejurus selepas menamatkan larian 42 km.

SUKAN

# SUKAN SEA XXIII, FILIPINA 2005

## Pencapaian atlet di Filipina meningkat

LAPORAN HAJI AHAT HAJI ISMAIL ahat.ismail@information.gov.bn
DAN HAJI AHMAD HAJI SALIM ahmad.salim@information.gov.bn

MANILA, Ahad, 4 Disember . - Timbalan Chef de Mission Negara Brunei Darussalam ke Sukan SEA Ke-XXIII 2005 di Manila, Haji Zamri bin Dato Paduka Haji Hamdani menjelaskan pencapaian prestasi kontinjen negara pada temasya ini sungguh baik dan meningkat.

Ini dapat dilihat apabila kutipan pingat dua tahun lalu di Viet Nam kontinjen negara hanya meraih 1 pingat emas, 1 perak dan 8 gangsa manakala kali ini di Republik Filipina pula membawa pulang 1 pingat emas, 2 perak dan 2 gangsa.

"Walaupun dari segi jumlah kutipan pingat di sukan SEA kali ini hanya bertambah sebutir pingat gangsa, itu pun sudah dikira baik berbanding dengan pencapaian di Sukan SEA yang lepas," katanya.



PRESTASI kontigen Negara Brunei Darussalam ke Sukan SEA XXIII 2005 di Manila adalah sungguh baik dan meningkat ... Timbalan Chef de Mission Haji Zamri bin Dato Paduka Haji Hamdani. - Gambar oleh Herni Suliana Haji Othman.

Dari segi pencapaian atlet katanya, beberapa acara seperti taekwando, karatedo mempunyai peluang untuk mendapatkan lebih banyak pingat, cuma mereka gagal untuk memanfaatkan kesempatan tersebut.

Acara silat yang menjadi penyumbang utama kutipan pingat kepada kontinjen negara setiap kali Sukan SEA, kali ini gagal memperolehi sebarang pingat.

"Jadi dari sanalah kita nampak bahawa kita perlu menghalusi dari segi teknik-teknik dan strategi ke arah mencapai kejayaan yang lebih baik dan cemerlang," jelasnya ketika ditemubual oleh wakil PELITA BRUNEI di Manila.

Melihat kepada pencapaian ini, usaha-usaha dan perancangan Jabatan Belia dan Sukan akan terus dikembangkan selain merancang strategi tertentu yang menjurus ke arah meningkatkan perkembangan sukan negara. secara berterusan.

"Seperti mana yang kita maklum bahawa keseluruhan para atlet kita yang mewakili Sukan SEA Ke-XXIII ini adalah terdiri daripada generasi muda yang terdiri belia-belia dan mereka telah mampu untuk bertanding di pertandingan-pertandingan akan datang," ujarnya.

Sehubungan itu, tambahnya, jabatan akan merangka terus program-program tertentu dan sentiasa membantu persatuan-persatuan sukan yang terdapat di negara kita, dalam apa jua aspek demi mengembangkan sukan ke tahap yang lebih tinggi lagi.

Dalam temu bual itu beliau juga menaruh harapan supaya apabila kita kembali ke tanah air, akan lebih giat untuk mengangkat martabat sukan masing-masing supaya kita dapat bertanding di peringkat serantau mahupun peringkat antarabangsa.

## Kayak beraksi setakat separuh akhir

SUBIC BAY, 3 Disember - Atlet Kayak negara yang beraksi ditemasya Sukan SEA Ke-XXIII 2005 menutup persaingan cabaran di Malawaan Fishing Area, Olongap City, dengan hanya beraksi diperingkat separuh akhir.

Pada hari pertama perlumbaan acara K1, Ariffin Haji Zainal menduduki tempat ketiga pada saringan pertama. Bagaimanapun, pada pertarungan separuh akhir acara itu beliau tertinggal ditempat keempat.

Kemudian pada hari kedua perlumbaan acara K2, Ariffin dan adeknya Hassan Haji Zainal juga menduduki tempat ketiga pada perlumbaan saringan pertama dan selanjutnya mara ke separuh akhir.

Pada perlumbaan separuh akhir itu mereka menduduki tempat terakhir dan gagal keperingkat akhir.

Mengulas pencapaian itu, jurulatih Haji Noor Shah Haji Abdullah, menyatakan pertandingan begitu sengit dan hampir kesemua negara peserta mempunyai atlet kayak terbaik sehingga dua peserta negara gagal keperingkat akhir.

Katanya, Republik Viet Nam, Republik Filipina, dan Republik Indonesia adalah antara negara-negara yang sering menguasai acara kayak dan kita yang belum banyak pendedahan cuma baru bersaing kali pertama di temasya Sukan SEA Ke-XXII di Republik Viet Nam dua tahun lalu.

Dengan demikian tambahnya, sukar untuk kita mengatasi mereka, apa lagi jika kita tersenarai bersama mereka semasa perlumbaan.

Bagaimanapun, katanya, pencapaian hingga mara keseparuh akhir itu adalah cukup baik dan dengan penyertaan itu sekurang-kurangnya peserta kayak kita mendapat pengalaman berguna.

## Pencapaian pemain golf kurang memberangsangkan

LAGUNA, Sabtu, 3 Disember. - Pencapaian golf lelaki dan wanita negara pada temasya Sukan SEA Ke-XXIII 2005, yang sudah berakhir kurang memberangsangkan sehingga tercorot ditangga terbawah.

Tiga hari perlawanan berlangsung di The Country Club, Canlubang tidak memperlihatkan tuah yang baik, sebaliknya gagal memberikan saingan meskipun para pemain sudah berpengalaman dalam beberapa pertandingan.

Namun, untuk mencatatkan kejayaan yang diharapkan belum juga menjelma dan pemain perlu berusaha lebih gigih lagi.

Justeru itulah para pemain yang terdiri dari Seruji Haji Setia, Suhaimi Haji Ibrahim, Pengiran Adam Pengiran Atan dan Haji Shaminan Haji Abdul Hamid, pada keseluruhannya mereka menduduki tempat kesembilan daripada sepuluh pasukan dengan mencatatkan 689 dibahagian berpasukan.

Tuan rumah, Republik Filipina, yang berjaya merangkul acara berpasukan mencatatkan 629, Republik Singapura yang meraih pingat perak mencatatkan 638 dan pingat gangsa Mynmar dengan mencatatkan 640.

Pada bahagian individu, hanya Seruji Haji Setia yang menduduki kelompok 15 teratas dengan catatan keseluruhan 220 manakala Suhaimi, Haji Shaminan dan Pengiran Adam membarisi kedudukan senarai di bawah 28.

Kedudukan bahagian wanita berpasukan juga jauh berbeza dari lain-lain perserta apabila Chieng Chiew Jing Valentina, Hajah Rosni Haji Lamat dan Hong Lan Kiong menduduki tempat terakhir dengan catatan keseluruhan 343.

Thailand yang merangkul pingat emas dengan mencatatkan 281, Republik Filipina meraih pingat perak dengan mencatatkan 284 dan Republik Indonesia mendapat pingat gangsa dengan mencatatkan 292.

Pada bahagian individu, wanita, Chieng Chiew Jing Valetina termasuk dalam senarai kedudukan 12 yang mencatatkan 157. Manakala Hajah Rusni Lamat bersama Hong Lan Kiong masing-masing menghuni kedudukan 16 dan 17.




## Atlet catur kurang bernasib baik

MANILA, Rabu, 29 November. - Peserta tunggal Negara dalam acara catur Sukan SEA Ke-XXIII 2005, Ak. Hirawan Pengiran Mohd. Omar menyertai tiga acara iaitu acara rapid perseorangan, acara Standard perseorangan dan acara Blits yang berlangsung di Tagaytay Convention Centre, Tagaytay City iaitu kira-kira perjalanan satu jam 30 minit daripada Manila.

Dalam perlawanan acara gerak cepat (rapid perseorangan), Awangku Hirawan bertemu dengan peserta tuan rumah Republik Filipina, Antonio Rogelo yang mempunyai gelaran Grand Master mampu seri 0 - 5 dalam pusingan kelayakan, dan pusingan seterusnya peserta negara tewas 0 - 1.

Sementara di hari kedua bagi acara Standard perseorangan, Awang Hirawan juga mengalami kekalahan ketika bertemu dengan peserta Republik Singapura, Goh Koon Jon dan tewas lagi dalam pusingan kedua ketika menentang peserta Malaysia, Mas Hafizul Helmi 0 - 1.

Manakala dalam acara Blits, peserta negara Ak. Hirawan bertemu dengan peserta tuan rumah Republik Filipina yang mempunyai gelaran Grand Master Mariano Neson II di mana beliau hanya mampu menduduki kedudukan tangga tercorot ke 30 dengan hanya memperolehi dua mata dalam perlawanan itu setelah menjalani sebanyak tujuh sistem pusingan.

Walaupun tewas dalam perlawanan yang di sertai dalam Sukan SEA Ke-XXIII 2005 bagi acara catur, namun peserta negara Ak. Hirawan mampu bersaing begitu cemerlang dan mempunyai pontesi masa hadapan yang cerah dan tidak mustahil beliau akan mendapat gelaran Grand Master dalam permainan catur.

Ini ternyata peserta negara merupakan satu-satunya peserta yang mampu memberikan saingan ditemasya ini bagi acara catur yang kebanyakannya peserta mempunyai gelaran-gelaran seperti Intermediate Master (IM), Grand Master (GM) dan Fide Master (FM) .

"Ak. Hirawan mempunyai bakat yang besar dan mempunyai pontesi masa hadapan yang cerah, kerana dia sudah mempunyai pengalaman yang luas bertanding di peringkat serantau dan antarabangsa seperti menyertai perlawanan catur Sukan SEA Ke-XXII di Viet Nam, dan tambahan pula mempunyai perspektif yang bagus, sesuai dengan usia yang masih muda dan tidak hairanlah dia akan mampu memperolehi gelaran Grand Master di suatu hari jika dilatih dengan baik," ujar Jurulatih Catur Pasukan Negara Brunei Darussalam, Tair Vahidon.

Sebelum sukan SEA Ke-XXIII ini bermula, peserta negara bagi acara catur iaitu Ak. Hirawan yang menjalani latihan dan juga menyertai pertandingan di luar negara seperti terbuka Paris, terbuka Switzerland, terbuka Bangladesh, Republik Indonesia dan juga di Malaysia.

Menurut beliau lagi permainan catur adalah merupakan permainan yang sangat susah jika tidak mempunyai latihan dan serta kemahiran yang tertentu dan untuk memahirkan diri dan permainan catur kita perlu selalu mengadakan perlawanan yang terdapat dalam komputer.

Pada Sukan SEA 2005 di Manila pasukan negara hanya menghantar seorang peserta bagi acara catur. Jumlah ini adalah amat berkurangan jika dibandingkan penyertaan pasukan negara Sukan SEA Ke-XXII di Viet Nam iaitu seramai 14 orang atlet termasuk seorang pengurus dan dua orang jurulatih.

## Cabaran taekwando bawa pulang satu gangsa

MANILA, Rabu, 30 November. - Cabaran Taekwando pada temasya Sukan SEA Ke-XXIII 2005, yang berlangsung selama tiga hari di Cuneta Astrodome, Pasay City berakhir dengan membawa pulang satu pingat gangsa.

Pingat gangsa itu diraih melalui Farrahwaheeda Haji Bujang, bahagian bantam weight wanita, yang berjaya menundukkan peserta tuan rumah Republik Filipina, Esther Marie Singson dengan kedudukan 3 -1.

Terdahulu sebelum itu pada pusingan awal Farrahwaheeda menyingkirkan perserta Myanmar, Nilar Tun pada persaingan suku akhir.

Pingat gangsa dari Sukan SEA Ke-XXIII ini merupakan yang ketiga diperolehinya pada tahun ini selepas mendapat pingat emas pada Sukan Arafura dan pingat gangsa di Sukan Perpaduan Wanita Islam di Tehran, Iran.

Dua rakannya, yang lain iaitu Aflina Sharena Rosli tewas pada peserta Republik Indonesia, Raha Dewi Neta 1 - 9 bahagian fly weight sementara Suzila Haji Md. Amin pula tewas kepada Thiri Tint Lwn dari Myanmar bahagian fin weight.

Begitu pun, pencapaian satu pingat dari tiga peserta taekwando ini menggembirakan jurulatih Nurul Hannah binti Abdul Mateen Kim yang mengharap supaya lebih banyak pendedahan perlawanan diberikan untuk mendapatkan pengalaman bertanding.

Melalui pendedahan yang luas, peserta akan lebih yakin bersedia untuk menghadapi setiap lawan yang akan ditemui dalam sesuatu kejohanan.




PENUH HATI-HATI ... Awangku Hirawan begitu tekun membaca pergerakan lawan ketika menentang peserta Republik Singapura.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Yang Teramat Mulia Azrinaz Mazhar binti Hakim Mazhar berkenan menerima junjung ziarah sejurus sebelum berangkat bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 dan Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) di Kuala Lumpur, Malaysia. - Gambar oleh Haji Masamaleh Haji Mohd Ali.

# Berangkat hadiri Sidang Kemuncak ASEAN, Sidang Kemuncak Asia Timur di Kuala Lumpur

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 10 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Yang Teramat Mulia Azrinaz Mazhar binti Hakim Mazhar, hari ini berkenan berangkat bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 dan Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) di Kuala Lumpur, Malaysia.

Kedua-dua sidang kemuncak itu akan diadakan dari 12 hingga 14 Disember.

Berangkat sama mengiringi baginda ialah adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Juga berangkat ialah anakanda-anakanda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakillah Hayatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bulqiah.

Berangkat mengucapkan selamat belayar kepada rombongan diraja di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Terdahulu sebelum itu, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

Juga mengucapkan selamat belayar ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat dan Timbalan-timbalan Menteri.

# Rakan Pembangunan BIMP-EAGA: Penyertaan Wilayah Utara Australia, RRC disambut baik

**LAPORAN ZABAIDAH HAJI SALAT** zabaidah.salat@information.gov.bn
**DAN ABU BAKAR HAJI ABD. RAHMAN** bakar.rahman@information.gov.bn

KUALA LUMPUR, Ahad, 11 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah melahirkan perasaan puas hati atas perkembangan positif yang berlaku di dalam Kawasan Pertumbuhan Asia Timur - Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Filipina (BIMP-EAGA).

Atas perkembangan tersebut baginda berkenan mengesahkan 'Hala Tuju Ke Arah Pembangunan BIMP-EAGA' yang mana menghuraikan kaedah-kaedah bagi meningkatkan penyelarasan dan kerjasama di dalam rantau ini.

Dalam pada itu baginda juga menyambut baik penyertaan Wilayah Utara Australia dan Republik Rakyat China sebagai rakan Pembangunan BIMP-EAGA.

Baginda bertitah demikian ketika berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak BIMP-EAGA Ke-2 bersempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 yang berlangsung di Pusat Persidangan Kuala Lumpur di sini.

Berangkat sama mengiringi baginda ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Persidangan yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi antara lain telah memberi fokus kepada pembangunan bagi keutamaan bersama yang telah dikenal pasti oleh kumpulan kerja BIMP-EAGA seperti pengangkutan dan infrastruktur, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan kastam, imigresen, kuarantin dan keselamatan (CIQS), pembangunan, pelancongan dan pertanian.

Menurut sumber yang diperolehi di sini antara lain menyebut Negara Brunei Darussalam menerajui kelompok pengangkutan; Republik Filipina menerajui perusahaan kecil dan sederhana, Malaysia menerajui pembangunan pelancongan dan Republik Indonesia menerajui bidang pertanian.

Kerjasama rantau kecil BIMP-EAGA yang diwujudkan secara rasmi sejak tahun1994 adalah mekanisme yang bertujuan untuk merangsang pembangunan di wilayah ekonomi kecil yang ketinggalan di negara-negara anggota dengan meningkatkan perdagangan, pelancongan dan pelaburan sesama EAGA.

Negara-negara EAGA terdiri daripada Negara Brunei Darussalam; 10 wilayah di Kepulauan Kalimantan, Sulawesi, Maluku dan Irian Jaya di Indonesia; Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan di Malaysia dan Mindanao dan Palawan di selatan Filipina.

BIMP-EAGA yang mempunyai penduduk kira-kira 50 juta orang yang berselerakan di kawasan 1.5 juta kilometer persegi di empat buah negara adalah kerjasama rantau kecil terbesar Asia.

Baru-baru ini, BIMP-EAGA telah mengukuhkan hubungan ekonomi dengan Jepun selepas diadakan seminar penggalakan pelaburan pada bulan lepas.

Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Junichiro Koizumi mengisytiharkan sokongan bagi BIMP-EAGA semasa Sidang Kemuncak ASEAN 2003 di Bali.




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan semasa berangkat menghadiri Sidang Kemuncak BIMP-EAGA Ke-2. - Gambar oleh Masri Osman.

# DYTM berkenan terima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan, berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Christian David Bennett, Pesuruhjaya Tinggi Australia yang akan menamatkan tempoh perkhidmatannya berlangsung di Istana Nurul Iman di sini.

DYTM menerima mengadap TYT Christian David Bennett, Pesuruhjaya Tinggi Australia yang telah berkhidmat di negara ini sejak bulan Februari 2004.

Juga hadir di Majlis Mengadap ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan, berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Christian David Bennett. - Gambar oleh Harun Haji Rashid.

# Keakraban era 'perkampungan global' fakta kehidupan yang nyata

**LAPORAN HAJI DAYANG HAJI KASSIM** dayang.kassim@information.gov.bn
**DAN SAHARI AKIM** sahari.akim@information.gov.bn

**MEKAH AL-MUKARRAMAH, 7 Disember. - Sidang Kemuncak Luar Biasa Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Ke-3 yang sedang berlangsung ketika ini dilihat sebagai 'luar biasa' kerana sebelum ini penduduk dunia tidak pernah hidup dalam keakraban seperti mana yang dilalui pada hari ini dalam era 'perkampungan global' yang merupakan satu fakta kehidupan yang nyata.**

Sesuai dengan itu, adalah menjadi tugas negara-negara ahli OIC untuk memastikan perkampungan global berkenaan berjalan dengan lancar dan berjaya agar keseluruhan penduduk dunia dan umat Islam menjadi warga dunia yang berkeyakinan, hidup gembira sehingga mampu menyumbangkan sesuatu yang sangat istimewa.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darusslaam bertitah demikian di Sesi Perbahasan Umum, Sesi Luar Biasa Sidang Kemuncak OIC Ke-3 yang berlangsung di Dewan Persidangan Istana Al-Safa di sini.

Seterusnya baginda bertitah bahawa kemungkinan sebahagian daripada masyarakat Islam percaya mereka tidak mampu melakukannya dan tidak perlu ikut serta dalam memberikan sumbangan kepada dunia dengan alasan ketidakadilan, berat sebelah, bahkan kekejaman.

Walau bagaimanapun baginda berpendapat ia bukanlah satu alasan untuk berputus asa, tetapi melihatnya sebagai kegagalan sistem politik dan undang-undang perdagangan antarabangsa yang berat sebelah dan baginda melihat kekerasan dan huru-hara serta jenayah adalah lebih kepada ketidaksamaan sosial.

Baginda juga mengambil maklum kekesalan, kemarahan, kekecewaan dan perasaan hampa serta kegagalan pemerintah mengakui kehendak-kehendak masyarakat biasa yang berterusan terhadap 'perkampungan global'.

Dalam erti kata lain, ia bukan sahaja melihat orang-orang Islam yang menderita tetapi juga orang-orang Islam yang sukar untuk menyesuaikan diri dengan cara hidup dalam suasana dunia baru di sekeliling mereka sambil menyifatkan cabaran seumpama itu adalah tanggungjawab pemerintah.

Sehubungan itu, baginda bertitah menyifatkan kehadiran ketua-ketua negara di persidangan kali ini bukanlah untuk mencari alasan bagi mereka yang menggunakan Islam sebagai manifesto politik bagi 'era baru' akan tetapi baginda penuh percaya bahawa mereka punya tanggungjawab membantu masyarakat Islam mencapai tiga unsur penting dalam mengukuhkan keselamatan.

Unsur-unsur berkenaan keyakinan diri sebagai masyarakat moden, pemahaman bahawa tidak ada konflik di antara dunai moden dan cara penghidupan Islam dan kepercayaan bahawa para pemerintah penuh bersedia dalam menghadapi cabaran-cabaran yang bakal tiba.

Oleh sebab itu, baginda menghargai peranan suruhanjaya yang ditubuhkan semasa Sidang Kemuncak Islam Ke-10 dalam memenuhi mandat yang telah diberikan kepada mereka.

Baginda seterusnya melahirkan rasa puas hati terhadap hasil usaha-usaha yang telah dilaksanakan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh para cendekiawan dan intelektual Islam.

BERHATI-HATILAH SEMASA MEMANDU

برهاتي٢له سماس ممندو

دتربيتكن اوله جابتن ڤنرڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جابتن ڤرچيتقن كراجأن، جابتن ڤردان منتري، نڬارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Pelita BRUNEI ڤليتا بروني

انيكا
ANEKA

BILANGAN 50 RABU 14 DISEMBER 2005 1426 رابو 12 ذوالقعده PERCUMA



BANGUNAN Perpustakaan Muara berperanan sebagai institusi yang mampu menyumbangkan keperluan informasi rakyat dan penduduk negara ini.

# Perpustakaan Muara: Dukung usaha kerajaan bentuk masyarakat bermaklumat

OLEH SAMLE HAJI JAIT
samle.jait@information.gov.bn
GAMBAR OLEH PG. IBNI PG. HAJI HIDUP

TARIKH 8 Disember 2005 menjadi satu catatan lembaran sejarah baru bagi penduduk Pekan Muara dan sekitarnya dengan terbina sebuah perpustakaan komuniti yang menyediakan pelbagai kemudahan dan keperluan informasi yang sangat berharga untuk dimanfaatkan.

Kewujudan Perpustakaan Muara ini bolehlah dijadikan satu lagi mercu tanda dan landasan terbaik yang menyumbang kepada kemajuan pekan tersebut dari segi pendidikan, industri dan kesejahteraan kehidupan anggota masyarakat secara umumnya.

Perpustakaan yang didirikan di tengah-tengah Pekan Muara juga merupakan kemajuan yang sangat signifikan kepada Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka yang menyediakan bahan perpustakaan bersesuaian mengikut kategori pengguna dalam mendapat dan memanfaatkan pelbagai sumber untuk tujuan pendidikan, rekreasi dan penyelidikan.

Penubuhannya di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 adalah sebagai usaha mendukung hasrat kerajaan dalam melahirkan individu yang berwibawa dan mampu bersaing dalam segala bidang dan seterusnya berupaya menyediakan keperluan tenaga manusia yang bakal membawa Negara Brunei Darussalam ke arah kemajuan dan pembangunan seimbang dan menyeluruh.

Perkhidmatan perpustakaan di kawasan ini, dirancang ke arah menyediakan institusi yang mampu menyumbangkan keperluan informasi rakyat dan penduduk negara ini.

Berkonsepkan perpustakaan komuniti, gedung ilmu itu akan melaksanakan fungsinya sebagai perpustakaan jabatan dan awam, di samping memikul sebahagian tanggungjawab perpustakaan negara yang sentiasa berusaha meningkatkan mutu perkhidmatannya kepada semua lapisan masyarakat di negara ini.

Bangunan yang menelan belanja hampir $1 juta itu menyediakan ruang kemudahan menyeluruh termasuk buku-buku bacaan untuk semua generasi usia, buku-buku rujukan dan ilmiah, malah terdapat juga kemudahan bilik siber yang menyediakan pelbagai informasi terkini dengan melayari internet.

Visi perpustakaan ialah sejajar untuk menjadikannya sebuah perpustakaan utama di Negara Brunei Darussalam dalam menyediakan kakitangan mahir dan koleksi yang komprehensif serta terkini.

Misi perpustakaan pula ialah memberi perkhidmatan perpustakaan dan maklumat bagi peningkatan budaya membaca kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui penyediaan perkhidmatan peminjaman dan rujukan.

Perpustakaan telah ditubuhkan pada tahun 1963 di bawah kebenaran dan Surat Keliling Setia Usaha Kerajaan Bil. 36/1962, Seksyen 4 (1-d-ii) dan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ditubuhkan sementara di Bangunan Jabatan Pelajaran sebagai rujukan sahaja.

Kemudian, pada 1 Januari 1953, DBP telah diisytiharkan menjadi satu institusi kerajaan dan perletakan batu asas bangunan baru DBP, Jalan Elizabeth telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien pada 29 September 1965 dan baginda berkenan menyempurnakan perasmiannya pada 29 September 1968.

Sejak itu, perpustakaan telah meniti arus kemajuan dengan Bahagian Perpustakaan memulakan perkhidmatan kepada orang ramai dan menggunakan bahan sebagai rujukan sahaja sebelum memulakan perkhidmatan peminjaman kepada pengguna pada 1 September 1971.

Pada tahun itu, bermulanya peranan utama Perpustakaan DBP sebagai perpustakaan awam yang pertama di negara ini dengan menyediakan perkhidmatan peminjaman, perpustakaan rujukan dan Perpustakaan Bergerak.

Perpustakaan DBP terus melebarkan sayapnya dengan menubuhkan cawangan perpustakaan di Kuala Belait pada 14 Julai 1975, Cawangan Perpustakaan Tutong dibuka pada 1 September 1975, Cawangan Perpustakaan Temburong (8 Disember 1975) dan Cawangan Perpustakaan Seria ditubuhkan pada 12 Febuari 1977. Kemudian, Cawangan Perpustakaan Daerah telah dinaikkan taraf sebagai Perpustakaan Daerah bermula pada tahun 1993.

Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak telah membuat perhentian pertama pada tahun 1970 di Sekolah Rendah Sengkurong dan sehingga kini telah pesat meningkatkan jumlah perhentian kepada 26 pusat perhentian di Dearah Brunei-Muara, Daerah Belait (8), Daerah Tutong (8) dan 11 pusat perhentian di Daerah Temburong.

Hasil usaha dan perkhdimatan yang pelbagai kepada orang ramai, para pelajar, pendidik, cendekiawan dan pelbagai kategori golongan masyarakat, Perpustakaan DBP terus menempa kemajuan dan peningkatan perkhidmatan dari masa ke semasa.

Menurut sumber Perpustakaan DBP, sejak 1970 sehingga 2004, gedung ilmu itu telah menerima sejumlah 3,987,555 orang pelawat dengan seramai 2,573,141 peminjaman telah direkodkan.

Sejumlah 458,487 koleksi pelbagai tajuk dan kategori buku telah disediakan di perpustakaan di seluruh negara dan 72,087 orang telah didaftarkan sebagai ahlinya.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad mendengar penerangan mengenai pelbagai majalah dan buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka di Majlis Perasmian Bangunan Perpustakaan Muara.

TALIAN PENTING : Ambulans - 991 Polis - 993 Bomba - 995 Mencari & Menyelamat - 998 / PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN PENTING : Air - 140 Elektrik - 144 Maklumat Penerbangan - 2331747 Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut) - 2332600 Unit Pengurusan Bencana Alam - 2381874/2381313/2382143/2382027 Penderaan - 2338700/2339733/2345050 Bahagian Pemantauan Harga, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) - 2230223.

FOKUS

# KENALI NEGARA SENDIRI

## Galakkan pelancongan dalam negara

OLEH SAHARI AKIM
sahari.akim@information.gov.bn

PELANCONGAN merupakan salah satu sektor yang berpotensi dalam menjana pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan terus-menerus berusaha menyediakan prasarana dan meningkatkan promosi untuk menarik pelancong luar ke negara ini.

Ini selaras dengan usaha kerajaan mempelbagaikan sumber ekonomi negara agar tidak bergantung kepada hasil minyak dan gas semata-mata. Sektor ini jika dapat dimajukan sememangnya boleh menyumbang kepada pertumbuhan sektor-sektor perniagaan yang lain.

Sektor pelancongan kini sudah mempunyai cabang yang banyak meliputi pelancongan rekreasi, pelancongan perniagaan, pelancongan sukan, pelancongan kesihatan, pelancongan pendidikan dan sebagainya.

Jika sektor pelancongan ini boleh dimajukan dengan pesatnya, para peniaga dan pengusaha pelbagai sektor lain juga akan dapat meraih manfaat yang banyak. Antaranya ialah sektor perniagaan runcit, pengangkutan, komunikasi, perhotelan, restoran, perusahaan kraf tangan dan banyak lagi.

Di setengah negara, sektor pelancongan bukan sahaja ditumpukan kepada pelawat dari luar negeri tetapi juga menggalakkan masyarakat tempatan untuk melancong di negara sendiri.

Ruangan FOKUS kali ini hanya akan memperkatakan mengenai usaha menggalakkan rakyat dan penduduk negara ini 'mengenali negara sendiri' melalui pelancongan dalam negeri. Pada masa yang lepas ruangan ini telah membicarakan mengenai pelancongan secara umum.

**MELAWAT**

Masyarakat kita memang suka melawat ke luar negara terutama pada setiap musim cuti penggal persekolahan. Ketika itu kebanyakan ibu bapa juga mengambil cuti untuk membawa anak-anak melancong ke luar negeri terutama ke negara-negara jiran.

Tujuan utama melancong ialah untuk berehat dan menimba pengalaman baru. Lawatan ke luar negara tidak akan lengkap jika tidak melawat ke tempat-tempat menarik dan bersejarah selain membeli-belah.

Tentu sekali banyak wang yang terpaksa dibelanjakan terutama jika melancong bersama keluarga yang agak ramai. Perkara tersebut tidak menjadi masalah kepada mereka yang 'berada' tetapi sukar bagi yang berpendapatan rendah.

Sebenarnya banyak alternatif lain yang boleh dilakukan untuk membawa keluarga berehat dan bersantai bagi mengisi masa terluang pada musim percutian. Antaranya ialah melawat ke tempat-tempat menarik dan bersejarah yang terdapat di negara ini.

Negara kita juga tidak kurang mempunyai tempat-tempat yang menarik dan penting untuk dilawati di keempat-empat daerah. Terdapat sekitar 90 tempat menarik dan bersejarah yang penting untuk dilawati dan diketahui.

Antaranya ialah Kampong Ayer, Taman Negara Kuala Belalong, Wasai Wang Kadir, Pantai Muara, Pantai Seri Kenangan, Pantai Berakas, Taman Warisan Tasek Merimbun, Bukit Patoi dan lain-lain.

Selain dari itu terdapat juga banyak bangunan-bangunan seperti Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Muzium Kota Batu, Muzium Teknologi Brunei, Bangunan Bubungan Dua Belas dan banyak lagi.

Begitu juga dengan tempat-tempat bersejarah, umpamanya Makam Sultan Bolkiah dan Sultan Syarif Ali di Kota Batu, Makam di Luba, Mercu Tanda Penghasilan Minyak di Seria dan sebagainya.

Kampong Ayer pada misalnya merupakan tempat yang unik dan bersejarah. Perkampungan ini memang cukup dikenali oleh masyarakat luar negeri. Tidak sah bagi para pelancong yang melawat ke negara ini jika tidak berkunjung ke Kampong Ayer. Selain keindahan dan keunikan budaya hidup masyarakatnya, ia juga merupakan perkampungan di atas air yang terbesar di dunia.

Apa yang menghairankan, terdapat sebilangan orang kitani terutama remaja dan belia yang belum pernah menjejakkan kaki melawat ke Kampong Ayer, sedangkan pelancong luar negeri begitu ghairah dan sanggup datang dengan belanja yang agak tinggi untuk melihat Kampong Ayer dan tempat-tempat menarik yang lain secara lebih dekat.

Kita patut bertanya kepada diri kita sendiri, kenapa pelancong asing yang datang dari jauh begitu mengagumi keindahan dan keunikan negara ini. Kenapa pula sebilangan masyarakat kita tidak berminat untuk menjelajah ke ceruk rantau negara sendiri?

Janganlah pula nanti jika ditanya oleh pelancong luar, kita sendiri tidak mengetahui mengenai sejarah, tempat atau budaya yang terdapat di negara ini. Atau mungkinkan orang luar negeri lebih mengenali negara ini dari kita sendiri.

**KENALI**

Kita sering menyebut dan merangsang semangat cintakan bangsa dan negara. Kata orang 'tak kenal maka tak cinta'. Bagaimana mungkin seseorang mencintai negaranya jika dia tidak mengetahui dan memahami dengan jelas mengenai sejarah, budaya, persekitaran dan sebagainya.

Terdapat sebilangan masyarakat terutama remaja atau pelajar yang belum pernah menjejakkan kaki ke Daerah Temburong, tetapi sudah banyak membuat lawatan ke luar negara termasuk ke Eropah.

Sebenarnya usaha menyemai semangat patriotik, cintakan bangsa dan negara tidak akan mantap jika kita tidak mengenali asal usul, sejarah, budaya, cara hidup dan persekitaran kita.

Dalam hal ini kita patut memberikan pendedahan kepada anak-anak mengenai perkara tersebut sejak dari kecil lagi. Biarlah mereka mengenali bangsa dan negaranya dan berterusan mencintainya.

Ketika ini para pelajar sedang menjalani cuti penggal akhir persekolahan. Masa yang terluang itu perlu diisikan dengan kegiatan-kegiatan yang berfaedah dan boleh mendatangkan manfaat.

Jadi daripada membuang masa asyik menonton televisyen, melayari internet atau ronda di 'shopping complex' maka adalah lebih baik mengajak kawan-kawan untuk melawat ke tempat-tempat yang menarik di negara ini.

Ibu bapa juga sebaiknya menyusun program dan aktiviti untuk mengisi masa percutian anak-anak mereka. Antaranya ialah membuat lawatan di dalam negeri atau berkelah ke pantai-pantai, tasik-tasik atau taman-taman rekreasi yang terdapat di negara ini.

Di samping dapat berehat dan bersantai melepaskan lelah setelah penat bekerja atau belajar, anak-anak juga akan dapat menimba pengalaman baru. Pada masa yang sama ia juga akan dapat memupuk kemesraan dalam kehidupan berkeluarga.

**PAKEJ**

Sebilangan masyarakat kita tidak terdedah atau mengetahui terdapatnya banyak tempat-tempat menarik yang boleh dilawati di negara ini. Ada juga di antaranya yang tidak mengetahui cara untuk sampai ke tempat tersebut termasuk kemudahan-kemudahan asas yang disediakan.

Mungkin sudah samapai masanya ada pengusaha atau syarikat yang memperkenalkan pakej pelancongan dalam negeri terutama pada musim cuti persekolahan. Umpamanya pakej secara terancang yang menyediakan kenderaan sama ada kereta, bas atau perahu untuk sampai ke tempat-tempat yang agak susah didatangi.

Kemudahan lain termasuk tempat penginapan, perkhemahan dan seumpamanya juga patut disediakan oleh pengusaha yang terlibat. Selain dari itu pengusaha juga patut menyediakan pelbagai aktiviti dan kegiatan menarik kepada pelawat sepanjang berada di tempat-tempat berkenaan.

Jika usaha seperti ini dimulai secara terancang dengan melibatkan pihak sekolah, pertubuhan-pertubuhan, syarikat-syarikat, ibu bapa dan sebagainya, maka kita percaya usaha tersebut akan dapat dimajukan.

Tentu sahaja pihak sekolah boleh menyusun program sambil belajar dengan mengadakan lawatan atau menginap secara berkumpulan di tempat-tempat yang difikirkan sesuai. Begitu jugalah halnya dengan pertubuhan-pertubuhan, pelbagai aktiviti berfeadah juga boleh dirancang.

Bagi agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat pula mereka boleh mengadakan 'retreat' untuk merangka dasar dan rancangan-rancangan bagi organisasi mereka di tempat yang tenang dan jauh dari kesibukan kota.

Kita mengharapkan ada pengusaha yang akan tampil dan memperkenalkan pakej sedemikian. Kata orang 'belum dicuba belum tahu', yang penting orang kitani perlu berani mencuba.

Kita yakin pakej sedemikian akan mendapat sambutan menggalakkan asalkan pengusaha dapat mengadakan program-program dan aktiviti-aktiviti menarik kepada rombongan yang menyertainya.

Antara aktiviti yang perlu diperkenalkan termasuklah menjelajah hutan dan bukit-bukau, aktiviti memburu atau menangkap binatang, aktiviti memancing atau menangkap ikan, mandi-manda di tasik atau air terjun.

Apa yang juga perlu diselitkan ialah aktiviti berbentuk kesenian dan tradisi masyarakat kampung. Rombongan juga boleh dibawa menyertai aktiviti mengetam padi pada musim menuai.

Pakej itu juga perlu memasukkan aktiviti permainan tradisional seperti permainan gasing, mainan congkak, kuit dan lain-lain. Begitulah juga halnya dengan lagu-lagu dan peralatan muzik tradisional termasuk kerja-kerja anyaman dan pertukangan.

Satu lagi aktiviti yang boleh diperkenalkan ialah mencari sayur-sayuran atau umbut dari hasil hutan yang kemudian digulai secara tradisional untuk dimakan bersama oleh peserta rombongan.

Aktiviti dan pengalaman sedemikian tentunya akan dapat menarik minat mereka yang belum pernah mengalaminya. Ia perlu didedahkan kepada para belia dan para pelajar di negara ini.

RISTAAN




NEGARA Brunei Darussalam buat pertama kalinya menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-3 di Manila, Republik Filipina setelah memasuki pertubuhan tersebut pada tahun 1984. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke sidang kemuncak itu pada 13-15 Disember 1987.

Sidang kemuncak tersebut telah melahirkan 'Deklarasi Manila 1987' yang antara lain mengesahkan 20 rancangan kerjasama politik dan ekonomi, hubungan dengan rakan-rakan dialog ASEAN, peranan sektor swasta dalam kemajuan ekonomi ASEAN dan lain-lain lagi. Pada keseluruhannya sidang itu menekankan keazaman negara anggota untuk mempereratkan kerjasama ekonomi dan politik bagi kestabilan dan keselamatan rantau ini serta kesedaran bahawa rantau Asia Tenggara khasnya ASEAN adalah rantau yang pesat membangun dan mempunyai kepentingan strategik antarabangsa.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN

Bahagian III

| BIL. | PERKHIDMATAN | TPOR |
|---|---|---|
| 1. | Pemeriksaan / Pengeluaran Barangan : | |
| | a) Bahagian Pusat Pemproses Mel (MPC) | |
| | i) Barang Biasa (Bungkusan Sederhana) | 1 hari |
| | ii) Barang Sekatan | 3 hari |
| | b) Bahagian Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa (LTA) | |
| | i) Barang (Kargo) Biasa | 1 hari |
| 2. | Pemeriksaan Kontena Di Pelabuhan Muara | 1 hari |

# BANYAKKAN BERDOA DAN BERISTIGHFAR SEMASA BERADA DI TANAH SUCI




**OLEH itu, bagi mereka yang telah cukup syarat-syarat untuk mengerjakan haji dan mempunyai kemampuan, maka hukumnya sunat untuk tidak melambatkan ibadat tersebut sebelum datang perkara yang akan menghalanginya, kerana Islam sangat menggalakkan umatnya bersegera dalam membuat sebarang amal kebajikan, lebih-lebih lagi ibadat yang dituntut dan diwajibkan.**

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sekarang kita sudah pun berada di bulan Zulkaedah, di mana pada kelazimannya pada bulan inilah bakal-bakal jemaah haji negara kita akan mula berangkat meninggalkan tanah air menuju ke Tanah Suci Mekah Al-Mukarramah mengunjungi Baitullah untuk menunaikan ibadat haji. Ibadat haji adalah merupakan salah satu Rukun Islam yang lima yang diwajibkan ke atas umat Islam yang berkemampuan dan memenuhi syarat-syaratnya untuk mengerjakannya. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 97 tafsirnya:

*"Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur ingkarkan kewajipan ibadat haji itu, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya tidak berhajatkan sesuatu pun dari sekalian makhluk."*

Allah Subhanahu Wataala mewajibkan sesuatu ibadat itu kepada hamba-hamba-Nya sementunya mempunyai hikmah dan ada ganjarannya. Begitulah terhadap ibadat haji, sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya:

*"Dari Abi Hurairah Radiallahuanhu ia berkata: Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam: Sesiapa yang mengerjakan haji ke Baitullah dan tidak melakukan perkara-perkara keji dan tidak berbuat fasik, maka dia suci daripada dosa-dosanya seolah-olah ia kembali pada hari dia dilahirkan oleh ibunya."*

Di dalam Al-Quran, Allah Subhanahu Wataala telah mensyariatkan bagi hamba-hamba-Nya yang hendak menunaikan ibadat haji itu hendaklah berkuasa atau berkemampuan. Berkuasa atau berkemampuan itu bermaksud mempunyai kemampuan harta, kesihatan tubuh badan dan keselamatan. Oleh itu bagi yang hendak menunaikan ibadat haji, hendaklah mempunyai perbelanjaan yang cukup untuk dirinya sama ada dalam perjalanan pergi dan balik dan semasa menunaikan fardu haji dan cukup untuk sara hidup dan nafkah bagi orang-orang di bawah tanggungannya yang ditinggalkan.

Di samping itu, hendaklah sihat tubuh badan dan tidak menghadapi kepayahan ketika dalam perjalanan iaitu berkuasa menghadapi sebarang kesukaran dalam perjalanan seperti orang buta hendaklah membawa pembantu ketika dalam perjalanan dan perjalanan itu pula hendaklah aman dan selamat daripada bahaya baik ke atas dirinya, harta dan kehormatannya serta orang-orang yang bersama-samanya dan termasuklah juga ia mempunyai masa dan kesempatan bagi menunaikan fardu haji.

Oleh itu, bagi mereka yang telah cukup syarat-syarat untuk mengerjakan haji dan mempunyai kemampuan, maka hukumnya sunat untuk tidak melambatkan ibadat tersebut sebelum datang perkara yang akan menghalanginya, kerana Islam sangat menggalakkan umatnya bersegera dalam membuat sebarang amal kebajikan, lebih-lebih lagi ibadat yang dituntut dan diwajibkan, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Maa-idah ayat 48 tafsirnya:

*"Oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal salih)."*

Apabila mengerjakan ibadat haji, maka kerjakanlah dengan bersungguh-sungguh dan berhati-hati agar ibadat haji yang dikerjakan itu mendapat haji mabrur dan ingatlah bahawa setiap amalan haji yang dikerjakan itu mengandungi pengajaran dan peringatan yang dapat dijadikan iktibar dalam menjalani kehidupan di dunia ini. Contohya wukuf di Arafah, di mana perhimpunan manusia yang begitu ramai dapat mengingatkan kita kepada kejadian yang akan berlaku di Padang Mahsyar nanti di mana pada ketika itu hanya amal ibadat yang kita kerjakan semasa berada di dunia sahajalah yang dapat membantu dan menolong kita di hadapan penghakiman Allah Subhanahu Wataala, sama ada kita dari golongan orang yang berbahagia dan mendapat rahmat serta selamat dari seksaan Allah Subhanahu Wataala atau sebaliknya.

Kepada bakal jemaah haji, ketika berwukuf di Arafah nanti, hendaklah memperbanyakkan berdoa dan beristighfar, merendahkan diri ke hadrat Allah Subhanahu Wataala dan memohon kepada Allah dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh, baik untuk diri sendiri, kedua ibu bapa, kaum kerabat dan sekalian umat Islam seluruhnya, semoga doa baik yang dipohonkan mengenai urusan dunia dan akhirat akan dimakbulkan.

Kita merasa yakin bahawa bakal jemaah haji telah mengetahui dan telah diterangkan bahawa tujuan ke Tanah Suci itu adalah semata-mata hendak menunaikan fardu haji iaitu Rukun Islam Kelima dengan menggunakan perbelanjaan yang besar. Kerana itu perlulah diingat oleh para bakal jemaah haji akan niat yang sebenar mereka pergi ke Tanah Suci, jangan sampai ibadat haji menjadi sia-sia.

Oleh itu, jagalah adab-adab ketika berada di Tanah Suci dan kerjakanlah ibadat haji itu mengikut yang diajarkan oleh agama Islam dan jauhilah perkara-perkara yang salah dan karut yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah.

Akhirnya samasamalah kita berdoa semoga haji dan umrah serta lain-lain amalan yang dikerjakan akan diterima Allah Subhanahu Wataala. Amin ya Rabbalalamin.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Hajj ayat 27 - 28 yang tafsirnya:

*"Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadat haji, nescaya mereka akan datang (ke Baitullah) dengan berjalan kaki dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari berbagai jalan dan ceruk rantau yang jauh. Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaan-Nya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak untuk dijadikan korban, dengan yang demikian makanlah kamu dari daging binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin."*

## وقت سمبهيڠ، امساك، شوروق دان ضحى

وقت٢ سمبهيڠ، امساك، شوروق دان ضحى باڬي دائره بروني دان موارا مولأي دري هاري رابو، 12 ذوالقعده، 1426 برسمأن دڠن 14 ديسيمبر، 2005 هيڠڬ كهاري ثلاث، 18 ذوالقعده، 1426 برسمأن دڠن 20 ديسيمبر، 2005 اداله سفرت دباوه اين:-

| مسيحي | ضحى | سوروق | صبح | امساك | عشاء | مغرب | عصر | ظهر | هجره |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| ديسيمبر | | | | | | | | | ذوالقعده |
| 14 | 6.44 | 6.19 | 4.56 | 4.46 | 7.25 | 6.10 | 3.38 | 12.16 | 12 |
| 15 | 6.44 | 6.19 | 4.57 | 4.47 | 7.26 | 6.11 | 3.39 | 12.17 | 13 |
| 16 | 6.45 | 6.20 | 4.57 | 4.47 | 7.26 | 6.11 | 3.39 | 12.17 | 14 |
| 17 | 6.45 | 6.20 | 4.58 | 4.48 | 7.27 | 6.12 | 3.40 | 12.18 | 15 |
| 18 | 6.46 | 6.21 | 4.58 | 4.48 | 7.27 | 6.12 | 3.40 | 12.18 | 16 |
| 19 | 6.47 | 6.21 | 4.59 | 4.49 | 7.28 | 6.13 | 3.40 | 12.19 | 17 |
| 20 | 6.47 | 6.22 | 4.59 | 4.49 | 7.28 | 6.13 | 3.41 | 12.19 | 18 |

وقت٢ سمبهيڠ باڬي دائره توتوڠ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلأيت دتمبه تيڬ مينيت، سمبهيڠ فرض جمعة دسلوروه نڬارا بروني دارالسلام دمولأي دري فوكل 12.45 تڠهاري.

# Wanita berjemaah dalam Sembahyang Sunat

**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

Bilangan 215
Bahagian Kedua

ارشاد حكوم

**IRSYAD HUKUM**

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

### SEMBAHYANG-SEMBAHYANG SUNAT YANG DISUNATKAN BERJEMAAH

ADAPUN sembahyang-sembahyang sunat itu terbahagi kepada dua kumpulan, iaitu yang sunat dikerjakan secara berjemaah dan yang tidak sunat dikerjakan secara berjemaah.

Adapun maksud sunat dikerjakan secara berjemaah itu kerana telah disyariatkan untuk dikerjakan secara berjemaah. Sembahyang-sembahyang sunat tersebut adalah seperti berikut:

### I. SEMBAHYANG DUA HARI RAYA

Iaitu 'eid al-akbar (Sembahyang Hari Raya Adha) dan 'eid al-ashghar (Sembahyang Hari Raya Fitri). Hukum sembahyang dua Hari Raya adalah sunat mu'akkadah.

Menurut Khatib asy-Syarbini Sembahyang Hari Raya Adha dan Sembahyang Hari Raya Fitri sunat dikerjakan oleh lelaki atau perempuan, bersendirian atau berjemaah, hamba atau merdeka, orang yang musafir, khunsa dan juga kanak-kanak lelaki.

Menurut nas Imam Asy-Syafi'e dan para ulama Syafi'e, bahawa kanak-kanak lelaki yang sudah mumayyiz juga digalakkan untuk hadir berjemaah pada Sembahyang Sunat Hari Raya.

Adapun hukum sembahyang dua Hari Raya itu sunat mu'akkadah. Ini adalah berdasarkan kepada kebiasaan yang dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sembahyang dua Hari Raya ini juga disyariatkan untuk dilakukan secara berjemaah kerana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melakukan sedemikian dan hukum berjemaah adalah sunat.

### KEHADIRAN WANITA BERSEMBAHYANG DUA HARI RAYA DI MASJID

Menururt Imam An-Nawawi dalam kitab Al-Majmu', hukum perempuan yang cantik dan yang boleh menarik perhatian hadir ke masjid adalah makruh kerana ditakuti fitnah. Adapun perempuan yang telah berumur atau yang tidak menarik perhatian adalah digalakkan untuk hadir ke masjid. Walau bagaimanapun sekiranya mereka ingin hadir ke masjid, maka hendaklah memakai pakaian yang sederhana (pakaian seharian) dan membersihkan diri serta dilarang dari memakai wangian.

Telah disebutkan dalam beberapa hadis yang diriwayatkan oleh Ummu 'Athiyyah, bahawa pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, orang perempuan juga turut hadir pada perkumpulan di Hari Raya yang maksudnya:

*"Kami diperintahkan keluar pada kedua-dua Hari Raya; perempuan yang menyembunyikan diri dan anak gadis. Berkata Ummu 'Athiyyah: Perempuan-perempuan yang sedang haid juga keluar dan berada di belakang kaum Muslimin. Mereka ikut bertakbir bersama kaum Muslimin."* (Hadis riwayat Muslim).

Dalam hadis yang lain yang maksudnya:

*"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyuruh keluar gadis-gadis, wanita merdeka, wanita yang menyembunyikan diri dan wanita yang sedang haid. Adapun wanita yang haid, maka hendaklah memisahkan diri mereka dari tempat sembahyang dan menyaksikan dakwah kaum Muslimin."*

Salah seorang dari mereka bertanya: "Wahai Rasulullah, bagaimana seandainya dia tidak mempunyai jilbab (tudung dan jubah)?" Baginda menjawab: *"Hendaklah saudaranya memakaikan (atau meminjamkan) untuknya dari jilbab-jilbabnya."* (Hadis riwayat At-Tarmizi).

Dari Ibnu 'Abbas Radiallahuanhuma beliau menceritakan yang ertinya:

*"Aku telah keluar bersama-sama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pada Hari Raya Fitri atau Hari Raya Adha, maka Baginda pun sembahyang, kemudian Baginda berkhutbah. Setelah itu Baginda menemui kaum wanita lalu menasihati, mengingatkan dan menyuruh mereka untuk bersedekah."* (Hadis riwayat Al-Bukhari).

### II. SEMBAHYANG KUSUFAIN

Iaitu sembahyang yang dilakukan kerana kejadian gerhana matahari dan gerhana bulan. Dikatakan juga perkataan kusuf adalah untuk gerhana matahari, manakala perkataan Khusuf adalah untuk gerhana bulan. Adapun ulama telah sepakat bahawa Sembahyang Kusufain ini adalah di antara sunat mu'akkadah untuk dikerjakan.

Maka sembahyang ini disunatkan bagi setiap orang Islam yang bermukim atau musafir, sama ada dia merdeka atau hamba, lelaki dan perempuan, dilakukan sembahyang itu dengan cara berjemaah atau berseorangan yang maksudnya:

*"Sesungguhnya matahari dan bulan itu adalah dua bukti dari tanda-tanda kebesaran Allah 'Azza-wajalla, tidak terjadi gerhana itu disebabkan kematian dan tidak kerana lahirnya seseorang. Maka jika kamu melihat gerhana itu (matahari dan bulan), maka hendaklah kamu bermohon kepada Allah, mengucapkan takbir, bersembahyang dan bersedekah."* (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

Daripada Abu Bakrah Radiallahuanhu meriwayatkan yang ertinya:

*"Telah berlaku gerhana matahari di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, lalu Baginda sembahyang dua rakaat."* (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Sembahyang Kusufain itu sunat dikerjakan secara berjemaah kerana Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam mengerjakannya secara berjemaah di masjid. Sunat juga mengajak orang ramai mengerjakannya secara jemaah dengan berkata: *"Marilah bersembahyang berjemaah."*

### KEHADIRAN WANITA DALAM SEMBAHYANG KUSUFAIN

Asma' binti Abu Bakar menceritakan bahawa dia telah datang kepada 'Aisyah Radiallahuanha pada ketika terjadi gerhana matahari. Maka 'Aisyah Radiallahuanha pun berdiri untuk melakukan Sembahyang Kusuf, maka Asma' pun turut sama melakukannya yang ertinya:

*"Aku pergi menemui 'Aisyah sewaktu terjadi gerhana matahari. Tiba-tiba orang ramai sudah pun berdiri mengerjakan Sembahyang Gerhana dan 'Aisyah pun berdiri untuk bersembahyang. Aku berkata kepada 'Aisyah: Mengapa orang-orang itu berbuat demikian? 'Aisyah memberi isyarat dengan tangannya ke arah langit dan mengucapkan: Subhanallah. Lalu aku berkata: Suatu tanda kekuasaan Allah? Lalu 'Aisyah memberi isyarat: Ya. Maka aku pun berdiri sehingga aku hampir pengsan (kerana terlalu lama berdiri), membuatkan aku menyiramkan air di atas kepalaku."* (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Menurut Imam Syafi'e dalam Kitab Al-Umm yang ertinya:

*"Aku tidak mengatakan makruh bagi sesiapa yang tiada hai'at (menarik perhatian) daripada golongan wanita, tidak juga (makruh) bagi perempuan tua dan tidak juga (makruh) bagi kanak-kanak perempuan untuk menghadiri Sembahyang Kusuf bersama-sama dengan imam, bahkan aku menyukai mereka Sembahyang Kusuf, dan aku lebih menyukai bagi perempuan-perempuan yang mempunyai hai'at (menarik perhatian) untuk mengerjakan Sembahyang Kusuf di rumah-rumah mereka.*

Imam Syafi'e berkata: Dan jika berlaku gerhana, seorang lelaki itu bersama dengan wanita-wanita antara mereka itu adalah mahram kepada lelaki tersebut, maka sembahyanglah dia bersama-sama wanita-wanita itu. Dan jika tidak ada antara mereka itu mahram kepada lelaki tersebut, makruh dia melakukan demikian. Adapun jika dia melakukan juga sembahyang dengan mereka (perempuan-perempuan itu), maka itu tidak mengapa."

**BERSAMBUNG**

# HIKMAT DAN TUJUAN IBADAT HAJI

منوجو كريضاان الله

***Menuju Keredaan Allah***

كلولان ڤوسة دعوة اسلاميه

TIDAK lama lagi kita akan melangkah ke bulan haji. Ibadat haji merupakan rukun terakhir dari Rukun Islam yang lima. Umat Islam yang berkemampuan dan cukup syarat akan menunaikan ibadat haji. Kita di Negara Brunei Darusalam juga tidak ketinggalan bersama-sama saudara-saudara Islam kita di negara-negara lain akan menunaikan ibadat fardu haji di Tanah Suci Mekah.

Ibadat haji merangkumi seluruh ibadat sembahyang, puasa dan zakat. Lantaran itu ianya diletakkan di tempat yang terakhir di dalam kewajipan-kewajipan yang wajib ditunaikan oleh seorang Islam. Dengan erti kata yang lain, sebelum seseorang itu melaksanakan ibadat haji tersebut, maka sudah semestinya ibadat sembahyang, puasa dan zakatnya telah dapat disempurnakannya dengan baik dan sempurna seperti mana yang dikehendaki oleh hukum syarak.

Oleh kerana itu jika harta atau wang yang dikumpulkan kerana hendak menunaikan ibadat haji itu cukup nisab dan haulnya, maka adalah wajib terlebih dahulu dikeluarkan zakatnya kerana setiap harta yang hendak digunakan bagi menunaikan haji, mestilah ianya merupakan harta yang suci dan halal, bukan yang terdapat di dalamnya hak orang lain ataupun subahat atau harta yang diperolehi secara tidak halal.

Ibadat haji dilaksanakan di Mekah pada satu tempoh waktu yang dihadkan (bulan Haji) menemukan umat Islam dari pelbagai tempat atau negeri, berlainan warna kulit, bahasa dan kebudayaan. Perhimpunan umat Islam sedunia adalah untuk memenuhi undangan sebagai tetamu Allah dalam menghidupkan suasana persaudaraan Islam sejati berserta tekad dan keimanan yang bulat dan teguh terhadap Allah Subhanahu Wataala.

Ibadat haji juga melahirkan rasa tanggungjawab bersama bahawa manusia sebagai makhluk Allah dan Khalifah-Nya di atas muka ini, hendaklah bekerjasama antara satu bangsa dengan bangsa yang lainnya dalam menyusun perjuangan manfaatkan hasil dari bumi Allah ini, selama mana mereka berada dalam neraca tauhid yang satu, dengannya tercerminlah hubungan antara manusia dengan segala macam warna kulitnya, perbezaan bahasa, bentuk tubuh badan serta perbezaan watak pembawaannya. Tetapi untuk mengambil hikmatnya bahawa manusia itu sama, yang membezakan dalam darjat dan martabat adalah takwa kepada Allah.

Dari sudut lain, mengunjungi Baitullah itu adalah untuk menyaksikan sendiri bagaimana kesan perjuangan para rasul terutama Nabi Ibrahim Alaihissalam, Nabi Ismail Alaihissalam dan Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menegakkan syariat Allah di muka bumi ini, kedua kota suci iaitu Mekah Al-Mukarramah dan Madinah Al-Munawwarah, di mana kedua tempat inilah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memancarkan Islam yang menerangi seluruh dunia.

Ibadat tawaf dan saie dilakukan dalam suasana khusyuk memberikan gambaran jelas terhadap keagungan dan kebesaran Allah. Bacaan-bacaan yang dilafazkan adalah bagi mensucikan jiwa dan memberikan tafsiran bahawa Muslimin hidup berdikari, selalu cergas dalam menempuh perjuangan hidup. Bahkan wukuf di Arafah yang merupakan salah satu rukun haji disifatkan oleh setengah ulama sebagai lambang perhimpunan manusia di akhirat nanti, menunggu pengadilan Allah atas segala perbuatan yang telah dilakukan di dunia.

Justeru itu, ibadat haji diharapkan dapat menyemaikan rasa keinsafan di kalangan umat Islam bahawa mereka akan kembali menemui Allah di suatu hari kelak dengan tidak akan membawa bersama harta, pangkat, anak-pinak kecuali iman, Islam, amal kebaikan dan takwa. Para jemaah haji patut mempersiapkan diri untuk menghadapi sebarang kesulitan dan ketidakselesaan semasa berada di Tanah Suci nanti, dengan penuh sabar, tabah dan rasa syukur, kerana apa jua perkara yang dihadapi adalah suatu ujian dan cubaan terhadap keimanan dan kesabaran dalam menyempurnakan perintah Allah. Sebagai manusia kita hanya mampu berusaha, perlaksanaan adalah mengikut ketentuan Allah Subhanahu Wataala.

Hikmat dan tujuan haji ini tidak akan dapat dirasakan oleh para jemaah yang menunaikan haji tanpa niat yang ikhlas semata-mata kerana Allah untuk melaksanakan kewajipan haji yang difardukan. Bagi umat Islam yang tidak mengerjakan haji dapat pula memperolehi pahala yang besar dengan melakukan amalan-amalan yang disunatkan pada bulan Zulhijjah seperti berpuasa, berzikir dan sebagainya.

Selamat menunaikan ibadat haji dan semoga memperolehi haji yang mabrur.

# PERSEKITARAN ASEAN

## JEREBU ANTARA SEMPADAN




OLEH HAJI DAYANG HAJI KASIM
dayang.kasim@information.gov.bn

PENCEMARAN jerebu antara sempadan yang berpunca daripada tanah dan kebakaran hutan telah menjadi masalah alam sekitar yang sangat kritikal yang dihadapi oleh ASEAN sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Kebakaran dalam tahap yang besar sering berlaku yang menyebabkan jerebu antara sempadan sering berlaku dan ianya juga disebabkan oleh petani-petani kecil atau syarikat penanaman yang besar yang bertujuan untuk membakar hutan untuk tujuan bercucuk tanam yang melibatkan kos yang paling minima bagi mereka.

Telah berlaku kebakaran yang sangat meluas dan pencemaran jerebu antara sempadan sejak awal tahun 50-an lagi khususnya ketika musim panas dan kering tahun 1982-83, 1987, 1991, 1994 dan 1997-98 yang mana telah melibatkan kemusnahan yang amat teruk kepada hutan darat dan ekosistem. Jerebu asap yang terhasil oleh kebakaran-kebakaran tersebut telah mencemarkan udara, mengancam kesihatan manusia dan menjejaskan ekonomi berjuta-juta ringgit di seluruh rantau ini. Tambahan lagi, impak jerebu juga menjejaskan pengeluaran gas rumah hijau dan kehilangan hutan tropika dan biodiversitinya juga semakin menjejaskan dan memburukkan lagi masalah alam sekitar sarwa dunia.

**Siri Kedua**

ASEAN telah dengan aktif menangani masalah kebakaran dan jerebu dan impaknya yang meluas. Antara tindakannya terhadap masalah berkenaan termasuklah beberapa resolusi, deklarasi, kenyataan, memorandum persefahaman dan yang paling besar lagi ialah program pengawalan dan pencegahan. Berikutan berlakunya jerebu antara sempadan yang terbesar pada akhir 1997 dan awal tahun 1998, ASEAN telah meluluskan Pelan Tindakan Jerebu Serantau (RHAP) yang mana telah sebulat suara dipersetujui oleh Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN pada bulan Disember 1997.

Tiga bidang utama RHAP ialah mencegah kebakaran hutan dan tanah melalui pengurusan yang lebih baik dasar dan penguatkuasaan; mewujudkan mekanisme pengendalian bagi pemantauan dan mengukuhkan keupayaan memadam kebakaran hutan dan tanah seranatau. Penandatanganan RHAP adalah satu pencapaian besar dalam usaha rantau ini untuk membendung dan menghalang kerosakan oleh jerebu antara sempadan yang sering berlaku. Untuk memastikan perlaksanaan RHAP berjalan mengikut perancangan yang ditentukan, Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN pada bulan Julai 1999 telah meluluskan Pelan Perlaksanaan yang telah dikemaskinikan bagi RHAP. Pelan tersebut antara lain mengenal pasti keutamaan dan tindakan yang akan dijalankan dalam waktu jangka pendek menjelang tahun 2000 dan dalam jangka sederhana menjelang tahun 2003. Pelan tersebut juga dijadikan sebagai peta jalan untuk menunjukkan sejauh mana perlaksanaan RHAP telah dilaksanakan.

Pasukan Bertindak Teknikal Jerebu ASEAN mengadakan pertemuan mereka secara berterusan untuk menilai semula perkembangan perlaksanaan RHAP dan menyediakan garis pandu kepada kumpulan bertindak berkenaan. Sejak penglulusan RHAP, pasukan bertindak di bawah panduan Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN telah melaksanakan beberapa inisiatif dan melaksanakan beberapa kejayaan yang besar. Antaranya ialah:

### PEMANTAUAN PENCEMARAN KEBAKARAN DAN JEREBU

Republik Singapura selaku negara ketua dalam memantau kebakaran dan jerebu dalam RHAP, telah menyediakan gambar-gambar satelit kepada Malaysia dan Republik Indonesia untuk memberitahu kerajaan mereka kewujudan kebakaran yang berlaku di kawasan mereka. Sejak bulan April tahun 2000, Perkhidmatan Kaji Cuaca dari Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia. Malaysia dan Republik Singapura sering mengadakan perjumpaan untuk membincangkan isu ramalan keadaan cuaca serantau yang ada hubung kait dengan kebakaran dan jerebu asap. Unit Penyelarasan Pemantauan dan Pengawalan RHAP dalam Sekretariat ASEAN hari ke hari dan seluruh rantau ini mendapatkan maklumat mereka melalui maklum balas orang ramai melalui laman web mereka yang dinamakan ASEAN Haze Action On-Line (www.haze-online.or.id).

### LATIHAN PRAKTIKAL PELAN BERTINDAK CEPAT (IAPS)

Objektif IAPs ialah untuk mengelakkan kebakaran dan memastikan bahawa ianya tidak akan keluar dari kawalan ketika musim kemarau di kawasan-kawasan yang mudah terbakar di rantau ini. Di bawah IAPs, ASEAN telah melaksanakan Tindakan Gerakan Pemadaman Api (FSMP) di kawasan-kawasan utama seperti di Riau, Sumatera Selatan, Kalimantan Selatan dan wilayah Kalimantan Barat. Langkah-langkah ini adalah sebahagian daripada usaha ASEAN untuk mewujudkan keupayaan jangka panjang dalam pemadaman kebakaran.

### PROGRAM PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Kebakaran yang meluas yang mengakibatkan jerebu antara sempadan sering berlaku disebabkan oleh petani-petani kecil atau syarikat penanaman untuk menyiangi hutan menggunakan kos yang paling murah bagi mereka. Selepas kejadian jerebu yang terbesar pada tahun 1997-98, laporan mengenai berlakunya kebakaran dan jerebu kecil terus diterima daripada kejadian-kejadian yang disebabkan oleh pembakaran haram, khususnya di Sumatera dan Kalimantan. Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN pada bulan April tahun 2000 telah bersetuju untuk mengambil langkah-langkah bagi menangani mereka yang bertanggungjawab dengan menguatkuasakan dasar pembakaran sifar. Hasilnya, beberapa syarikat penanaman yang dituduh telah disiasat dan dijatuhi hukuman. Sebagai tambahan, usaha bersepadu untuk menggalakkan keupayaan penguatkuasaan undang-undang juga sedang diusahakan. Ini termasuklah mewujudkan Kumpulan Perundangan SRFA mengenai Undang-undang dan Penguatkuasaan.

### RANCANGAN KESEDARAN AWAM

Pada bulan April 1999 ASEAN telah meluluskan dasar 'pembakaran sifar' dan menyeru semua negara-negara anggota untuk menguatkuasakan undang-undang dan peraturan dasar berkenaan. Berikutan dengan itu, ASEAN telah mengadakan sesi dialog dengan syarikat-syarikat penanaman dan pembalakan. Sesi Dialog Pertama dengan syarikat penanaman di Sumatera telah diadakan pada bulan Januari 2000 di Pekan Baru, Riau; Sesi Dialog Kedua pada bulan Julai tahun 2000 di Jakarta. Sesi berkenaan diwujudkan untuk menggalakkan kesedaran bagi amalan pembakaran sifar dan juga teknik di kalangan syarikat penanaman dan untuk mewujudkan forum berterusan bagi pemeliharaan dialog dengan mereka.

ASEAN dengan bantuan Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu juga merangka satu perjanjian mengenai pencemaran jerebu antara sempadan yang akan membantu untuk mengelak, mengawal dan menghalang pencemaran jerebu antara sempadan melalui tindakan bersepadu dan bersama peringkat kebangsaan dan serantau, sambil menimbangkan keadaan dan natijah serta sosioekonomi setiap negara. Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN juga telah bersetuju memulakan perundingan mengenai perjanjian seberapa segera yang boleh. Melalui RHAP, ASEAN telah pun merancang rangka kerja kerjasama dan memperincikan pelan perlaksanaan bagi menangani pencemaran jerebu antara sempadan di rantau ini. Objektif utamanya untuk mencegah dan mengurangkan pencemaran berkenaan seluas mungkin dalam ASEAN. Ini tidak akan dicapai jika hanya melalui resolusi dan pelan tindakan sahaja. Melaksanakan RHAP memerlukan tindakan padu oleh banyak agensi dan masyarakat dalam jangka waktu yang panjang. Ia juga memerlukan kepakaran dari pelbagai disiplin. Dan yang paling penting dari semuanya bagi sesebuah rancangan itu untuk berjaya ialah semua peserta dalam perancangan memerlukan tenaga, komitmen dan kegigihan yang sangat tinggi.

Bersambung

# Program beri peluang peserta fahami cabaran dalam ASEAN

OLEH SUKRI HIDAYAT HAJI ABU BAKAR

BERAKAS, Selasa, 29 November. - Serombongan pegawai-pegawai kanan Kerajaan Perkhidmatan Awam Singapura yang sedang mengadakan lawatan sambil belajar ke Negara Brunei Darussalam dialu-alukan di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, hari ini.



PARA peserta semasa mengikuti sesi taklimat. - Gambar oleh Pengiran Ibni Pg. Haji Hidup.

Lawatan dua hari dihadiri oleh pegawai-pegawai yang mengikuti 'The Governance and Leadership Programme' iaitu program perkembangan pengurusan di peringkat pertengahan yang dianjurkan oleh Kolej Perkhidmatan Awam Singapura.

Salah satu komponen penting dalam program itu membolehkan para pegawai untuk lebih memahami rakan negara-negara ASEAN dan cabaran-cabaran yang dihadapi negara-negara berkenaan melalui sesi dialog dan perbincangan.

Rombongan bagi program kali ke-4 ini diketuai oleh Timbalan Setiausaha Tetap Bagi Dasar di Jabatan Perdana Menteri, Goh Soon Poh dengan disertai seramai 43 orang ahli delegasi yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan kerajaan daripada pelbagai agensi, jabatan dan kementerian Perkhidmatan Awam Singapura.

Ketika lawatan ke Kementerian Pendidikan yang diadakan pada 29 November, mereka dialu-alukan oleh rombongan yang diketuai oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Apsah binti Haji Abdul Majid, manakala sesi taklimat disampaikan oleh Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Dayang Hajah Norjum binti Haji Mohd. Yusof.

Sesi lawatan tersebut membolehkan para peserta untuk mengadakan dialog dan perbincangan mengenai tajuk 'Preparing Students For A Globalised World: The Challenge of Providing A Balanced and Integrated Education'.

# KEMAHIRAN PENGUCAPAN AWAM

OLEH REFA'AH ALI OSMAN

**Siri Akhir**




MEMPUNYAI pengetahuan dan kemahiran dalam pengucapan awam adalah penting bagi memastikan setiap orang dapat menyampaikan ceramah dengan lebih berkesan. Dalam hal ini, setidak-tidaknya kita dapat mengelakkan daripada membuat sebarang kesilapan yang boleh mengaibkan diri sendiri.

### Jenis Pengucapan Awam

Terdapat empat jenis pengucapan awam yang sering diamalkan.

Pertama: Ucapan Spontan

Ucapan spontan atau spontaneous speech ialah ucapan yang disampaikan tanpa persediaan awal keadaan terpaksa. Selalunya ucapan seperti ini akan disampaikan secara sambil lalu tanpa menggunakan sebarang nota atau APD.

Apabila kita diminta untuk memberikan sebarang ucapan spontan, kebanyakan orang akan berasa terkejut, teragak-agak dan takut. Akan tetapi bagi mereka yang sudah mahir dalam pengucapan awam, mereka akan menganggapnya cabaran bagi dirinya sama ada topik yang diberikan itu tidak menarik ataupun di luar bidang pengetahuannya. Jika kita diminta untuk menyampaikan sebarang ucapan spontan, tetapi tidak berapa yakin maka adalah lebih baik kita menarik diri secara sopan. Akan tetapi, jika kita sanggup untuk menerima cabaran ini, maka kita hendaklah benar-benar memahami apakah persediaan-persediaan yang perlu dilakukan.

Kedua: Ucapan Ekstemporanas (Extemporaneous)

Ucapan ekstemporanas juga seperti ucapan spontan akan tetapi dalam hal ini, penceramah sudah bersedia dari sudut mental, emosi dan ucapan yang ingin disampaikan. Selalunya, penceramah akan menyampaikan ucapannya berdasarkan nota ringkas, senarai idea-idea yang penting dan gambar rajah. Kadangkala, penceramah akan menyampaikan ucapan tanpa melihat sebarang nota kerana penceramah sudah merangka dalam pemikirannya apa yang perlu disampaikan.

Kebanyakan penceramah yang sudah biasa dalam hal ini sering menggunakan ucapan ekstemporanas. Melalui ucapan ini, penceramah akan dapat mengawal minat hadirin atau pendengar kerana penceramah akan sentiasa mengekalkan komunikasi temuan mata (eyes contact) dengan pendengar. Dengan mengekalkan komunikasi temuan mata akan menghilangkan lagi rasa bosan hadirin.

Ketiga: Ucapan Manuskrip

Ucapan manuskrip merupakan ucapan yang disampaikan dengan membaca bahan-bahan yang telah disediakan. Pada kebiasaannya ucapan seperti ini dilakukan bagi memastikan isi kandungan ucapan tidak salah tafsir atau dimanipulasikan. Dalam hal ini, penceramah juga berhati-hati dalam setiap ucapan yang disampaikan agar maksud kandungan dan matlamatnya dapat dicapai dan difahami dengan lebih berkesan lagi.

Walau bagaimanapun, ucapan seperti ini boleh menyebabkan hadirin akan menjadi jemu dan bosan serta hilang minat apabila mendengarnya terlalu lama sehinggakan tiada hubungan komunikasi antara penceramah dengan hadirin. Kadangkala hadirin beranggapan bahawa penceramah tersebut tidak ikhlas kerana sering mengelakkan komunikasi temuan mata (eyes contact).

Untuk menangani perkara ini, wajarlah kita berlatih membaca ucapan tersebut beberapa kali sebelum menyampaikannya. Dengan demikian, kita akan mengetahui bilakah masanya kita akan berhenti seketika bagi mengalihkan mata atau pandangan kita bagi melihat hadirin, kemudian menyambung semula bacaan kita.

Keempat: Ucapan Hafalan

Ucapan hafalan ialah ucapan yang sering disampaikan ketika majlis khas seperti majlis hari jadi, perpisahan, penghargaan atau peraduan ucapan. Ucapan seperti ini biasanya ringkas akan tetapi penceramah akan dapat menumpukan perhatian kepada apa yang ingin disampaikan, di samping menumpukan komunikasi temuan mata dengan hadirin. Walau bagaimanapun, sekiranya penceramah terlupa perkataan atau ayat-ayat yang telah dihafal, maka pendengar akan berasa kurang senang terhadap penceramah itu.

### Prinsip-prinsip Penting

Verdeber (1996) ada menggariskan beberapa prinsip penting dalam pengucapan awam. Prinsip-prinsip seperti ini perlu supaya penceramah dapat membuat persediaan yang rapi sebelum menyampaikan ucapan.

*Hadirin berminat untuk mendengar, memahami dan mengingati apa yang disampaikan jika sekiranya ucapan atau pembentangan tersebut disampaikan secara kreatif.

*Hadirin akan berminat untuk hadir sekali lagi jika mereka percaya, suka dan yakin dengan kebolehan kita.

*Ucapan yang relevan dan bermakna akan menambahkan minat para hadirin.

### Kesimpulan

Setiap orang mempunyai cita rasa yang tersendiri dalam meyampaikan ucapan. Umumnya, bagi orang yang baru berkecimpung dalam bidang ini, ucapan manuskrip dan hafalan adalah lebih mudah untuk disampaikan. Manakala bagi orang dewasa pula, ucapan spontan dan ekstemporanas adalah ucapan yang perlu diamalkan. Walau bagaimanapun, menurut Hildebrandt dan Stevens (1963), untuk mencapai kejayaan sesuatu ucapan itu bukan bergantung kepada faktor jenis ucapan, tetapi kepada keupayaan penceramah itu sendiri sama ada dapat menyampaikan ucapan dengan lebih efektif dan relevan.

**MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...**

# Sediakan jadual dan sertai aktiviti anak-anak

CUTI sekolah menjelang tiba setelah hampir setahun anak-anak bersekolah. Anak-anak pasti berasa gembira kerana mereka mempunyai waktu cuti yang panjang iaitu selama sebulan. Mereka akan lebih gembira lagi apabila mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan akhir tahun. Mereka dijanjikan hadiah yang istimewa apabila mereka mendapat keputusan yang baik oleh ibu bapa mereka. Pada waktu cuti ini juga bermacam-macam aktiviti diadakan, ada yang pergi melancong ke luar negara bersama keluarga, mengadakan perkhemahan dan sebagainya. Oleh itu para ibu bapa mestilah mengawasi segala tingkah laku anak-anak mereka semasa cuti sekolah bagi memastikan mereka tidak melakukan aktiviti yang tidak sihat seperti melepak hingga jauh malam, melakukan jenayah, anti-sosial dan lain-lain.

Salah satu cara mengawasi anak-anak adalah dengan menyediakan jadual harian kepada mereka. Dengan maksud yang lain, anak-anak diberikan satu tugasan harian yang mereka perlu laksanakan. Sebagai contoh, membersihkan bilik mereka selepas bangun tidur, membersihkan halaman rumah dan sebagainya. Cara berjadual ini lebih sesuai kepada anak-anak yang masih kecil kerana ianya boleh mendisiplinkan anak-anak dan melahirkan rasa tanggungjawab di dalam diri mereka. Bak kata pepatah 'melentur buluh biar dari rebungnya'.

Selain menyediakan jadual, para ibu bapa juga boleh turut sama dalam mengikuti aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu sempena cuti persekolahan. Terdapat banyak persatuan-persatuan, badan-badan dan kumpulan-kumpulan tertentu terutamanya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan atau Majlis Perundingan Kampung, mengadakan aktiviti-aktiviti bercirikan sukan dan kekeluargaan. Oleh yang demikian adalah baik para ibu bapa bersama anak-anak mengikuti aktiviti tersebut, kerana bukan sahaja akan mengeratkan hubungan di dalam satu keluarga malahan akan mengeratkan hubungan dengan keluarga yang lain. Seterusnya hubungan di dalam masyarakat akan bertambah baik dan bersatu padu.

Ibu bapa juga boleh membawa anak-anak mereka bersiar-siar melawat tempat-tempat yang menarik seperti Pantai Muara, Tasik Merimbun, Alat Kebesaran Diraja dan banyak lagi tempat yang menarik. Anak-anak juga dibawa menziarahi nenek mereka di kampung dan tinggal untuk beberapa hari di sana bagi menolong nenek mereka membuat kerja di rumah atau dibawa pergi oleh nenek mereka ke kebun-kebun atau dusun-dusun.

Bagi anak-anak remaja pula, ibu bapa mestilah mengawasi mereka lebih ketat lagi kerana pada usia inilah para remaja terdedah bukan sahaja kepada aktiviti yang berfaedah malahan juga aktiviti yang tidak sihat lebih-lebih lagi di musim cuti persekolahan. Pada usia ini juga remaja paling mudah terpengaruh oleh kawan-kawan, internet, media massa dan filem-filem. Ibu bapa mungkin tidak dapat mengawasi anak-anak mereka sepanjang cuti persekolahan tetapi ibu bapa boleh menolong anak mereka bagaimana mengisi masa cuti mereka.

Sebagai contoh ibu bapa bukan sahaja mengawasi anak-anak remaja mereka malahan boleh menolong mereka bagaimana cara-cara mengisi cuti mereka dengan perkara-perkara yang baik seperti menolong mencari kerja sementara di kedai atau di bengkel kereta (bagi remaja yang suka membaiki kereta) sempena cuti persekolahan. Dengan cara ini juga remaja tersebut akan mendapat wang saku dan menambah pengalaman bekerja. Walaupun anak-anak remaja tersebut tidak berada bersama ibu bapa tetapi ibu bapa mengetahui bahawa anak mereka sedang bekerja dan tidak membuat perkara-perkara yang tidak berfaedah.

Dengan mendaftarkan anak-anak remaja mengikuti kursus-kursus kepakaran, perkhemahan membina jati diri atau persidangan belia, para remaja boleh mengelakkan diri daripada terlibat dengan jenayah ataupun gejala anti-sosial dan tingkah laku yang tidak baik. Katakanlah mengikuti kursus kepakaran komputer, mereka boleh menambahkan lagi ilmu dalam bidang komputer dan mengasah lagi bakat mereka dalam bidang ini daripada membuat perkara yang tidak baik semasa musim cuti.

Selain itu, jika anak-anak hendak keluar rumah bersama kawan-kawan, ibu bapa haruslah bertanya ke mana mereka, dengan siapa mereka pergi dan buat apa mereka ke tempat yang dituju. Ibu bapa mestilah menegah anak-anak jika didapati kawan mereka terdiri daripada orang-orang berkelakuan tidak baik dan tempat yang dituju adalah tempat yang sia-sia.

Adalah kewajipan ibu bapa untuk mengawasi tingkah laku anak-anak bukan saja semasa cuti persekolahan malahan setiap masa, sebab ianya satu kerugian besar bukan sahaja kepada keluarga malahan kepada negara. Anak-anak inilah akan membangun dan memajukan Negara Brunei Darussalam. Jika anak-anak berkelakuan tidak baik, tidak berdisiplin dan membuat jenayah maka hancurlah masa hadapan untuk membangun negara ini.

**Mohammad Safwan bin Haji Mohidin,**
**No. 20, Simpang 113,**
**Kampong Katimahar,**
**Jalan Tutong, BG 2721.**
**No. k/p : 00-310130**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG**

1. **'Bersopan Santun Semasa Memandu Di Jalan Raya'.** Tarikh tutup 21 Disember 2005.

2. **'Peranan Pelbagai Pihak Dalam Mempertingkatkan Daya Saing Bangsa'.** Tarikh tutup 28 Disember 2005.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

**Sidang Penyunting,**
**Minda Pembaca,**
**Unit Pelita Brunei,**
**Jabatan Penerangan,**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas,**
**Bandar Seri Begawan, BB 3510,**
**Negara Brunei Darussalam.**
**e-mel: pelita@brunet.bn**

# Perhatian, kawalan ibu bapa bantu kurangkan kes gejala sosial

MUSIM cuti sekolah sudah tiba dan kebanyakan penuntut-penuntut sekolah merasa gembira di mana mereka dapat berehat setelah berhempas pulas belajar dan mengulang kaji pelajaran mereka selama hampir satu tahun dan diakhiri dengan peperiksaan akhir tahun, PSR, PMB, O level, A level dan peperiksaan yang sebanding dengannya.

Terdapat juga ibu bapa membenarkan anak-anak mereka berjumpa dengan kawan-kawan mereka dan melakukan aktiviti-aktiviti kegemaran mereka tersendiri. Dan ada juga yang membiarkan anak-anak mereka melakukan apa saja semasa musim cuti sekolah ini.

Pada masa persekolahan, perangai atau kelakuan penuntut-penuntut adalah terhad di mana mereka selalu diawasi oleh guru-guru sekolah dan terikat dengan peraturan sekolah. Pada cuti sekolah inilah perangai mereka tidak terhad di mana apabila di rumah mereka suka membuat apa saja yang disukai kerana ibu bapa mereka keluar bekerja.

Terdapat sebilangan ibu bapa membiarkan anak-anak mereka membuat apa yang mereka suka tanpa mengawasi apa yang mereka lakukan semasa cuti persekolahan. Ada juga yang membiarkan anak-anak mereka keluar pada waktu siang dan pulang pada waktu malam tanpa bertanyakan ke mana dan apa yang dibuat oleh anak-anak mereka semasa di luar rumah.

Apabila anak-anak mereka didapati atau ditangkap oleh pihak berkuasa kerana melakukan perkara-perkara yang tidak bermoral atau yang menyalahkan undang-undang negara, para ibu bapa akan menyalahkan anak-anak mereka kerana melakukan kesalahan seperti itu.

Ibu bapa tak sepatutnya menyalahkan anak-anak mereka kerana semua ini adalah silap ibu bapa sendiri kerana mereka tidak mengambil tahu dan tidak mengawasi apa yang dibuat oleh anak-anak mereka dan dengan siapa mereka berkawan. Janganlah pula ibu bapa mengawasi dan memata-matai kelakuan anak-anak mereka dengan begitu ketat kerana anak-anak akan merasakan diri mereka dikongkong sehingga merasa tertekan dan meronta untuk meminta kebebasan.

Ibu bapa hendaklah memata-matai dan mengambil tahu akan kelakuan anak-anak mereka, apa yang mereka buat dari sehari ke sehari, dengan siapa mereka berkawan, bertanyakan ke mana mereka pergi bersama kawan-kawan mereka dan juga menasihati anak-anak agar tidak terjebak dengan kegiatan yang tidak bermoral ataupun yang menyalahi undang-undang negara.

Dengan kelalaian ibu bapa yang tidak mengambil berat atau mengambil tahu keadaan anak-anak mereka, ini akan menyebabkan anak-anak akan mudah terjebak dengan aktiviti yang kurang sihat seperti menjadi kutu rayau, menghisap rokok ketika masih di bawah umur, menghisap dadah dan sebagainya yang menyebabkan kes gejala sosial semakin bertambah-tambah di negara kita.

Oleh itu dengan adanya perhatian dan kawalan ibu bapa ke atas anak-anak mereka, akan membantu mengurangkan kes-kes gejala sosial dan aktiviti-aktiviti yang tak berfaedah. Dan janganlah terlalu mengawal pergerakan anak-anak dengan ketat dan berikanlah mereka sedikit kebebasan dengan tujuan menghindarkan anak-anak terjebak dengan aktiviti-aktiviti yang kurang sihat.

**Muhammad Rudy bin Haji Ahmed,**
**Lot 2034, No. 15,**
**Simpang 54, Jalan Perakong, Seria, KB 1733.**
**No. k/p: 00-286858**

# Tanamkan disiplin diri, cara hidup yang positif

SEJAK kebelakangan ini semakin ramai generasi muda dilanda oleh pelbagai gejala negatif seperti sumbang mahram, perlakuan liar, pergaulan bebas di kalangan remaja, penagihan dadah dan sebagainya. Oleh kerana itu menarik minat pelbagai pihak untuk memperkatakan mengenai isu tersebut, malah masing-masing menuding jari dan menyalahkan antara satu sama lain tetapi gejala negatif di kalangan remaja atau muda-mudi hari ini kian meningkat.

Kemungkinan juga perkara sedemikian terjadi kerana semakin ramai ibu bapa yang kurang memata-matai dan memberikan perhatian terhadap sikap dan pergaulan anak-anak. Dan ini bukanlah disebabkan kurang berminat untuk memeduli anak-anak tetapi mereka sentiasa sibuk dengan pelbagai urusan pejabat, perniagaan dan sebagainya yang menyebabkan mereka tidak mempunyai masa yang cukup untuk menumpukan sepenuh perhatian terhadap rumah tangga.

Oleh kerana itulah di musim cuti persekolahan ini adalah peluang bagi ibu bapa untuk meluangkan masa bersama anak-anak. Selaku ibu bapa hendaklah mengambil kesempatan ini demi merapatkan lagi hubungan antara ibu bapa dan anak-anak serta mengenali lebih dekat lagi akan perbuatan dan tingkah laku mereka.

Adalah menjadi tanda tanya dalam persoalan ini siapakah yang patut dipertanggungjawabkan? Anak ataupun ibu bapa? Apabila tingkah laku dan pergaulan anak-anak semakin tidak dapat dikawal dan perkara sebegini sering terjadi, mereka mula merasa bebas untuk melakukan apa saja asalkan mereka mendapat kepuasan. Malahan ibu bapa mula merasa bimbang bila tingkah laku tersebut terjadi dan barulah timbul kesedaran di kalangan mereka.

Ibu bapa memegang dan memainkan peranan penting dalam mencorak, mengawasi tingkah laku dan pergaulan anak-anak dari sejak mereka lahir hinggalah dewasa, akil baligh dan matang sepenuhnya. Tugas mendidik anak merupakan satu cabaran yang amat besar khususnya bagi ibu bapa apatah lagi cabaran tersebut semakin mencabar dalam era globalisasi yang serba canggih. Malahan tugas para ibu bapa semakin berat dirasakan dan memerlukan kebijaksanaan mereka untuk mengawal anak-anak di mana saja mereka berada terutama sekali di musim cuti persekolahan.

Masa kini apa yang dilihat ada sebahagian ibu bapa yang hanya 'lepas tangan' begitu saja. Untuk memenuhi hasrat anak-anak semasa cuti sekolah ini mereka dibiar lepas begitu saja dengan meninggalkan mereka di pusat membeli-belah mahupun di kedai komputer. Maka dari situlah, anak-anak muda belia mula bergaul bebas dengan rakan sebaya mereka. Dengan berbuat demikian apa yang mereka buat kita selaku ibu bapa tidak akan tahu malahan jauh dari pengawasan para ibu bapa.

Kita selaku ibu bapa mesti pandai memainkan peranan, perkara sedemikian tidak semuanya memberi impak negatif akan tetapi meluaskan pengetahuan ibu bapa dengan mengetahui dengan siapakah anak-anak bergaul? Apa yang mereka buat dan seumpamanya. Dengan bermula dari sini, pengawasan terhadap anak-anak akan lebih teratur dan jangan dilupa beri pendidikan yang sempurna sama ada dari segi jasmani, rohani dan akhlak yang mulia.

Ibu bapa disarankan agar mengajar mereka dengan kehidupan positif dengan menjadikan Al-Quran sebagai perlembagaan hidup supaya kehidupan anak-anak 'terbatas'. Mendidik dan mengasuh anak-anak hendaklah dengan ilmu dan kesabaran supaya mereka tidak mudah menjurus kepada pengabaian. Dengan pendidikan dan pengawasan yang sempurna anak-anak yang terbiar takkan mendatangkan impak yang besar bukan sahaja kepada keluarga malah masyarakat, bangsa, negara dan agama.

Untuk itu, di mana saja anak-anak kita berada mereka perlu diawasi kerana anak anugerah dan rezeki yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wataala kepada sekalian umat manusia. Bahkan mereka juga dianggap sebagai harta yang tidak ternilai harganya. Pun begitu juga dianggap sebagai 'bekal' di hari tua, setelah ibu bapa mereka meninggal dunia. Bagi anak yang kuat beriman dan salih akan mendoakan kebahagiaan kedua-duanya nanti. Justeru itu, hiasilah anak-anak kita dengan pendidikan yang seimbang dunia dan akhirat, manakala ibu bapa pula menjadi 'role model' ataupun idola kepada mereka dalam membentuk anak-anak yang bertanggungjawab dan memastikan mereka berjalan di atas landasan yang betul.

Sebagaimana firman Allah yang tafsirnya: "*Wahai orang yang beriman! Selamatkan diri kamu dan anggota kerluarga kamu daripada api Neraka.*" - (Surah At-Tahrim ayat 6). Anak-anak adalah amanah Allah kepada kita. Didikan awal kepada anak-anak amat mustahak dalam kita merencanakan masa depan hidup mereka kerana mengabaikannya berertikan merosakkan ahli masyarakat seluruhnya.

Antara panduan keibubapaan yang digariskan dalam Islam ialah ibu bapa menjadi model yang salih dengan menghayati dan mengamalkan ajaran Islam. Ibu bapa salih adalah model terbaik untuk memberi pendidikan agama kepada anak-anak. Didik dan biasakanlah anak-anak dengan tingkah laku dan kegiatan yang baik sejak kecil lagi.

Sebagai kesimpulannya demi untuk mengawasi tingkah laku anak-anak semasa cuti sekolah. Anak-anak juga perlu dilatih membuat kebajikan dan pada masa yang sama menerima ganjaran atau pujian.

Begitu juga ibu bapa memenuhi masa lapang mereka bersama anak-anak seperti mengerjakan sembahyang berjemaah, makan, membaca Al-Quran dan bersukan bersama. Melalui hubungan akrab ibu bapa dan anak akan memudahkan anak taat perintah ibu bapa kerana sudah wujud perasaan saling hormat antara satu sama lain.

Di samping itu juga ibu bapa perlu bijak membaca setiap pergerakan anak. Simbol atau isyarat tertentu boleh memberi gambaran tahap perkembangan anak. Kemahiran ini perlu dipelajari ibu bapa dari masa ke semasa. Dalam diri ibu bapa sifat sabar juga amat perlu kerana tiap-tiap anak walaupun dalam satu keluarga, mempunyai personaliti yang unik dan berbeza antara satu sama lain.

**Masazlinnah binti Haji Abdul Majid,**
**Blok HA No. 2 Simpang 135,**
**Flat Jabatan Ukur,**
**Jalan Bengkurong Masin,**
**BF 2120.**
**No. k/p : 00-126730**

**MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Awasi Tingkah Laku Anak-anak Semasa Cuti Sekolah'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak $40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:**

# Sentiasa awasi, amalkan sikap berhati-hati

MUSIM cuti sekolah penggal keempat akan bermula pada 2 Disember hingga hujung tahun. Ini bermakna anak-anak akan bercuti sekolah kira-kira sebulan lamanya. Dari itu mereka kebanyakannya akan menghabiskan masa dan waktu di rumah. Terutama kepada anak-anak yang masih kecil lagi. Kita sebagai ibu bapa harus memberi sepenuh perhatian kepada mereka dan sentiasa mengawasi tingkah laku mereka ketika berada di rumah. Kita harus mendidik mereka dengan memberi contoh dan pendidikan yang baik sewaktu mereka masih kecil lagi.

Tingkah laku mereka harus sentiasa dimata-matai dan jangan sampai melakukan perbuatan yang kurang menyenangkan dan tidak senonoh, bagi mengelakkan mereka melakukan perkara-perkara yang mendatangkan bahaya dan sebagainya.

Bagi anak-anak remaja kita juga tidak boleh memandang ringan terhadap mereka. Walaupun mereka sudah pandai menjaga diri mereka sendiri namun kita tidak boleh mengabaikan tanggungjawab kita sebagai ibu bapa. Di kesempatan cuti sekolah beginilah kita patut memberi lebih perhatian kepada mereka dan meluangkan banyak masa bersama mereka.

Dengan perhatian dan dorongan yang kita berikan sedikit sebanyak dapat mereka terima dan mereka akan merasa bahawa diri mereka dihargai dan disanjungi. Kepada mereka yang tinggal di kawasan yang berdekatan dengan jalan raya besar dan jalan-jalan yang sibuk terutama di kawasan-kawasan bandar dan sebagainya, ibu bapa harus mengetatkan lagi kawalan terhadap anak-anak mereka terutama kepada anak-anak mereka yang tinggal di bawah jagaan pembantu rumah.

Pembantu rumah harus diberikan penerangan agar anak-anak mereka jangan dibiarkan berkeliaran dan bermain-main di tepi-tepi jalan raya, di tepi-tepi kolam, longkang dan sebagainya. Kebanyakan di tempat-tempat inilah akan berlakunya kemalangan, keburukan atau musibah.

Kita sering mendengar berita buruk yang sering berlaku di kalangan anak-anak muda sekarang seperti ada yang lemas di sungai, kemalangan kereta dan sebagainya. Kita juga harus sentiasa mengamalkan sikap berhati-hati dan berwaspada selalu, agar tidak berlakunya kemalangan, kecuaian dan sebagainya. Adalah lebih elok jika kita mengadakan aktiviti-aktiviti yang berfedah semasa cuti sekolah khas untuk anak-anak kita demi mengisi masa lapang mereka. Contohnya kita membeli buku-buku bacaan yang menarik buat mereka, menyediakan kertas warna, permainan dalaman seperti congkak dan sebagainya.

Di samping itu juga, pada masa yang sama kita dapat mengawasi tingkah laku mereka dan membimbing mereka agar mereka sentiasa mengamalkan sifat bersopan santun dan berbudi bahasa.

**Hajah Hayati binti Haji Hidup,**
**No. 13, Kampong Jaya Bakti, Jalan Surapit,**
**Perpindahan Berakas,**
**BB 3113.**
**No. k/p : 00-128883**

REMAJA

# MENGANGKAT DAYA FIKIR

OLEH H. A. MANAP

BEBERAPA minggu saja lagi kita akan meninggalkan tahun 2005, kita akan melangkah ke tahun 2006, jelasnya tahun yang akan mendatang sudah pasti akan membawa pelbagai perubahan. Keadaan yang akan berlaku seiring dengan perkembangan keadaan di sekeliling kita yang semakin rancak mengorak langkah perubahan. Justeru kita akan melihat perubahan demi perubahan akan sentiasa bergerak dan kita juga akan menyaksikan persaingan di pelbagai bidang sebagai mengangkat kualiti perubahan yang dilakukan. Dalam hubungan ini, kita akan terlibat secara langsung sebagai pemain kepada perubahan sedemikian. Kita tidak boleh tertinggal dengan kerancakan suasana yang akan terus berlaku. Kerana jika ini berlaku kita bukan sahaja akan terpinggir dengan dunia perubahan, malahan juga kita akan menjadi anggota yang pasif.

Memandangkan kepada laluan yang akan kita tempuh merupakan pelantar perubahan, maka kita perlu kepada persiapan yang mencukupi. Kita perlu bersiap dengan menambahkan ilmu pengetahuan, di samping memperdalami hingga ke tahap yang membolehkan kita menjadi pesaing yang mempunyai kekuatan. Keupayaan kita untuk berfikir secara lebih konstruktif dan kreatif juga merupakan elemen penting dalam mengangkat keupayaan diri di tengah-tengah pergolakan yang berlaku. Inilah yang dinamakan perubahan yang menuntut kemahiran, kecekapan dan ketinggian pengetahuan. Kita perlu berusaha gigih dengan mengangkat kekuatan daya fikir kita.

Tunjang kepada kemampuan berubah ialah bagaimana kita menggerakkan daya fikir kita ke satu tahap yang boleh membantu kita menjadi pesaing yang hebat dan berupaya tinggi. Persaingan yang dimaksudkan tidak dapat tidak akan menuntut pelbagai keperluan. Namun keperluan yang sudah pasti menjadi hal utama ialah sejauh mana kita mempunyai kualiti diri yang bersendikan ketinggian ilmu pengetahuan. Inilah sepatutnya yang menjadi pengukur kepada kemampuan kita bersaing. Dalam banyak hal pun kita tidak boleh lari dari hakikat bahawa kemahiran diri mestilah bertunjangkan kepada ketinggian ilmu pengetahuan yang dimiliki. Sebagai anggota masyarakat yang akan lahir sebagai pesaing yang hebat dan mempunyai kualiti yang tinggi, kita akan menjadi penggerak kemajuan dan perubahan sosial.

Inilah ruang yang membuka jalan di mana setiap kemajuan dan perkembangan semasa, kita tetap menjadi pemain dan juga pelaksananya. Justeru tahun-tahun mendatang yang akan kita lalui, meskipun bentuk dan keadaannya akan lebih merupakan perubahan yang berdaya saing tinggi, ini tidak akan menjadi halangan bagi kita untuk turut serta. Persiapan yang akan kita gemblengkan ialah kita menjadi penggerak dan pelaksana perubahan sedemikian. Bila ini akan kita tuju, kita perlu merubah matlamat diri dengan lebih menumpukan kepada sikap dan cara kita untuk berdepan dengan perubahan.

Sememangnya perubahan akan lebih menjurus kepada kebendaan semata, namun sebagai hamba Allah yang hidup di muka bumi kita jangan melupakan kewajipan kita sebagai hamba Allah dan apa yang patut kita tunaikan. Kerana dengan hanya berbekalkan ilmu, kemahiran dan pengetahuan semata, ia tidak banyak menyumbang kepada perubahan yang lebih berkesan dan bererti. Kerana itu sekuat dan sederas manapun perubahan di hadapan kita, jika kita masih berutapkan iman dan takwa, maka ia akan lebih banyak membantu mencapai kejayaan yang lebih berkesan dan bermakna. Kerana itu jangan kita ketepikan agama, sambil kita melangkah bersama arus perubahan yang bergolak di depan kita. Pegangan terhadap ajaran-ajaran agama itulah yang akan mengindahkan lagi perubahan dan kemampuan kita menyumbangkan kualiti perubahan.

Inilah juga yang menjadi ramuan atau elemen penting dalam mengangkat daya fikir yang lebih konstruktif dan berdaya saing. Justeru hal sedemikian ini juga menjadi kompas yang memandu perubahan ke arah yang lebih bermakna dan mendatangkan kesan yang sangat mendalam dalam mewujudkan perubahan semasa. Biar apa pun perubahan dan elemen kualiti yang ingin diwujudkan, kekuatan diri yang bersendikan ajaran dan pegangan agama yang teguh akan membentuk kualiti yang lebih bernilai tinggi. Kemampuan berdaya saing juga akan lebih terserlah dan terjaga dari perkara dan elemen-elemen yang merosak perubahan yang dilalui.

Justeru, mengangkat daya fikir dengan kekuatan ilmu pengetahuan, kemahiran diri dan kekuatan pegangan agama akan menjadikan kita lebih kuat dan berpengaruh dalam mewujudkan perubahan sekeliling yang lebih bermakna.

# Lebih 100 pegawai, kakitangan Jabatan Daerah Tutong sertai Majlis Khatam Al-Quran

OLEH SAMLE HAJI JAIT
samle.jait@information.gov.bn

TUTONG, Selasa, 29 November. - Pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Tutong yang mengamalkan pembacaan Al-Quran sebelum memulakan pekerjaan mengadakan Majlis Khatam Al-Quran di kediaman rasmi Pegawai Daerah Tutong, di sini.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Mutalib mengepalai bacaan Al-Faatihah dan seterusnya memulakan pembacaan surah-surah lazim bagi memulakan majlis.

Lebih 100 pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan menyertai Majlis Khatam yang juga dihadiri oleh Penghulu-penghulu, Ketua-ketua Kampung dan Ketua-ketua Rumah Panjang di daerah berkenaan.

Majlis diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban oleh ahli-ahli Badan Kebajikan Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung, manakala bacaan Doa Khatam dan Doa Selamat telah dibacakan oleh Ketua Kampong Keriam, Awang Haji Morsidi bin Haji Mahdi.

Pegawai Pentadbir Jabatan Daerah Tutong, Mohd. Rizal bin Haji Zainal Abidin berkata, majlis berkenaan diharap akan dapat menyatupadukan para pegawai dan kakitangan pada mengendalikan majlis keagamaan, di samping mengukuhkan disiplin dan rohani mereka.

Beliau berharap, amalan membaca Al-Quran sebelum memulakan pekerjaan akan diteruskan sehingga dijadikan amalan bagi setiap pegawai dan kakitangan di Jabatan Perkhidmatan Awam di negara ini.



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Abdul Mutalib (tiga dari kanan) mengetuai bacaan Al-Faatihah semasa majlis berkenaan. – Gambar oleh Haji Ariffin Mohd. Noor.

# ALAI PINTAR

*PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan,*
*diberikan percuma kepada rakyat;*
*rajin membaca luas pengetahuan,*
*Alai jawablah soalan tercatat.*

***SYARAT PERADUAN***

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

***HADIAH-HADIAH MENARIK***

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

***TARIKH TUTUP***

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 30 November 2005

Bangunan Jabatan Hal Ehwal Masjid, Jalan Sumbiling, Bandar Seri Begawan.



***BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 701***

Nama : ..........................................................................
..........................................................................
..........................................................................
Umur : ..........................................................................
Alamat : ..........................................................................
..........................................................................
..........................................................................
Telefon rumah (jika ada) : ..........................................................................
Sekolah : ..........................................................................
..........................................................................

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 701,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

**SOALAN ALAI PINTAR 701**

1. Apakah nama bangunan ini? ..........................................................................
2. Di manakah letaknya? ..........................................................................

**Pemenang soalan Alai Pintar keluaran 30 November 2005**

Fatin Haziqah binti Haji Nor Amin,
Sekolah Rendah Sengkurong.
Umur : 12 tahun

## WANG BAYARAN CENGKERAM PENYAMBUNGAN AIR SEMENTARA (P.W.D. WATER SUPPLY DEPOSIT) YANG BELUM DITUNTUT BAGI TAHUN 2000

DENGAN hormatnya sukacita dimaklumkan bahawa Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam masih menyimpan Wang Bayaran Cengkeram Penyambungan Air Sementara ( P.W.D. Water Supply Deposit) yang belum dituntut bagi tahun 2000 seperti senarai nama-nama orang Perseorangan dan Syarikat-syarikat.

Oleh yang demikian, bagi mereka yang berhajat menuntut balik bayaran cengkeram tersebut hendaklah dibuat dalam jangka dua (2) bulan dari tarikh pemberitahuan ini. Bayaran balik hanya akan dibuat kepada mereka yang berhak menerima bayaran tersebut dengan menghadapkan resit asal kepada Unit Hasil, Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya, pada waktu pejabat di buka. Mana-mana wang cengkeram yang masih tidak dituntut selepas tempuh yang telah ditetapkan akan dipindah milik ke Hasil Rampaian Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Berikut disenaraikan nama-nama orang Perseorangan dan Syarikat-syarikat, nombor resit, tarikh dan jumlah wang cengkeram berkenaan yang tidak dituntut:-

### BAYARAN WANG CENGKERAM PEMASANGAN AIR SEMENTARA JABATAN KERJA RAYA BAGI TAHUN 2000

Tenang sedikit perasaan Junas. Tapi dia benar-benar belum yakin bahawa kawannya itu mempercayai kata-katanya. Walaupun dia bukan orang Islam tapi dia juga tau berbohong itu adalah satu dosa. Malah hukum halal haram pun dia tau, kerana dia banyak bergaul dengan orang-orang Islam.

Hutan adalah lebih separuh menjadi teman hidupnya, walau setebal mana pun hutan yang diredahnya tidak akan dapat mempengaruhi dirinya. Junas merasa gelisah dia tidak dapat tidur malam itu. Suasana hutan seperti biasa didengarnya, bunyi birik-birik dan sesekali bunyi katak yang tentunya memanggil hujan. Betulkah katak berbunyi untuk memanggil hujan!

Junas menyandar di sepohon kayu sambil melemparkan pandangannya jauh ke awan yang bertompok hitam sambil berarak lalu. Dia mencari-cari di mana bulan bersembunyi kerana dia ingin berdialog untuk memburaikan kekusutan hatinya yang semakin bergelora. Tapi bulan seolah-olah menyembunyikan diri. Bintang-bintang yang selalunya bertaburan juga tidak kelihatan.




**AZMAN merasa heran mengapa Junas berkelakuan begitu dan menyangka Junas pasti akan mati dipatuk ular yang bisa itu. Kerana melalui pengalaman tidak ada yang terlepas dari maut apabila dipatuk ular begitu. Sebelum ajal memang berpantang maut. Junas masih bernafas dan atas peristiwa itu dia juga mengambil iktibar sambil membuat keputusan yang memeranjatkan.**

**"Asyhadualla ilahaillallah ... Waasyhaduanna Muhammadar Rasulullah ..."**

Junas sudah lali dengan hutan. Hidupnya juga banyak dihabiskan dalam hutan. Hutan juga adalah sebagai pakaian hidupnya. Tapi apa nak dikesalkan tugas sebagai Polis Hutan memang tempatnya di hutan. Tiba-tiba malam yang kelam itu bertukar menjadi cerah seakan mentari sedang meniti senja. Sekali lagi Junas olah-olah berada di alam fantasi. Dia nampak garis-garis pelangi melengkung dari langit menjunam ke bumi.

Junas tambah bingung. Apa yang dia tau pelangi cuma timbul di siang hari di kala hujan gerimis. Tapi sekarang tengah malam bagaimana pula ada pelangi. Daun-daun hijau yang rimbun begitu rela dan hormat memberi laluan pada pelangi itu untuk mencecah bumi.

Macam sebuah filem mistik tiba-tiba saja muncul seorang lelaki berjubah putih turun dari garisan pelangi itu dan duduk betul-betul di hadapannya. Lelaki itu tidak berkata apa-apa cuma tunduk dan mendiamkan diri. Junas melihat wajah lelaki itu amat tenang sekali. Junas ingin tau siapakah lelaki itu, tapi lidahnya kelu dan mulutnya bagai disumbat. Junas benar-benar seperti orang mati.

"Kau siapa ..?" kata hati Junas.

"Aku Malaikat!" hati mereka masing-masing berbicara.

Junas pula yang tidak percaya dengan pengakuan lelaki berjubah putih itu. Bagaimana pula dia yang bukan siapa-siapa untuk melihat Malaikat, sedangkan dalam pengetahuannya Malaikat tidak boleh dilihat oleh orang kasar seperti dia.

"Aku tak percaya. Kau bohong!"

"Aku tidak bercakap bohong, aku datang untuk menjemput kamu!"

"Tidak, aku belum mau mati. Aku mau masuk Islam!"

"Kau tidak boleh mengelaknya, sekarang kau bersedia!" lelaki itu mengakhiri kata-katanya.

"Allahhh!" Junas menjerit sekuat-kuat hatinya.

Suaranya bergema memenuhi ruang hutan yang tebal malam itu. Kawannya Azman yang berkawad terperanjat dan langsung mendekati Junas. Junas mengerang kesakitan kerana tangan kanannya dipatuk ular sawa. Azman cuba menembak ular itu tapi tidak sempat.

"Jangan bunuh ular itu!" Junas sempat melarang Azman supaya ular itu jangan diapa-apakan.

Azman merasa hairan mengapa Junas berkelakuan begitu dan menyangka Junas pasti akan mati dipatuk ular yang bisa itu. Kerana melalui pengelaman tidak ada yang terlepas dari maut apabila dipatuk ular begitu. Sebelum ajal memang berpantang maut. Junas masih bernafas dan atas peristiwa itu dia juga mengambil iktibar sambil membuat keputusan yang memeranjatkan.

"Asyhadualla ilahaillallah Waasyhaduanna Muhammadar Rasulullah."

Seram sejuk terasa seluruh tubuhnya ketika lafaz itu diungkapkannya. Darah keislamannya benar-benar meresap keseluruh anggotanya. Bagaikan darahnya baru dibersihkan. Dengan lafaz itu juga dia telah menjadi seorang Muslim. Islam sejati bukan Islam pujukan, juga bukan Islam paksaan.

Hendak dikatakan mengejar harta dia tidak mempunyai sifat tamak. Di sekeliling rumahnya terhampar luas berpuluh hektar tanah miliknya. Kalau dia mau bila-bila saja akan tumbuh beberapa pohon kondominium. Pejam celik tiap bulan terima wang dan dia akan sering ke bank simpan duit. Tapi semua itu tidak bererti jika hidup tanpa pegangan dan pedoman.

Hidupnya memang bahagia bersama isteri dan anak-anaknya. Tambahan pula anak-anak mereka punya kedudukan yang boleh dikatakan baik. Tapi bahagia saja jika tidak ada ketenangan belum cukup untuk mencapai kehidupan yang sebenarnya. Malah hidupnya kian hari semakin kosong dirasakannya. Selama ini dia seolah-olah sesat dalam cahaya.

Sebelum ini dia tidak pernah merasakan hidup yang tenteram. Kegelisahan dan kebimbangan serta ketakutan sering mengisikan kekosongan yang dia sendiri tidak tau apa yang kosong dalam dirinya dan tidak ada satu pun yang boleh dibanggakan.

Sejak Junas memeluk agama Islam walaupun pada saat penghujung umurnya sekarang hampir 60 tahun, namun dia amat bersyukur kerana apa yang dicarinya selama ini telah pun ditemuinya. Kadang-kadang dia merasakan dirinya terlalu bodoh, mengapa dia tidak menjadi seorang Muslim 55 tahun dulu!

Itulah Junas bin Labong. Tapi sekarang sudah bertukar nama menjadi Muhammad Junaidi bin Abdullah Labong. Dia cukup bangga dengan nama itu. Apa tidaknya nama itu adalah satu-satunya nama yang tercatat sebagai seorang Muslim. Dan tentunya nama itu juga akan dipanggil di hadapan Allah nanti.

Muhammad Junaidi (Junas) bangga dan bersyukur bahawa perjalanan hidupnya sekarang tidak lagi segelap dulu. Dia sudah nampak cahaya yang menjanjikan kebahagiaan dan kesempurnaan serta ketenangan dalam hidupnya sekeluarga. Dan dia akan meneruskan lagi perjalanan untuk menuju sebuah negeri yang aman damai dan kekal abadi. Insya-Allah ...

**JUNAS menyandar di sepohon kayu sambil melemparkan pandanganya jauh ke awan yang bertompok hitam sambil berarak lalu. Dia mencari-cari di mana bulan bersembunyi kerana dia ingin berdialog untuk memburaikan kekusutan hatinya yang semakin bergelora. Tapi bulan seolah-olah menyembunyikan diri. Bintang-bintang yang selalunya bertaburan juga tidak kelihatan.**

# *Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...*

## *KAU IBUKU*

*Kutenung jauh di matamu*
*tergambar kedukaan dan kehampaan*
*kurenung wajah lesumu*
*terukir kegelisahan*
*kubelai rambut yang kian gugur*
*tercermin kasih sayangmu.*

*Kau risau*
*kau gundah*
*kau takut siapa mengerti...*
*siapa yang akan tahu...?*

*Cuma insan kerdil ini yang tahu*
*kerana kau ibuku*
*walauku bukan anak kandungmu*
*namun kasih sayang, belaian manja*
*dan perhatianmu*
*telah wujud sejak merah tapak tanganku.*

*Usah kau ragu dan takut*
*kau takkan keseorangan di dunia*
*selagi nyawaku dikandung badan*
*hidup dan kejayaanku ini untukmu.*

## *DUNIA*

*Dunia*
*kau kian berubah*
*ceria menjadi murung*
*suka menjadi duka*
*terang menjadi gelap*
*aman bertukar huru-hara.*

*Dunia yang cantik*
*tak lagi indah untuk dinikmati*
*kemusnahan berulang-ulang*
*udara dihujani debu nuklear*
*air lautan tercemar luas.*

*Di atas langit*
*diliputi asap nuklear*
*dunia kian gelap*
*tiada lagi kedamaian dan keindahan.*

## *INDAHNYA BINTANG*

*Bintang sering bersama bulan*
*namun cahaya bintang lebih indah*
*walau kecil bentuk badanmu*
*bintang-bintang bersepah di langit sana.*

*Sinaranmu menceriakan malam*
*terukir senyuman tika mata menikmatimu*
*cahayamu yang berkelip-kelip*
*menyentuh hati yang sepi*
*walau di mana kuberada*
*kau tetap ada bersama.*

*Bintang-bintang*
*tika hari berganti siang*
*kau hilang dari pandangan*
*walau untuk seketika*
*kurindui dirimu.*

**SuRra**

## *SAWAH DAN PADI*

*Sungguhpun batangmu lembut*
*bijimu masih keras*
*pada tanah becak*
*nasimu belum masak*
*tapi bila disemai*
*baktimu memuncak gunung.*

*Kini ...*
*tanahmu makin merkah*
*kering tak laku lagi*
*kau kian dilupakan*
*tanahmu mati ...*
*insan tak mengerti lagi*
*di tanah yang berjasa*
*hingga insan dewasa*
*akibat arus zaman ...*

*Insan sekarang*
*tak ikut jejak*
*mewarisi langkah pak tani*
*tapi insan suka ikut hati*
*ikut arus zaman ...*

*Sawah kini tinggal lalang*
*tanah kering ...*
*pak tani yang meniti tua mampu tersenyum*
*sawah dan padi tinggal kenangan ...*

## *TANGIS DALAM DIAM*

*Kini ...*
*dia menyendiri dan menyepi*
*sembunyi sebalik tabir*
*duduk tunduk tanpa kopiah*
*duduk menghadap Kitabullah*
*duduk dalam tangis tanpa sendu*
*di ruang yang sunyi.*

*Kini ...*
*cuba menghadiri*
*... menginsafi ...*
*... menyesali ...*
*rambut tampak putih*
*meniti usia ... dekat alam kematian*
*semakin tua ... tua*
*akan semakin nyanyuk ... nyanyuk*

*Dulu ...*
*Kitabullah ditutup rapat*
*tak disentuh*
*hukum tak endahkan*
*masjid dilintasi*
*semua hanya bagai bayangan*
*semua hanya bagai wayang kulit.*

*Dulu ...*
*wang penuh keliling pinggang*
*Alif ... Ba ... Ta ... tak diendahkan*
*akhirat diketepikan*
*dunia dikejar.*

*Kini ...*
*kau menyedari*
*kau menginsafi*
*kau menyesali*
*semua sudah berlalu*
*usia tua takkan jadi muda*
*lidah dah keras dengan Alif ... Ba ... Ta ...*
*kini menangis tanpa sendu*
*kau cuba bertekad*
*mendekati-Nya.*

**As. Sam 2005**

## *BERPALING TADAH*

*Dahulu kita teman yang rapat*
*ke mana pergi sama melangkah*
*soal duit tidak berkira*
*tiada garis sempadan rahsia*
*sama berkongsi suka dan duka*
*kita adalah sahabat*
*onak ranjau, gunung lurah, sama-sama kita meredah ...*

*Kemesraan kita menjadi benteng kekuatan*
*menongkah arus pelbagai ragam dunia dan manusia*
*kita bersatu menentang penyelewengan*
*juga berjanji membasmi segala kemungkaran*
*sayang sekali*
*matamu telah dikelabui budi palsu lawan*
*manisnya hasutan terus engkau telan*
*tambahan lagi aku keras menegur kesilapan*
*runtuhlah semua kenangan*
*yang ada di hatimu hanyalah kebencian ...*

*Sebelum itu kita sebuah gabungan*
*kini, masing-masing membawa haluan*
*seteru kita terbahak-bahak ketawa*
*kita telah tersungkur akibat kebodohan*
*ingatlah, renungi sejarah dunia*
*berapa banyak kuasa besar musnah*
*apabila pihak dalaman berpaling tadah*
*manusia bercakaran*
*musuh mudah merujuh.*

## *DUNIA KOTAK BERDURI*

*Situasi yang tegang lagi cemas*
*tenaga manusia seluruh peringkat usia dan jantina*
*dikerah menjadi tentera*
*secara paksa*
*atau diseksa*
*sanak saudara menjadi galang ganti ancaman dan ugutan*
*menangis hiba anak-anak bangsa*
*apabila kekejaman berleluasa*
*merampas kuasa*
*tanpa hati perut*
*nafsu tamak, kedegilan dan kebiadapan diturut*
*bangga digelar pengganas*
*dunia mengutuk dan marah.*

*Hidup di kancah peperangan*
*ibarat berada di dalam kotak sempit berduri*
*bagi mereka yang hendak melarikan diri*
*terfikir hendak ke mana, bagaimana, bila dan kepada siapa?*
*dunia mereka dilingkari pagar-pagar besi*
*peluru bersimpang-siur buta tidak bermata*
*terus bersembunyi*
*ketakutan dan dendam kesumat memenuhi hati*
*ke manakah hilangnya kemanusiaan yang suci?*
*dunia juga sukar untuk membantu dan memasuki*
*dunia kotak berduri ...*

## *MATA*

*Dengan sepasang mata yang melengkapkan pancaindera*
*diri memandang alam sebagai gelanggang tak bertepi*
*mata, tangga naik turun akal yang menyalur ke hati*
*dari pandangan, budi bicara tercerna*
*mata mencari sesuatu yang jelas mahupun samar tersembunyi*
*tajam penglihatan menjana otak berfikir ke hadapan.*

*Mata senjata tajam*
*rakus menderhaka menikam*
*jika mata hati masih terkatup mengakui kebenaran*
*bersungguh-sungguh menegakkan benangyang basah*
*bukan sahaja senjata yang kemas digenggam berani makan tuan*
*seluruh alam melaknat mereka yang gemar bersengketa*
*apa silapnya dengan mata mereka?*

*Mata pena yang senyap bercerita*
*tetap mampu menggegarkan dunia*
*perbalahan kerana fitnah besar kemungkinan berlaku*
*kerana sebaran dakyah hasil nukilan pena*
*akibat garapan akal busuk yang gemar mereka-reka cerita*
*sebagai penyedap halwa telinga.*

*Semua mata dipandu pandangan mata hati*
*jernih murni dengan iman gemarkan damai permai*
*kotor, hitam akan menimbulkan kemurkaan.*

**Hamid 9k**

## *SALAM KANDILA*

*Salam sirna terhakis waktu*
*tiada tahu kenapa waktu makin alpa*
*bagaimana ke mana lupa atau*
*hilang karang!*

*Kehanyutan ke sana bugar patah sayap*
*bulat bergerak jatuh berpulas*
*bagai tiada nadi pencairkan darah*
*darah itu memang merah*
*merah itu benar!*

*Kenapa salah tiada jejak membayang*
*sakit lupa tanya tanpa daratan*
*membalik hari tenggelam kenang*
*babau habis membisik debu*
*lara tercuka menghiris daging*
*tak ingin dibahasakan*
*salam kandila*
*terkikis musim!*

## *APA KHABARNYA KITA*

*Hari ini aku berlala mencari lega*
*masa patut dipatahkan*
*bagai arang menanti retaknya*
*yang berasal kesatuan teguh*
*akan malar segala ...*

*Dan memutuskan dari dunia Astera*
*pada masing-masing cari kuasa*
*megah atas nama,*
*mengalatkan ahli*
*terlepas subangnya!*

*Mohon digalati paling bahagia*
*pada ahli sejahtera lambat sentuhan*
*berkata padanya: Buat apa fikirkan mereka*
*merosakkan title dan jatuh nama.*

*Pemimpin itu dengan membawa kemudinya*
*biarkan Astera bertempiaran*
*sungguh tak terasuh*
*hilang maju tinggal gigit jari*
*hilang khabar bila manisnya terhidu*
*pada ahli harap-harapkan bangun mahligai*
*apakah putus bebas dari dunia?*

## *GENTING HIGHLAND*

*Tak juga luput mendaki pusing-pusingnya*
*tambangan kial-kial belok puncak*
*jika kiranya putus enjin*
*menanggung khabar*
*duka lara!*

*Tidak doa Allah sebakul penuh mengangkat*
*hajat ke puncak kerana-Nya terbela*
*kalau pun takdir nafas terhenti*
*tiada mungkin saja di sana*
*terkirakan hanya makna*
*melihat apa erti*
*yang terpendam*
*di libuk*
*hati!*

*Khabar dari jauh ada permainan terpamer*
*berbagai macam yang tiada dikenal*
*mainan anak-anak lumba-lumbaan*
*kejar-kejaran bersimbah*
*kesejukan salji*
*freezer besar*
*di tengah*
*building!*

*Tiada juga, tapi datang mendaki harap*
*bersama rombongan comel cucu*
*yang baru menengok*
*alam baru*
*dikajinya*
*ilmu*
*kembara!*

*Ada orang buat kagum berbagai tajuk nama*
*tentang mendaki puncak di atasnya*
*khabarnya permainan besar*
*boleh menahan beribu*
*ratus ribu pun ada*
*permainan VIP*
*menarik*
*wang saku!*

*Bangunan atas angin tak semana-mana jadi khayal*
*banyak lupa diri daratan besar*
*kabur keyakinan membalik*
*ke sana dan ke sini*
*turun ke lembah*
*kenangan*
*melekat*
*jadi bara!*

*Betullah itu hanya dunia khayalan tak abadi menahan*
*lekas dilupakan titik di daun keladi*
*mengalir hingga jadi kering*
*tak setahunya kita pun*
*turun ke lembah*
*meninggalkan*
*kabus gurun*
*hutan pala*
*di atas*
*itu!*

**Adi Misere**

سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

# سوسونن رنچاغن تيليبيشن

# susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

## RABU 14 DISEMBER

**PAGI**

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02 TILAWAH AL-QURAN
6.15 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 RANCANGAN HARI INI
10.02 TELENOVELA- *'Betty La Fea (Betty The Ugly One)'*
10.50 LIZZIE MCGUIRE
11.20 LIPUTAN SEMASA - Ulangan
11.35 DRIVE
12.00 SIARAN TAMAT

**PETANG**

4.00 LAGU KEBANGSAAN
4.02 TILAWAH AL-QURAN
4.15 RANCANGAN HARI INI
4.20 SHAPIES/ PRINCESS STARLA AND THE JEWEL RIDERS
5.05 FAR FETCHED - *'The Thing People Do'*
5.30 DRAMA - *'Impian'*
5.45 BERITA
6.10 AZAN MAGHRIB
6.45 SINAR

**MALAM**

7.00 LIPUTAN SEMASA
7.25 AZAN ISYAK
7.30 MUZIK 05
8.00 BERITA NASIONAL
8.50 DRAMA - *'Misteri Rumah Sewa'* - Siri Baru
9.30 DI BRUNEI
10.00 NEWS AT 10
10.30 SUKAN ANTARABANGSA
11.00 COSBY SHOW
11.30 DARK ANGEL
12.45 DOA DAN SIARAN TAMAT

## KHAMIS 15 DISEMBER

**PAGI**

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02 TILAWAH AL-QURAN
6.15 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 RANCANGAN HARI INI
10.02 TELENOVELA- *'Betty La Fea (Betty The Ugly One)'*
10.50 LIZZIE MCGUIRE
11.15 LIPUTAN SEMASA - Ulangan
11.35 MASAK APA
12.00 FAMILY DRAMA - *'Matahariku'*
12.17 AZAN ZUHUR

**PETANG**

1.00 EXTREME CONTACT
1.30 JUST FOR VARIETY
2.30 TEATER ASIA: PHILIPPINES MOVIE - *'Kahit Isang Sanggit'*
3.39 AZAN ASAR
4.20 ANIMATION HOUR: *Sleeping Beauty/ Teletubies SR. 2*
5.05 THE GAME PLAN
5.30 AROUND THE WORLD IN EIGHTY DAYS
5.45 BERITA
6.11 AZAN MAGHRIB
6.45 FIQHUL MIRATS

**MALAM**

7.00 SURAH-SURAH PILIHAN
7.26 AZAN ISYAK
7.30 WARTA ISLAM
8.00 BERITA NASIONAL
8.50 AN NUUR - Siaran Langsung
10.00 NEWS AT 10
10.30 DRAMA: *'Padamu Aku Bersimpuh'*
11.00 WAYANG PILIHAN - *'Big Reef'*
12.30 DOA DAN SIARAN TAMAT

## JUMAAT 16 DISEMBER

**PAGI**

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02 TILAWAH AL-QURAN
6.15 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 RANCANGAN HARI INI
10.02 PLAY WITH SESAME
10.25 JOHAN, THE YOUNG SCIENTIST
10.50 THE GENIE FROM DOWN UNDER
11.15 SELULU
11.30 BERITA
11.45 BEAUTY SECRETS FROM THE EAST - Siri Baru
12.15 ART ATTACK
12.30 SEMBAHYANG FARDU JUMAAT - Siaran langsung

**PETANG**

1.30 VISI SUCI
2.00 TETAMU SUKAN - Siaran Langsung
2.30 DIARI KEHIDUPAN - Ulangan
3.00 TAYANGAN GAMBAR HINDI - *'Gair'*
3.39 AZAN ASAR
3.43 TAYANGAN GAMBAR HINDI - Sambungan
5.45 BERITA
5.55 SYIAR MASJID
6.11 AZAN MAGHRIB
6.45 CEBISAN ILMU

**MALAM**

7.00 LIPUTAN SEMASA
7.26 AZAN ISYAK
7.30 SEIMBAS - Ulangan
8.00 BERITA NASIONAL
9.00 TABIR SR. 1 - Ulangan
9.30 GLOBAL ALERT
10.00 NEWS AT 10
10.40 KHUTBAH JUMAAT
10.55 TELEDRAMA - *'Hari Jadi'*
12.25 DOA DAN SIARAN TAMAT

## SABTU 17 DISEMBER

**PAGI**

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02 TILAWAH AL-QURAN
6.15 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 RANCANGAN HARI INI
10.05 DRAGON TALES/ THE LOST WORLD
10.50 STRANGE BUT TRUE
11.20 DRAMA CO. PROD - *'Kembang Semusim'* - Ulangan
11.30 BERITA
12.00 DOKUMENTARI - MENARA IMPIAN - *'Bidang Kejururawatan'* - Ulangan
12.18 AZAN ZUHUR

**PETANG**

12.45 PANGGUNG PETANG SABTU - *'Frankenstien And Me'*
2.15 DRIVE
2.45 KAMPUNG KITA - Ulangan
3.15 GILMORE GIRLS
3.40 AZAN ASAR
4.15 THE MOST EXTREME 2
5.00 KIDS HOUR - *'Teddy Bears/Malcolm In The Middle'*
5.45 BERITA
5.55 MESOPOTAMIA
6.12 AZAN MAGHRIB
6.45 PEDOMAN AKIDAH

**MALAM**

7.00 DUNIA ASIA
7.26 AZAN ISYAK
7.30 INNOV 8
8.00 BERITA NASIONAL
8.50 HIBURAN HUJUNG MINGGU
10.00 NEWS AT 10
10.30 TAYANGAN GAMBAR - *'The Story of Us'*
12.00 FAWLTY TOWER SR. 2
12.30 DOA DAN SIARAN TAMAT

## AHAD 18 DISEMBER

**PAGI**

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02 TILAWAH AL-QURAN
6.15 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 RANCANGAN HARI INI
10.05 ANIMATION HOUR - *'Magic School Bus'*
10.30 NOAH & SASKIA - Siri Baru
11.00 PIMPING SR. 2
11.15 SUNDAY MATINEE - *'Gay Puree'*
11.30 BERITA
11.45 SUNDAY MATINEE - Sambungan
12.18 AZAN ZUHUR

**PETANG**

1.15 ENGLISH PREMIER LEAGUE 2005/ 2006 - PREVIEW
1.45 ENGLISH PREMIER LEAGUE 2005/ 2006 - HIGHLIGHT
2.40 JUARA - Siaran Langsung
3.15 JUST KIDDING
3.40 AZAN ASAR
4.20 PHUA CHU KANG
4.45 KAUNSELING MASYARAKAT
5.15 PENGAJARAN DARI AL-QURAN
5.40 THE LEGEND OF DRAGON
5.45 BERITA
6.12 AZAN MAGHRIB
6.28 WILDLIFE DIARY

**MALAM**

7.00 ROBOCON
7.27 AZAN ISYAK
8.00 BERITA NASIONAL
8.50 ABU EXCHANGE PROGRAMME - *'Tsunami'*
9.25 TIRAI KELUARGA - *'Lanchang Kuning'*
10.00 NEWS AT 10
10.30 TIRAI KELUARGA - Sambungan
11.10 NYPD BLUE
12.20 DOA DAN SIARAN TAMAT

## ISNIN 19 DISEMBER

**PAGI**

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02 TILAWAH AL-QURAN
6.15 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 RANCANGAN HARI INI
10.05 TELENOVELA- *'Betty La Fea (Betty The Ugly One)'*
10.50 LIZZIE MCGUIRE
11.15 WANITA HARI INI
11.40 BODY AND SOUL
12.00 SIARAN TAMAT

**PETANG**

4.00 LAGU KEBANGSAAN
4.02 TILAWAH AL-QURAN
4.15 RANCANGAN HARI INI
4.20 ANIMATION - *'Silver Brumby/Chuckle Wood Critters'*
5.15 TOTALLY HIDDEN VIDEO Yr. 3
5.45 BERITA
5.55 THE BIG CAT DIARY SR. 1
6.13 AZAN MAGHRIB
6.45 BIMBINGAN KELUARGA

**MALAM**

7.00 LIPUTAN SEMASA
7.28 AZAN ISYAK
7.35 KENANGAN SEMASA DULU SR. 1
8.00 BERITA NASIONAL
8.50 DRAMA CO. PROD - *'Menanak Hati Menggulai Jiwa'*
9.30 EXPATRIATE
10.00 NEWS AT 10
10.30 LIGA PERDANA MALAYSIA 2005/2006 - *'Brunei DPMM FC Lwn Pulau Pinang'*
11.00 HORIZON
12.00 DOA DAN SIARAN TAMAT

## SELASA 20 DISEMBER

**PAGI**

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02 TILAWAH AL-QURAN
6.15 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 RANCANGAN HARI INI
10.02 TELENOVELA- *'Betty La Fea (Betty The Ugly One)'*
10.50 LIZZIE MCGUIRE
11.15 LIPUTAN SEMASA
11.35 HALFWAY ACROSS THE GALAXY AND TURNLEFT
12.00 SIARAN TAMAT

**PETANG**

4.00 LAGU KEBANGSAAN
4.02 TILAWAH AL-QURAN
4.15 RANCANGAN HARI INI
4.20 KIDS HOUR: *'Why Why Family/New Adventures of Ocean Girl'*
4.45 GOL! GOL! BRUNEI - Siaran Langsung
5.00 LAST EDENS - *'Aldabra'*
5.45 BERITA
6.10 ZIHNUL ISLAM SR.3
6.13 AZAN MAGHRIB
6.45 AL-ISLAM

**MALAM**

7.00 DRAMA - *'Sindir-sindir Sayang'*
7.28 AZAN ISYAK
7.35 DOKUMENTARI
8.00 BERITA NASIONAL
8.50 AGENDA: *NASIS CONFERENCE*
9.20 EHSAN
9.30 DRAMA - *'Aur Dengan Tebing'*
10.00 NEWS AT 10
10.30 WITHOUT TRACE
11.20 THE PRETENDER
12.05 DOA DAN SIARAN TAMAT

# Para pemilik rumah Skim RPN diseru jaga kemudahan

**OLEH ABDULLAH ASGAR**

abdullah.asgar@information.gov.bn

GADONG, Khamis, 24 November. - Para pemilik dan penghuni rumah Skim Rancangan Perumahan Negara (RPN) di negara ini diingatkan agar tidak akan mengabaikan tanggungjawab dengan sewenang-wenangnya dan hanya mengharapkan atau bergantung kepada kerajaan untuk menyelesaikan masalah masing-masing di skim perumahan yang mereka diami.

Kerajaan telah menyediakan perumahan yang berkualiti di dalam kawasan yang telah dirancang, dilaksanakan, diurus dan dipelihara dengan teratur dan bersistematik, jelas Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Matassan.

Kemudahan itu disediakan dengan keadaan alam sekitar yang bersih semata-mata demi kesenangan dan kebajikan rakyat di negara ini.

Kualiti dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan seperti perumahan merupakan nikmat yang harus disyukuri dan menjadi tanggungjawab semua untuk menjaganya dengan baik dan sempurna.

Dato Paduka membuat peingatan itu ketika berucap di Forum Khas sempena Hari Habitat Sedunia 2005 dengan tajuk 'Kehidupan Berjiran dan Mematuhi Peraturan-peraturan Bagi Mengikuti Rancangan Perumahan Negara dan Skim Kurnia Rakyat Jati' pagi tadi di Institut Perhidmatan Awam anjuran Jabatan Kemajuan Perumahan.

Dalam usaha bagi memupuk hidup yang lebih berdisiplin dan teratur kerajaan telah menggariskan beberapa syarat dan peraturan bagi mengikuti Skim RPN.

"Ianya bertujuan untuk memupuk dan mewujudkan masyarakat bersatu padu yang hidup aman sejahtera, berdisiplin dan bertanggungjawab terhadap kemudahan-kemudahan yang diberikan demi untuk kesenangan semua," ujar Dato Paduka.

Para Penghulu Mukim dan Ketua Kampung selaku ejen kerajaan mempunyai peranan penting membantu kerajaan mencapai keharmonian dan kesejahteraan anak buah mukim dan kampung, di samping menyebarluaskan maklumat mengenai syarat dan peraturan kepada semua lapisan rakyat dan masyarakat serta penduduk di bawah jagaan masing-masing.

"Perkara ini amatlah penting memandangkan penduduk-penduduk yang tinggal di dalam kawasan perumahan negara adalah datang dari kampung yang berlainan dengan latar belakang dan budaya yang berbeza yang memerlukan satu mekanisme yang boleh menyatupadu dan mengukuhkan perpaduan selaras dengan konsep kejiranan perumahan negara yang terbuka," jelasnya.

Dengan adanya mekanisma tersebut perkara-perkara yang negatif dan tidak diingini dapat diatasi, di samping dapat menanamkan minda yang bersih dan bertamadun.

Majlis diteruskan dengan forum khas dari tiga orang ahli panel undangan, Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Awang Haji Muhammad Zain; Timbalan Dekan, Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saiffudien, Universiti Brunei Darussalam, Awang Haji Adanan dan Penolong Pengarah Syariah, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Noor.

Dalam forum tersebut ketiga-tiga ahli panel membuat peringatan pentingnya menjaga dan mewujudkan sikap berjiran dan harmoni kerana dalam Islam jiran adalah mereka yang diam berdekatan dengan kita sehingga 40 buah rumah, maka dalam Skim RPN dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati yang ada di negara ini berjiran adalah penting diutamakan.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Metassan bersama para pegawai dan jemputan forum berkenaan. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar Pg. Haji Omar.







# 79 murid terima hadiah Skim Galakan Khatam Al-Quran

**OLEH NOOR KHADIJAH TENGAH**

JALAN TUTONG, Khamis, 17 November. - Pada tahun ini seramai 158 murid dari seluruh negara telah menyertai Skim Galakan Khatam Al-Quran bagi murid-murid berumur 10 tahun ke bawah. Dari jumlah tersebut seramai 79 murid telah terpilih ke peringkat akhir iaitu bagi yang mencapai markah 70 peratus.

10 orang murid yang mencapai markah 80 peratus ke atas adalah terpilih sebagai penerima hadiah skim tersebut akan menerima wang tunai $1,000.00 seorang berserta sijil dan 39 murid menerima sijil penyertaan.

Pengarah Pengajian Islam, Ustazah Hajah Kasmah binti Haji Siput berucap demikian selaku Pengerusi Majlis Penyampaian Anugerah Skim Khatam Al-Quran Bagi Pelajar-pelajar Yang Berumur Di Bawah 10 Tahun Ke-15 bagi tahun 1426H/2005M berlangsung di Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, di sini.

Majlis tersebut dianjurkan oleh Jabatan Pengajian Islam (JPI) yang bertujuan sebagai langkah JPI memeriahkan dan menyeramakan Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam dan untuk menggalakkan serta membiasakan kanak-kanak sentiasa berdamping dengan Al-Quran serta melazimkan membacanya supaya menjadi kebiasaan bertadarus sehingga mereka dewasa.

Menurutnya, sejak tahun 1991 hingga tahun 2005, seramai 574 murid telah terpilih menerima hadiah skim tersebut.

Skim Galakan Khatam Al-Quran bagi murid-murid di bawah umur 10 tahun mula diperkenalkan pada tahun 1991 dan majlis yang diadakan pada pagi itu merupakan kali ke-15.

Penyampaian hadiah-hadiah dan sijil-sijil Skim Galakan Khatam Al-Quran bagi murid-murid di bawah umur 10 tahun disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Metarsat.

Bagi memeriahkan majlis tersebut, persembahan bacaan Al-Quran dibacakan oleh pelajar cemerlang dan persembahan tausyeh daripada murid-murid Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Majeedah Nuurul Bulqiah, Kilanas.

Pelita Brunei
IKLAN

BILANGAN 50 RABU 14 DISEMBER 2005 رابو 12 ذوالقعده 1426 PERCUMA

## UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

**BILANGAN TAWARAN : UBD/E8/18/2005 :**
SUPPLY OF LABOUR FOR THE MAINTENANCE OF THE LANDSCAPES, PLANTS, TREES AND GRASS AT UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM FOR TWO (2) YEARS TERM CONTRACT. Bayaran Dokumen dan Pentadbiran $ 50.00 (tidak dikembalikan).

**BILANGAN TAWARAN : UBD/E8/22/2005:**
RENOVATION WORKS FOR LIBRARY ADMIN COUNTER, UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM. Bayaran Dokumen dan Pentadbiran $ 50.00 (tidak dikembalikan).

**Syarat-syarat Tawaran:**

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Unit Tawaran dan Sebutharga , Bahagian Perkhidmatan Kewangan (A), Tingkat 1, Bangunan Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 petang pada hari **Selasa, 27 Disember 2005.**
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.
4. Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang jika tidak, permohonan tawaran ini akan ditolak.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran seperti mana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran sahaja, tanpa menunjukkan identiti Pembekal/Pemborong dan ditujukan kepada:-
   Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pendidikan,
   Bahagian Perkhidmatan Kewangan (A), Blok A, Tingkat 1,
   Lapangan Terbang Lama Berakas, BB3510,
   Negara Brunei Darussalam,
6. Dokumen-dokumen Tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Pejabat Bendahari, Universiti Brunei Darussalam.
7. Bayaran Dokumen dan Pentadbiran (tidak dikembalikan) dan hendaklah dibayar dengan wang tunai.
   Waktu menerima tawaran adalah seperti berikut:-
   Isnin-Khamis : 8.00 pagi hingga 11.00 pagi
   1.30 petang hingga 2.30 petang
   Sabtu : 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.
8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
9. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## JABATAN PENERANGAN
## JABATAN PERDANA MENTERI

### PERATURAN PENGIKLANAN DALAM EDISI IKLAN PELITA BRUNEI

1. IKLAN hendaklah dialamatkan kepada : **Penerbit Iklan Pelita Brunei, Bahagian Akhbar, Tingkat 2, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam.**
2. Rang iklan hendaklah dimasukkan dalam disket menggunakan Microsoft Word dengan saiz font 11 ke 12 point, manakala persuratan mengenainya boleh dihantar dalam 'hard copy".
3. Iklan hendaklah sampai kepada penerbit dua (2) minggu sebelum tarikh terbit iklan yang dikehendaki
4. Rang iklan hendaklah dalam Bahasa Melayu menggunakan ejaan rumi baru. Bahasa Inggeris hanya boleh digunakan bagi deskripsi iklan yang dibukakan untuk penyertaan dari luar negeri atau perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan.
5. Iklan-iklan hanya akan diterbitkan dua kali, itupun jika belum sampai kepada tarikh tutup tawaran. Walaubagaimanapun pengeluaran iklan yang diterima adalah tertakluk kepada kekosongan ruangan.
6. Jika perubahan mendadak pada iklan-iklan yang sudah dihantar hendaklah dimaklumkan kepada penerbit tidak lewat pada hari **Sabtu sebelum jam 10.00 pagi** bagi iklan yang akan diterbitkan pada minggu berikutnya.
7. Sebarang iklan yang hendak ditarik balik (dibatalkan) hendaklah dimaklumkan tidak lewat dari hari **Khamis 11.30 pagi** iaitu bagi iklan yang akan diterbitkan pada hari Rabu akan datang.
8. Hanya kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan dan agensi-agensi separuh kerajaan sahaja yang diterima mengiklankan di PELITA BRUNEI.
9. **Hanya permohonan iklan-iklan yang mematuhi syarat-syarat dan peraturan ini sahaja yang akan dipertimbangkan.**

## UNIT PENDIDIKAN KHAS (UPK)
## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**BILANGAN TAWARAN : MOE/EGOV/UPK/002-4/2004**

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi:
   **MOE/EGOV/UPK/002-4/2004**
   "THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISIONING AND MAINTENANCE OF SPECIAL EDUCATION ACCESS TO COMMUNICATION LEARNING MANAGEMENT SYSTEM (SALAM)"
2. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh diperolehi dari :
   Sekreteriat Lembaga Tawaran Kecil (A)
   Bahagian Perkhidmatan Kewangan
   Blok A, Tingkat 1
   Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
   Kementerian Pendidikan
   Bandar Seri Begawan BB3510
   Negara Brunei Darussalam
3. Bayaran harga Dokumen Tawaran berjumlah $200.00 (tidak dikembalikan) dibuat di:
   Unit Tunai dan Pembayaran,
   Bahagian Perkhidmatan Kewangan (B)
   Blok B, Tingkat 1,
   Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
   Bandar Seri Begawan BB3510
   Kementerian Pendidikan
   Negara Brunei Darussalam
4. Tarikh akhir mendapatkan Dokumen Tawaran adalah pada hari Rabu, 4 Januari 2006, jam 3.00 petang.
5. Tarikh hari maklumat ialah pada hari Rabu, 11 Januari 2006. Waktu dan tempat akan dimaklumkan kemudian.
6. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut :
   " THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISIONING AND MAINTENANCE OF SPECIAL EDUCATION ACCESS TO COMMUNICATION LEARNING MANAGEMENT SYSTEM (SALAM)"
   tanpa menunjukkan nama syarikat dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada Sekreteriat Lembaga Tawaran Kecil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan (A), Blok A, Tingkat 1, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari **Selasa, 14 Februari 2006**, jam 2.00 petang.
7. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat untuk menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

## JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
## KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

**BILANGAN TAWARAN : KPSU/TDD/TAW/2005/10**
Tajuk Tawaran : "DESIGNING, CONSTRUCTION, AND DISMANTLING OF THE BRUNEI TOURISM PAVILION AT INTERNATIONAL TOURISM BOURSE (ITB) 2006, BERLIN, GERMANY"
Yuran Tawaran : $100.00 (tidak dikembalikan)

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat berdaftar yang berpengalaman dari segi rekaan dalaman dan pembinaan booth atau pavilion di pameran-pameran perdagangan dan pelancongan dalam dan luar negeri dan tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada :
   Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
   Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
   Tingkat 4, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
   Jalan Menteri Besar
   Bandar Seri Begawan BB3910
   Negara Brunei Darussalam
   dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang bertempat di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat daripada hari **Selasa, 10 Januari 2006**, jam 2.00 petang.
2. Dokumen-dokumen tawaran dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Kemajuan Pelancongan, Tingkat Bawah, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
3. Pembayaran yuran tawaran hendaklah dibuat di Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Tingkat 4, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada waktu-waktu seperti berikut :
   Isnin - Khamis dan Sabtu : 8.00 pagi - 11.30 pagi, dan 1.45 ptg - 3.45 ptg
4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan Borang Tawaran asal yang telah disediakan.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

### MAKLUMAN

**LEBIH BANYAK IKLAN DI RUANGAN ANEKA MUKA SURAT 9, 10, 11 DAN 12.**

### SILA LAYARI LAMAN WEB KAMI BAGI :

**Jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan**
**http://www.brunet.bn/news/pelita/14dis/ikerja.htm**

**Iklan-iklan tawaran**
**http://www.brunet.bn/news/pelita/14dis/iiklan.htm**

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI DAN MAHKAMAH BESAR BANDAR SERI BEGAWAN**

**KEBANKRAPAN NO 83/2005**

HSBC FINANCE (B) BERHAD
.......Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
LAWAN
**1. LAKIM BIN HAJI MD NOOR (BYIC NO. 113477)**
**2. YUSMAH BINTI HAJI MOHAMAD (BYIC NO. 117016)**
......Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 10 November 2005.
Nama dan alamat terakhir diketahui :
1. LAKIM BIN HAJI MD NOOR
2. YUSMAH BINTI HAJI MOHAMAD,
Room No. 6, EF38, Flat Kerajaan Beribi,
Gadong BE1118, Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 27 Jun 2005. Bertarikh : 21 November 2005.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 10 November 2005. Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **18 Januari 2006 jam 9.30 pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **18 Januari 2006 jam 9.30 pagi.**

Bertarikh : 21 November 2005.

RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

**KEBANKRAPAN NO 168/2003**

IBB KREDIT BERHAD .....Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
LAWAN
**ZAINAL BIN JUDIN @ SISA**
**(BYIC NO 00-048656)** ....Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 10 November 2005.
Nama dan alamat terakhir diketahui :
ZAINAL BIN JUDIN @ SISA,
No. 13, Simpang 322, Kampong Subok, Bandar Seri Begawan BD2717, Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 27 Jun 2005. Bertarikh 21 November 2005.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 10 November 2005. Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **18 Januari 2006 jam 9.30 pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **18 Januari 2006 jam 9.30 pagi.**

Bertarikh : 21 November 2005.

RAMZIDAH PDKD HAJI ABRUL RAHMAN
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

**KEBANKRAPAN NO 23/2005**

STANDARD CHARTERED BANK
.......Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
LAWAN
**DK FARINAWATIE BINTI PG SALLEH**
**(BYIC NO 00-265668)**
......Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 12 November 2005.
Nama dan alamat terakhir diketahui :
DK FARINAWATIE BINTI PG SALLEH, No. 21, Simpang 57, Jalan 64, RPN Lambak Kanan BC3515, Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 21 Julai 2005. Bertarikh : 14 November 2005.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 12 November 2005. Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **5 Januari 2006 jam 2.00 petang.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **5 Januari 2006 jam 2.00 petang.**

Bertarikh : 14 November 2005.

LIM SIEW YEN
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

**KEBANKRAPAN NO 42/2005**

M. COME DESIGN & CONSTRUCTION SDN. BHD.
.......Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
LAWAN
**AWG KALONG BIN HAJI TASIM**
**(BYIC NO 00-051022)**
......Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 12 November 2005.
Nama dan alamat terakhir diketahui :
AWG KALONG BIN HAJI TASIM, No. 24, Simpang 229, Jalan Bebatik Kilanas, Bandar Seri Begawan BF2520, Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 25 Mei 2005. Bertarikh : 16 November 2005.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

